

PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA

Jilid V

Bil. 12

Khamis

20 Mei 1999

K A N D U N G A N

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA

- Penambahan Hari Mesyuarat (Ruangan)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG

- Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan
(1998 dan 1999) 1999. (Ruangan)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob,
P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T.,
P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,
Tan Sri Datuk Kasitah bin Gaddam (Dilantik)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum
(Dilantik)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

“ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)

“ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)

“ Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)

“ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)

“ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)

“ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)

“ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,
B.K.M. (Kedah)

“ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)

“ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)

“ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)

“ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T.,
J.P. (Melaka)

“ Datuk Christina Lorline Tibok @ Christine Vanhouten (Sabah)

Yang Berhormat Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)

- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Dato’ Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Dato’ Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- Yang Berhormat Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)

- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Abas (Melaka)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Noor (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara	:	Abdullah bin Abdul Wahab
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman Haji Mustakin bin Salamat
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen Yusop,	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop Mohamed bin Osman Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor Ramlah binti Mohd. Yusuff Nora'ini binti Hetam Miskiah binti Hassan Rosnani binti Ahmad
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh Mejar (B) Kamarudin bin Abdullah A.M.N., Psc TUDM
-------------------	---	--

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Khamis, 20 Mei 1999****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA***[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA**PENAMBAHAN HARI MESYUARAT**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini bahawa saya telah menerima satu perutusan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku ketua Majlis, menurut Peraturan Mesyuarat 10(2) Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara, supaya sebagai Mesyuarat Dewan Negara yang berjalan sekarang ditambah selama dua hari lagi iaitu pada hari Isnin 24 Mei dan hari Selasa 25 Mei 1999 untuk memberi masa yang lebih lagi bagi Dewan Negara membahas rang undang-undang yang dibentangkan oleh kerajaan.

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. **Tuan N. Marimuthu [Di bawah S.O.23(2)]** minta Menteri Pendidikan menyatakan :-

- (a) adakah apa-apa perubahan kepada sistem peperiksaan kini iaitu PTS, PMR, SPM dan STPM setara dengan penukaran citra (imej) sekolah-sekolah biasa ke sekolah smart; dan
- (b) mestikah sistem PTS 'pilihan' di tahap sekolah rendah perlu diwujudkan, di mana murid-murid yang lulus dengan cemerlang dalam PTS dapat terus mara ke tahun 5.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan,

- (a) Kementerian Pendidikan sedang merancang perubahan dalam sistem peperiksaan supaya selaras dengan perubahan ceria sekolah-sekolah biasa ke sekolah bestari (smart school). Sistem pentafsiran yang sedang dirancangkan berbentuk fleksibel dan berfokuskan kepada kebolehan individu. Sebagai permulaan tumpuan diberikan kepada pensijilan terbuka SPM.
- (b) Peperiksaan PTS diadakan sebagai tujuan memberi peluang kepada murid yang benar-benar cerdas dan cemerlang dapat melangkaui dari Tahun III ke Tahun V. Setakat ini murid-murid yang telah berjaya dalam peperiksaan ini dan memilih untuk melangkaui ke Tahun V tidak menghadapi masalah. Justeru itu, Kementerian Pendidikan telah meluluskan supaya PTS diteruskan.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak kerajaan bersetuju dengan wujudnya persepsi orang ramai sekarang ini berkenaan dengan kurikulum sekolah yang kini wujud tidak mencerminkan dan melahirkan murid-murid yang mempunyai daya kreatif dan inovasi serta kritikal kerana mereka lebih cenderung kepada dengan izin, examination oriented, berkenaan dengan peperiksaan sahaja. Adakah pihak kerajaan juga bersetuju bahawa kini wujud satu lagi persepsi di mana firma-firma swasta terutamanya mengatakan bahawasanya pelajar-pelajar yang mendapatkan pendidikan daripada luar negara lebih mempunyai keyakinan diri, confident, dengan izin, untuk menahuti cabaran-cabaran. Kalau ianya benar adakah pihak kerajaan memikirkan cara-cara bagaimana untuk mewujudkan sistem pendidikan dengan kurikulum yang mempunyai unsur-unsur yang boleh melahirkan murid-murid yang kreatif, inovatif dan mempunyai keyakinan diri yang jati?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Aziz tentang kedua-dua soalan itu. Yang penting dari segi konsepnya, tentang kesan sistem persekolahan kita dari segi persepsi tidak mewujudkan murid-murid atau pelajar-pelajar yang mempunyai keupayaan dari segi kreatif dan inovatif, sebenarnya ini bukan satu imej keseluruhan, kerana memang graduate yang keluar dari sekolah-sekolah kita

dengan SPM, SPTM apabila mereka di luar negara untuk mengikut kursus, kebanyakan mereka dapat dengan izin, first class honours dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa sistem persekolahan kita boleh keluarkan pelajar-pelajar yang boleh bersaing dengan pelajar-pelajar yang lain dari universiti-universiti terkemuka seperti Harvard dan sebagainya.

Tetapi tidak boleh dinafikan bahawa ibu bapa kita ada memberi banyak perhatian kepada peperiksaan. Maka dengan itulah Kementerian Pendidikan tidak boleh lari dari tanggungjawab kita untuk menentukan bahawa sekolah-sekolah boleh memberi bantuan kepada pelajar-pelajar untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang. Namun demikian, kita akan terus memberi perhatian kepada kegiatan kokurikulum supaya mereka boleh menjadi seseorang individu yang sempurna.

Sama ada graduate-graduate kita boleh bersaing dengan mereka yang mendapatkan ijazah dari luar negara, pada keseluruhannya dari segi akademik adalah sama. Tetapi dari segi feedback kebanyakan firma-firma memberitahu Kementerian Pendidikan, dalam sesi temu duga pada keseluruhannya graduate-graduate luar negara, mereka boleh membayangkan sedikit kebolehan dari segi interaksi, dari segi membayangkan idea-idea mereka. Kebanyakan graduate kita lebih diam sedikit dan sebagainya. Tetapi selepas berfungsi dalam firma-firma selama tiga bulan, lima bulan mengikut feedback graduate kita mempunyai asas yang lebih kukuh untuk membolehkan mereka melaksanakan tugas mereka dibandingkan dengan graduate-graduate luar negara.

Tuan N. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, berapa orang murid sekolah anak bumiputera sekolah Tamil dan Cina telah lulus peperiksaan PTS pada keseluruhannya?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya akan jawab secara bertulis soalan itu.

Tuan Tee Thiong Hock: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan berkenaan dengan sistem peperiksaan. Pada waktu saya di sekolah dahulu saya kena lulus Standard VI examination sebelum saya boleh naik ke Tingkatan I, selepas itu kena lulus SRP (LCE) waktu itu, sebelum saya boleh dinaik ke Tingkatan IV dan V. Tetapi pada hari ini semua murid dapat terus sampai ke Tingkatan V. Memang ini

adalah satu sistem yang bagus tetapi ada juga kelemahannya. Saya mahu bertanya Timbalan Menteri di sini macam mana kita boleh menjamin murid-murid yang terus naik dari Tingkatan III ke Tingkatan IV dan V yang tidak berminat or academically inclined, macam mana mereka dapat menggunakan masa dua tahun itu di sekolah dengan cara yang memuaskan, kerana kebanyakan murid yang ponteng, yang potong pagar keluar dari sekolah, lompat longkang itu kebanyakannya academic inclined dan kalau mereka kena menduduki peperiksaan SRP, pendidikan mereka tidak boleh lulus. Jadi ada orang cadangkan supaya lebih baik tenaga ataupun mereka be given vocational training atau industrial training semasa di Tingkatan III, IV dan V. Adakah kementerian anggap ini satu cadangan yang sesuai?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat tentang pendapat beliau. Dari segi matlamat memang Kementerian Pendidikan sudah laksanakan dengan jayanya, dengan izin, universalization of both primary and secondary school, iaitu memberi tempat kepada semua supaya mereka boleh dinaikkan sehingga ke Tingkatan V kalau mereka berminat untuk mendapat kelayakan di peringkat SPM. Kita harap akan terus memperluaskan konsep itu supaya peratusan mereka yang boleh dapat peluang untuk mengikut kursus di peringkat tertinggi, tertiary education, dengan izin, merupakan sekurang-kurangnya 40% daripada had 19 ke 24 tahun. Ini adalah tujuan kita menjelang tahun 2020.

Namun demikian, memang kita faham bahawa ada sekumpulan yang tidak mempunyai minat dari segi akademik. Untuk kumpulan ini Kementerian Pendidikan akan mewujudkan pusat-pusat latihan perindustrian, pusat-pusat vikasional supaya kita boleh beri peluang kepada mereka memfokuskan kepada kemahiran dari segi fizikal. Kita juga akan galakkan mereka laksanakan atau salurkan minat mereka kepada bidang-bidang seperti dengan izin, industrial design, creative design, bidang-bidang perkomputeran dan sebagainya di mana kebanyakannya merupakan bidang yang boleh menarik minat mereka selain daripada minat baca buku, tulisan dan sebagainya.

2. **Tuan Khoo Lay Hin [Di bawah S.O.23(2)]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan apakah Kementerian sedar bahawa masih lagi wujud iklan-iklan di televisyen yang kurang sesuai dan lari dari nilai-nilai pembentukan akhlak positif kepada kanak-kanak dan remaja.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Dato' Chan Kong Choy]: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian saya sentiasa peka dan selalu mengambil berat bagi memastikan iklan-iklan di RTM1 dan 2, TV3, Mega TV, ntv7 dan Astro mengikut dan memenuhi peraturan dan tatacara pengiklanan seperti mana yang ditetapkan oleh kerajaan. Tindakan ini adalah untuk memastikan proses pembentukan nilai-nilai dan sosio-budaya kanak-kanak dan remaja terjamin kemurniannya.

Sehubungan dengan itu, selaras dengan peruntukan-peruntukan yang dibekalkan di dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, kementerian akan mengkaji semula untuk memperkemas peraturan-peraturan kod amalan pengiklanan yang perlu dipatuhi menerusi perbincangan dalam forum industri. Melalui forum industri ini pihak-pihak TV, radio, media massa, agensi-agensi pengiklanan dan kesatuan pengguna dapat berbincang bersama untuk mewujudkan kod pengiklanan yang bersesuaian dan tidak melanggar tatasusila, nilai dan budaya masyarakat Malaysia.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berikutan dengan pelaksanaan akta yang baru Yang Berhormat sebut tadi dicadangkan supaya diwujudkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia. Bolehkah kita diberi gambaran sepintas lalu kedudukan status dan what is next, dengan izin, secara ringkas mengenai commission ini?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun soalan tambahan ini tidak berkaitan dengan soalan pokok tetapi saya masih hendak mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Ghazi. Selepas akta ini diluluskan oleh pihak Parlimen kita telah menguatkuasakan akta ini pada 1 April 1999 dan suruhanjaya telah pun diwujudkan dan semua fungsi yang ada kaitan dengan komunikasi dan multimedia iaitu penyiaran (broadcasting), telekomunikasi dan juga perkomputeran telah pun diambil alih oleh suruhanjaya ini. Sejak 1 April 1999 kakitangan yang secukupnya telah diambil oleh suruhanjaya dan masa sekarang kita sedang menubuhkan beberapa forum yang berkenaan supaya semua kerja dahulunya dijalankan oleh JPM dan juga Jabatan Penyiaran dapat dilaksanakan dengan sempurna. Saya hendak

berikan jaminan kepada Dewan yang mulia ini sungguhpun suruhanjaya ini baru ditubuhkan tetapi apa jua kerja yang dahulunya dikendalikan oleh kementerian ataupun jabatan yang lain dapat dijalankan dengan begitu lancar sekali.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, saya ingin merujuk kepada perlakuan-perlakuan ataupun tindakan-tindakan yang dibuat oleh pihak-pihak yang menyiarkan gambar-gambar melalui Internet yang saya anggap adalah merupakan kesalahan (fraud) dari segi undang-undang yang pernah kita luluskan di Dewan ini. Sebagai contohnya, baru-baru ini pihak artis telah gempar dengan adanya gambar-gambar yang ditayangkan didakwa bahawa superimposed telah dilakukan oleh pihak-pihak yang tertentu. Begitu juga dengan fitnah-fitnah yang dibuat melalui Internet. Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia sehingga hari ini ada berapakah aduan yang telah pun dibuat oleh mana-mana pihak mengenai penyalahgunaan kemudahan-kemudahan komunikasi yang ada di negara kita dan berapa orangkah yang telah diambil tindakan mengikut peraturan yang telah pun kita luluskan di mana kalau saya tidak silap RM100,000 dikenakan kepada pihak-pihak yang melakukan jenayah-jenayah yang tersebut.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan masih mengambil pendirian seperti dahulu iaitu kita tidak akan mengadakan censorship, dengan izin, pada bahan-bahan dalam Internet. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna pihak-pihak yang tertentu boleh menggunakan Internet untuk menyebarkan bahan-bahan yang fitnah dan bahan-bahan yang palsu. Sebenarnya sebelum kelulusan akta yang disebutkan oleh Yang Berhormat, dulunya memang ada juga akta-akta seperti 'Akta Penal Kod', 'Akta Seksaan' dan sebagainya boleh digunakan untuk mengambil tindakan mahkamah terhadap mereka yang terlibat dengan aktiviti yang saya sebutkan tadi.

Sehingga sekarang belum ada lagi sesiapa yang dituduh ataupun dihadapkan ke mahkamah di bawah akta ini. Tetapi di bawah akta yang lain seperti di bawah 'Akta Penal Kod', dengan izin, pihak kerajaan telah pun menerima beberapa laporan dan tindakan telah pun diambil untuk membawa mereka yang terlibat ke mahkamah. Tetapi berapa kes angka yang tepat saya tidak dapat memberitahu Dewan yang mulia ini pada pagi ini dan saya akan memberi jawapan kepada Yang Berhormat secara bertulis.

3. **Dato' P. Krishnan [Di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Pendidikan menyatakan bagaimanakah kejayaan program membaca dan apakah ukuran mengenai sikap membaca di kalangan rakyat Malaysia.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, kejayaan program membaca dapat dilihat daripada jumlah keahlian perpustakaan dan pinjaman bahan perpustakaan yang bertambah di Perpustakaan Negara Malaysia dan Perpustakaan Awam Negeri dari tahun ke setahun. Pada tahun 1998 jumlah keahlian perpustakaan awam di seluruh negara meningkat sebanyak 13.3% berbanding dengan 1997. Jumlah bahan pinjaman perpustakaan pula meningkat sebanyak 13.8%.

Berdasarkan kajian tabiat membaca rakyat Malaysia 1996, kadar literacy rakyat Malaysia yang berumur 10 tahun ke atas, ialah 93% dan rakyat Malaysia yang mengamalkan tabiat membaca ialah 87%.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya telah berjumpa seorang murid dalam tingkatan 3 yang tidak boleh menulis, membaca dan mengira dengan betul. Saya percaya mungkin keadaan seperti ini banyak lagi dalam sekolah-sekolah kita. Jadi saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menentukan supaya murid-murid seperti ini boleh membaca, menulis dan mengira supaya usaha kerajaan untuk menempatkan mereka di sekolah-sekolah vokasional akan berhasil sekiranya murid-murid ini tidak, dengan izin, academically incline.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang dalam sesuatu kumpulan, memang ada segelintir yang mempunyai masalah membaca, menulis dan sebagainya. Ini tidak boleh dinafikan dan Kementerian Pendidikan akan terus mengadakan, dengan izin, remedial teachers supaya pelajar-pelajar tersebut dapat dibantu dan dibekalkan dengan bahan-bahan yang lebih berkesan. Dari segi pendidikan vokasional dan sebagainya memang Kementerian Pendidikan akan terus memperluaskan tempat-tempat di pusat latihan vokasional, sekolah vokasional dan sebagainya supaya pelajar-pelajar yang tidak berminat dari segi akademik dapat juga peluang untuk memperluaskan kebolehan mereka.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pihak Timbalan Menteri menyatakan tadi bahawa murid-murid dan rakyat membaca telah meningkat 83%. Saya hendak tahu membaca dalam Bahasa Melayukah ataupun Bahasa Kebangsaan sebab mengikut akta Bahasa Kebangsaan 1963-1967, semakan 1971 dan Akta Pendidikan 1996 adalah nyata dan tegas bahawa pihak Kementerian Pendidikan mestilah jadi penganjur utama untuk mendaulatkan Bahasa Kebangsaan. Sekarang ini Bahasa Kebangsaan sangat tidak memuaskan dari segi penggunaan di pihak jabatan dan seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita pergi ke Perancis, hendak ambil ijazah Perancis, kena belajar bahasa Perancis, kalau kita hendak pergi ke Jepun, hendak ambil ijazah Jepun, kita kena belajar bahasa Jepun. Kalau kita hendak pergi ke Germany pun begitu. Tetapi di IPTS satu kelonggaran telah pun diberi untuk menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Inggeris telah pun digunakan bukannya sebagai bahasa yang kedua tetapi bahasa pengantar. Saya hendak kerajaan memikirkan perkara ini Bahasa Kebangsaan, Bahasa Melayu kita mesti jadi bahasa pengantar di IPTS dan pihak pendidikan mesti buat permulaan. Kelonggaran itu jangan disalahgunakan.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, dari segi fokus Dasar Pendidikan Negara kita, semua pun faham juga kita memberi keutamaan kepada Bahasa Kebangsaan kita. Itu tidak boleh lari, itu merupakan fokus kita dan kesannya adalah jelas. Kalau kita dengar perbualan antara pelajar-pelajar atau murid-murid sekolah rendah sama ada sekolah Cina, sekolah Tamil, atau sekolah kebangsaan. Apabila mereka berdialog dalam Bahasa Kebangsaan, kita dengar sahaja jangan tengok muka dia, kita tidak tahu siapa dia, dengar sahaja, mereka lebih licin. Orang tua kita lebih berfungsi dibandingkan kami, kita di sini.

Jadi, ini adalah kesan tetapi dari segi definisi, literacy, kita menggunakan definisi antarabangsa iaitu kebolehan dalam apa jua bahasa. Kalau orang itu boleh baca, menulis dalam apa jua bahasa, sebagai definisi, defined orang itu sebagai mempunyai tahap literate, dengan izin .

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Soalan tambahan. Saya ingin hendak bertanya berkenaan dengan kualiti buku-buku yang wujud di kutubkhanah kita ini. Kalau kita hendak membaca setakat kita hendak membaca novel picisan dan sebagainya itu tidak bererti kita akan meningkatkan ilmu. Jadi dalam keadaan seperti yang demikian Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks itu, saya ingin hendak bertanya kepada pihak kerajaan apakah dari segi jurang masa di mana institut penterjemah menterjemahkan buku-buku yang ilmiah di peringkat bahasa Cina, Jepun, Perancis, English ke dalam bahasa Malaysia kerana saya diberitahu kadangkala buku-buku ini dikeluarkan terutama sekali dari segi ciri-ciri dan konsep-konsep dikeluarkan tahun ini, diterjemahkan di Malaysia lebih kurang 5 tahun kemudian. Jadi knowledge gap kita, Tuan Yang di-Pertua, amat jauh, amat besar.

Jadi, saya ingin hendak mengetahui adakah pihak kerajaan boleh memantau perkara ini dan adakah pihak kerajaan kini berpuas hati dengan kerja-kerja yang dijalankan di institut penterjemah kalau sekiranya kita hendak mewujudkan satu bahan pembacaan yang berkualiti di peringkat antarabangsa.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Pendidikan mengakui bahawa terjemahan merupakan satu masalah, bukan sahaja masalah yang dihadapi oleh Malaysia tetapi dihadapi juga oleh negara-negara yang tidak menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama seperti negara Jepun, negara China dan sebagainya. Malaysia merupakan sebuah negara yang kecil dan mempunyai pasaran yang kecil, usaha-usaha terjemahan tidak mempunyai, dengan izin, commercial value, kerana pasaran kita tidak besar berbandingkan dengan negara Jepun, China yang lebih besar, ada lebih insentif untuk individual membuat tugas terjemahan.

Namun demikian, Kementerian Pendidikan akan terus menambahkan peruntukan supaya usaha terjemahan dapat dilaksanakan dengan lebih luas dan lebih cepat.

4. Tuan Long bin Jidin minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan taraf kesihatan masyarakat Orang Asli apabila pos-pos perubatan di perkampungan Orang Asli ditutup:

- (a) bagaimanakah masyarakat Orang Asli di pedalaman mendapat rawatan perubatan; dan
- (b) daripada keseluruhan perkampungan Orang Asli, berapa buah kampungkah yang menerima khidmat Kementerian Kesihatan, Khidmat Kesihatan Jabatan Orang Asli dan yang tidak menerima sebarang perkhidmatan kesihatan daripada kedua-dua agensi tersebut.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat

[Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan:

- (a) Apabila pos-pos perubatan di perkampungan Orang Asli ditutup, perkhidmatan kesihatan akan diberi melalui klinik-klinik bergerak yang disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Jangka masa lawatan perubatan ke perkampungan Orang Asli adalah sekali dalam sebulan.
- (b) Di sini jawapan saya adalah keseluruhannya kerana pada masa ini terdapat sejumlah 840 buah perkampungan Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Keseluruhan perkampungan Orang Asli ini telah dibekalkan dengan perkhidmatan kesihatan sama ada dari Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ataupun Kementerian Kesihatan Malaysia. Perkhidmatan kesihatan yang diberikan adalah melalui pos-pos kesihatan, klinik-klinik bergerak dan melalui perkhidmatan udara dengan kerjasama Tentera Udara Diraja Malaysia. Perkhidmatan yang diberikan termasuklah perkhidmatan pesakit, kesihatan ibu dan anak, pencegahan penyakit, saringan kesihatan, pendidikan kesihatan serta bekalan air bersih dan pembinaan tandas.

Untuk makluman Yang Berhormat, tidak ada kampung yang tidak menerima perkhidmatan kesihatan sama ada dari Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ataupun Kementerian Kesihatan Malaysia. Walau bagaimanapun kekerapan lawatan sama

ada daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli atau Kementerian Kesihatan Malaysia banyak bergantung kepada faktor-faktor luaran seperti cuaca, keadaan jalan dan sebagainya.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, memandangkan masyarakat Orang Asli adalah masyarakat yang penting di negara kita sebab mereka adalah sebahagian daripada pribumi Malaysia. Saya ingin mendapat penjelasan dari pihak kerajaan sama ada Orang Asli ini terdedah kepada jenis-jenis penyakit yang kronik yang sekarang kita dapati banyak menjadi risiko kepada golongan-golongan tertentu seperti JE, HIV positif dan sebagainya. Apakah dengan maklumat ini pihak kerajaan telah mempunyai satu unit untuk mengesan dan apakah tindakan-tindakan untuk membantu masyarakat Orang Asli?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, mengikut satu jenis ataupun dua jenis penyakit seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar iaitu pada masa ini belum ada lagi pihak kementerian mendapat maklumat adanya penyakit-penyakit tersebut.

Dato' Abul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya pernah mewakili satu kawasan di mana pengundi-pengundi saya terdiri ramai daripada Orang Asli iaitu di kawasan Dewan Undangan Negeri Pahang iaitu Bera. Saya hendak tahu dan saya amat terperanjat sekali, apabila melihat keadaan di mana Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan Kementerian Kesihatan memberikan layanan yang tidak begitu seimbang dan kurang memuaskan berbanding dengan perkhidmatan yang diberikan kepada mereka yang di bandar.

Kita tidak mahu Orang Asli dipinggirkan daripada merasai perkhidmatan yang sesuai. Jadi saya hendak tahu sekarang ini, adakah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dalam keadaan kita sudah merdeka selama 42 tahun, relevan atau tidak dengan keadaan sekarang ini kerana hendak memberikan perkhidmatan kepada Orang Asli dan apakah perbezaan jangka hayat antara mereka yang tergolong daripada penduduk-penduduk Orang Asli dengan the mainstream population, dengan izin, dengan orang yang tinggal di bandar-bandar di Malaysia, adakah perbezaan?

Kalau inilah caranya perkhidmatan kesihatan yang kita berikan kepada mereka, saya rasa ada perbezaan dan apakah perbezaan, adakah jangka hidup mereka 50 tahun sahaja walaupun orang Malaysia 70 tahun dan bagaimana perkara ini dapat kita buktikan adanya perkhidmatan yang memuaskan.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada ucapan ataupun pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Senator dari negeri Pahang. Jadi, saya rasa pandangan Yang Berhormat memang cukup baik tetapi pada masa ini Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat masih ditugaskan untuk mengendalikan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli di bawah kementerian. Bilakah masa yang disebutkan oleh Yang Berhormat, kita tunggu sahaja apabila masanya sampai. Tetapi bagi pihak kementerian, semenjak tahun 1980-an ada menyediakan klinik iaitu melawat pos di seluruh Semenanjung, iaitu daripada 840 kampung ada 55 pos. Di Kelantan ada 15, di negeri Pahang ada 11 pos dan di negeri Perak ada 25 pos.

Jadi, saya telah difahamkan bahawa hanya setengah sahaja yang ada pembantu luar iaitu pegawai daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang disebut field assistant, dengan izin, yang dilatih dalam bidang kesihatan dan yang setengahnya masih lagi kosong. Inilah yang disebutkan oleh soalan asal daripada Yang Berhormat Long bin Jidin.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak merasmikan satu balai rawatan di Pos Lim, hari Selasa yang lepas, saya tidak tahu pos ini kosong. Apabila saya datang ke sana untuk merasmikan balai raya, saya nampak ramai jururawat datang ke tempat itu, mungkin ada Yang Berhormat-Yang Berhormat melihat dalam *New Straits Times*, ada gambar mereka sedang memeriksa seorang wanita yang mengandung. Balai tersebut pada asalnya nama 'Landing Zon Tenau' tetapi pagi tadi saya bertanya dengan Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, yang mana saya telah merasmikan Balai Rawatan Pos Lim. Pegawai-pegawai yang datang dari Kementerian Kesihatan Malaysia. Ini bermakna kementerian mengetahui mengapa ianya kosong kerana pegawai luar belum dilantik. Kita belum mendapat tahu bilakah akan dilantik dan diganti tetapi pihak kementerian telah pun meminta untuk ditambah dan yang lain itu, ada. Pihak kementerian yang

mengendalikan perkhidmatan kesihatan Orang Asli, memang seboleh-bolehnya perkhidmatan ini akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, seharusnya Orang-orang Asli sama-sama dapat turut menikmati keselesaan hidup dalam negara kita, tetapi saya masih nampak di kawasan sepanjang di Cameron Highlands kehidupan Orang-orang Asli seolah-olah tidak terbela, apakah setakat ini minda mereka masih berada dalam tahap budaya yang lama. Terima kasih.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang disebut oleh Yang Berhormat itu ialah terkeluar dari soalan asal.

5. Dato' Ting Check Sii minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah tarikh mula pembinaan “aerobridge” di lapangan terbang Sibu dan kosnya.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini pembinaan “aerobridge” di lapangan terbang Sibu masih belum dimulakan. Projek ini yang akan dilaksanakan oleh Malaysian Airport Bhd. masih dalam proses perundingan dengan kontraktor-kontraktor yang disenarai pendekkan ataupun shorlisted untuk empat tawaran yang lebih baik dari segi teknikal dan harga yang berpatutan dengan skop kerja yang ditentukan oleh MBB. Projek ini dijangka akan ditawarkan pada kontraktor yang berjaya pada awal Jun 1999 dan pelaksanaan akan mengambil masa selama 10 bulan dan dijangka siap pada bulan Mei 2000. Kos ini tidak dapat dikenal pasti dengan tepat tetapi oleh sebab belum ditawarkan tetapi dianggarkan lebih di antara RM6 juta hingga RM6 juta setengah. Terima kasih.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, terima kasih. Mengenai “aerobridge” saya ingin bertanya kepada pihak kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah pihak kementerian menyimpan statistik tentang prestasi lapangan terbang ini dari segi perkhidmatan mengenai “aerobridge”, saya sendiri berpengalaman dan rakan-rakan kawan saya juga memberitahu kadang-kadang kita sampai tetapi orangnya tidak ready untuk menjalankan “aerobridge” jadi kita ada airport yang baik, kita rasa megah tetapi

orang kompelin, kenapa kena tunggu lama, sudah kita dengar beberapa hari yang lepas mengenai sign board kurang, makannya kurang jadi kalau ini adalah ciri-ciri, kriteria mereka mengukur kualiti airport kita, jadi saya ingin bertanya tentang kedudukan statistiknya cara mengukurnya dan cara penyelesaiannya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, “aerobridge” ini digunakan banyak di KLIA, di lapangan terbang lain di Pulau Pinang dan Johor Bahru baru mula hendak digunakan. Di Labuan akan digunakan, tetapi dari segi prestasi “aerobridge” di KLIA pada mulanya memang ada sedikit dengan izin, teething problem tetapi oleh sebab dia satu jenis yang baru maka dia ada sikit-sikit masalah, tetapi sekarang ini kita dapati perjalanan “aerobridge” ini sudah dibaiki kecuali kadang-kadang operator dia itu lambat sikit sampai dan kadang-kadang bila dia tukar bay dia tidak tahu, jadi adalah lambat sikit tetapi masalah-masalah ini saya rasa buat ketika ini dapat diatasi. Dari segi itu saya ingat kita tidak perlu bimbang lagilah sebab kita buat monitoring untuk menjaga penjaga-penjaga “aerobridge” ini selalu dan kita selalu mendapat feedback dan jika Yang Berhormat ada masalah beritahu penerbangan mana dan waktu mana kita akan siasat dan betulkan. Terima kasih.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ada kaitan dengan soalan asal, soalan saya ialah bilakah kerajaan memasang dengan izin “aerobridge” kalau tidak salah saya tiga lagi di bangunan lapangan terbang Kuching yang sudah siap dibina tambahan bangunan tersebut.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak tahu nanti saya beri jawapan.

6. Dato’ Haji Ahmad bin Ismail minta Menteri Kewangan menyatakan apakah benar terhadap dakwaan yang menyebut bahawa pemulihan ekonomi Malaysia akan gagal kerana Malaysia menghadapi defisit belanjawan yang agak besar tahun ini iaitu melebihi RM16 bilion.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, dakwaan bahawa defisit belanjawan

sebanyak RM16.1 bilion akan menggagalkan pemulihan ekonomi Malaysia adalah tidak benar. Ini kerana defisit ini merupakan satu rangsangan fiskal yang bertujuan untuk mencergaskan semula keadaan ekonomi bagi menampung dan menyokong pelan pemulihan ekonomi negara. Bagi melengkapkan pelan pemulihan keseluruhan defisit Kerajaan Persekutuan bagi Belanjawan 1999 yang dibentangkan pada bulan Oktober 1998 telah dihadkan sebanyak RM16.1 bilion atau 6.1% daripada Keluaran Negara Kasar (KNK).

Dasar fiskal yang mengembang ini dirangka memandangkan aktiviti perniagaan sektor swasta yang lemah kerana kebanyakan sektor swasta mengalami masalah mudah tunai akibat kegawatan ekonomi, oleh yang demikian kerajaan telah mengambil langkah meningkatkan perbelanjaan pembangunannya untuk menyokong aktiviti-aktiviti ekonomi bagi mempercepatkan proses pemulihan ekonomi di samping memastikan kemakmuran sosial ataupun social safety net rakyat terjamin. Perbelanjaan tambahan ini telah dirangka dengan teliti untuk memberi kesan pergandaan yang tinggi kepada pertumbuhan ekonomi terutamanya sektor pembinaan di samping memastikan tidak wujud tekanan inflasi.

Pertumbuhan sektor pembinaan akan memberikan kesan positif kepada industri bahan binaan. Walaupun negara mengamalkan belanjawan defisit, defisit ini akan dibendung pada paras yang dapat diuruskan supaya ia tidak mengancam pertumbuhan jangka masa panjang. Defisit ini akan dibiayai oleh pembiayaan yang tidak bersifat inflasi menerusi tabungan tempatan dan punca luar negara, khususnya pinjaman dua hala dan pelbagai hala. Kerajaan akan memastikan pengurusan pinjaman luar yang berhemat untuk mengekalkan hutang luar pada paras yang boleh diurus.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan buat masa ini berapakah banyak pinjaman daripada luar negara yang telah diterima oleh kerajaan dan apakah lagi punca-punca dana daripada luar negara yang berkemungkinan negara akan dapat menggunakannya. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kita ada pinjaman dari pinjaman pasaran, kita ada pinjaman dari pinjaman OECF

ataupun kita ada pinjaman dari Bank Dunia dan kita ada pinjaman pada Bank Pembangunan Islam. Kalau kita lihat daripada pinjaman pasaran City Bank, 'Jaksim' kita ada untuk projek ke Rawang-Ipoh double tracking projek US\$500 juta ataupun RM1,900 juta dan kita dapat pada 1999 RM231 juta, Kuantan Port kita dapat pinjaman sebanyak US\$40 juta atau RM152 juta dan anggaran pengeluaran tahun 1999 ialah sebanyak RM38 juta, yang lain seperti Look East Policy kita dapat pinjaman Yen sebanyak 14,026 juta atau RM440 juta dan anggaran 1999 sebanyak RM34 juta. SMI fund ataupun IKS kita dapat Yen sebanyak 16,290 juta atau RM511 juta dan kita dapat 1999 RM245 juta. Yang lainnya seperti Bank Dunia-social support project ataupun yang mengenai kemiskinan dan sebagainya kita dapat US\$60 juta atau RM228 juta dan untuk 1999 kita dapat US\$38 juta, education support project services ataupun Kementerian Pendidikan kita dapat US\$242 juta atau RM920 juta dan untuk 1999 kita dapat US\$123.

Yang lain, macam Bank Pembangunan Islam misalnya, kita dapat misalnya peralatan pendidikan Universiti Islam Antarabangsa kita dapat US\$25 juta ataupun RM96 juta dan tahun 1999 RM11 juta yang kita dapati, Hospital Daerah, Kementerian Kesihatan dan berbagai-bagai lagi projek. Perlu saya ingatkan di sini kepada Ahli Yang Berhormat, oleh kerana permohonan pinjaman kita ini merupakan aktif dan produktif projek, jadi kita harapkan nanti hasil daripada itu akan dapat segera kita membayar hutang-hutang kita dalam keadaan yang terurus, terima kasih.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Pertamanya, kita merakamkan tahniah kepada sentuhan emas oleh kerajaan dalam menyelesaikan program pemulihan ekonomi negara kita. Kalau tidak silap saya, pertumbuhan dalam sektor strategik pembinaan dalam budget pada tahun lepas ialah negatif lapan. Dalam program merangsangkan semula ekonomi ini adalah didapati pembinaan ini ditakrifkan sebagai sektor strategik tetapi non productive, dengan izin. Jadi apakah langkah-langkah yang sesuai supaya program

sektor pembinaan ini dapat dirangsangkan dengan lebih saksama supaya ianya dapat sekurang-kurangnya pertumbuhan negatif lapan ini dapat dipertingkatkan, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membetulkan bahawa sektor pembinaan ini bukan merupakan tidak produktif tetapi kurang produktif. Jadi, tidak dengan kurang itu jauh bezanya. Apa yang diharapkan sepertimana yang kita katakan selalu, kalau kita ada sektor pembangunan ini, satu sektor pembangunan ia akan mengembangkan sebanyak 121 industri, kalau misalnya kita hendak perlukan perumahan kita kena ada batu bata, kita kena ada pasir, kita kena ada simen, kita kena ada besi keluli, kita kena ada transport dan berbagai-bagai lagi. Jadi, satu industri kita hendak 101 industri-industri yang berkenaan akan tumbuh. Jadi, langkah yang telah diambil oleh kerajaan pertamanya ialah baru-baru ini kita tahu bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah berjumpa dengan semua pegawai daerah minta supaya dapat kita lekaskan projek-projek pembangunan ini.

Yang keduanya, kita beri prosedur baru kalau misalnya Yang Berhormat di kawasan dahulu kalau RM100 ribu mesti ada tender dan sebagainya sekarang ini kita cepatkan RM100 ribu itu kita boleh minta cotation sahaja ataupun kita beri terus kepada kontraktor-kontraktor yang berwibawa, yang mahir, yang bagus track rekod dia dan satu lagi ialah kita adakan satu lagi peraturan di mana selepas 14 hari mereka menerima tender itu mereka kena masuk dalam kawasan itu, tidak ada lagi hendak katakan itu tidak siap, ini tidak siap dan sebagainya.

Dan untuk menggalakkan sektor ini selepas tamat 14 hari kita akan beri 50% duit bayaran, belum lagi tengok CF betul ke tidak betul dan sebagainya. Jadi kita pun ada dua unit, satu di unit Bank Negara dan satu lagi di unit tempat kita, di Kementerian Kewangan untuk melihat dan sesiapa kontraktor-kontraktor yang lambat dapat pembayaran boleh mengadu kepada kita, kita akan mengambil tindakan segera, terima kasih.

7. **Tuan Haji Abdul Wahid bin Syed Ghany** minta Menteri Kewangan menyatakan setelah mengambil alih MBF Finance berhad, apakah rancangan masa depan Bank Negara untuk syarikat ini.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd Salleh: Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara Malaysia ataupun BNM mengambil alih MBF Finance Berhad pada 31 Disember 1998, ketika MBF masih solven untuk memperkukuhkan kedudukan kewangan dan pengurusan MBF itu sendiri. Bank Negara Malaysia telah melantik Encik Law Ngiap Gim sebagai Ketua Pegawai Eksekutif bagi MBF dan Danamodal Nasional ataupun Danamodal telah menyuntik RM1.6 bilion ke dalam MBF pada Mac 1999 bagi meningkatkan nisbah modal berwajaran risiko MBF kepada 15.1% daripada jumlah aset berwajaran risiko, minimumnya 8%. Dengan penambahan modal ini MBF sekarang mempunyai kapasiti untuk meneruskan aktiviti pemberian pinjaman.

Bagi memperkukuhkan pengurusan MBF Danamodal akan melantik beberapa orang Pengarah ke dalam MBF untuk melaksanakan pembaharuan mikro yang merangkumi amalan pengurusan risiko dan budaya kredit yang baik, pentadbiran korporat berhemat serta operasi yang lebih cekap. Dengan pengurusan yang mantap dan kedudukan kewangan yang kukuh MBF dijangka dapat memainkan peranan yang lebih efektif dalam operasi perbankan setelah kedudukan kewangan dan pengurusan MBF telah diperkukuhkan. BNM akan membatalkan pengambilalihan kawalan ke atas MBF berkenaan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Kita telah bangkitkan dahulu berkenaan penggabungan bank-bank. Soalan tambahan, saya ingin bertanya apakah kesan positif peranan Danamodal dalam usaha menggabungkan institusi kewangan dan berapakah institusi-institusi yang dapat digabungkan dan bagaimana kedudukan dengan 13 bank asing dengan izin, foreign bank di dalam negara kita ini yang mempunyai ekuiti 100% kedudukan bank ini dari segi kekuatan dan kemantapan

bank ini berbanding dengan bank-bank tempatan yang hendak digabungkan ini, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd Salleh: Tuan Yang di-Pertua, sejak pengumuman Bank Negara Malaysia pada 31 Mac 1998, sebanyak 10 buah syarikat kewangan telah digabungkan atau diserapkan oleh bank perdagangan induk masing-masing. Jadi, 12 buah syarikat kewangan lain pula dijangka akan melengkapkan proses penggabungan penyerapan menjelang akhir 1999. Mengenai bank-bank tempatan sebanyak 3 cadangan penggabungan bank-bank perdagangan telah diumumkan iaitu di antaranya:

- (i) RHB Bank Berhad dengan Sime Bank Berhad;
- (ii) Bank Bumiputra Berhad dengan Bank Of Commerce Malaysia Berhad; dan
- (ii) BSN Commercial Bank Berhad dengan Perwira Affin Bank Berhad.

Dan penggabungan tersebut dijangka selesai sebelum akhir 1999. Seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, penggabungan dapat memberi banyak faedah secara positifnya kepada institusi kewangan yang bergabung, pemegang-pemegang saham, pelanggan-pelanggan dan keupayaan operasi dan kompetitif perdagangan yang disertakan seperti memperkukuhkan kedudukan modal institusi berkenaan, mempertingkatkan daya saing institusi yang bergabung, mempunyai kesan positif ke atas keuntungan institusi, mempertingkatkan pulangan kepada pemegang saham, mempertingkatkan keupayaan institusi perbankan, mempertingkatkan produktiviti industri perbankan.

Kita ada tiga belas bank asing seperti mana yang dikatakan tadi, dan kedudukan mereka kukuh, dan baru-baru ini Bank Negara Malaysia juga telah menyatakan bahawa kemungkinan ekuiti asing boleh masuk 100% jika bank-bank tempatan tenat tetapi ini masih lagi dalam pertimbangan tidak seperti Singapura, terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengambil izin untuk mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana berani sangat mewujudkan Danamodal, Danaharta bagi menentukan sistem perbankan kita dapat dimantapkan lagi dan ini saya ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, MTEN dan Pegawai-pegawai Kementerian Kewangan yang bekerja bertungkus lumus sehinggakan World Bank, IMF semua setuju sekarang ini. Dengan sistem yang kita buat ini akan meningkatkan lagi perkembangan ekonomi kita.

Soalan saya, bersangkutan dengan kerajaan terutama sekali menerusi Danamodal ini berapa banyakkah kerajaan hendak menggunakan Danamodal untuk membuat suntikan kepada institusi-institusi yang sudah tenat yang mempunyai NPL yang berlebihan berapa banyak, berapa ramai institusi yang akan mendapat suntikan daripada Danamodal dan apakah optimum level jumlah bank yang patut Malaysia wujudkan, kalau hendak berdepan dengan masalah-masalah dan cabaran-cabaran globalisasi, kerana saya difaham Tuan Yang di-Pertua, negara jiran kita hanya akan mewujudkan dua buah bank sahaja. Jadi, Malaysia berapa buah bank, bank tempatan dan bank asing sepatutnya kita wujudkan bagi hendak berlawan dan berdepan dengan cabaran-cabaran globalisasi.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, sejak Danamodal telah mengenal pasti 14 institusi-institusi perbankan yang memerlukan permodalan semula dan telah menyuntik sebanyak RM6.2 bilion dalam bentuk pinjaman modal subordinate boleh ubah dan ke dalam sepuluh daripada 14 institusi perbankan tersebut seperti yang diminta:

- (i) Rashid Hussain Bank Berhad dengan Sime Bank sebanyak RM1,500 juta;
- (ii) Arab Malaysia Bank Berhad – RM800 juta;
- (iii) Arab Malaysian Finance Berhad – RM500 juta;
- (iv) Arab Malaysian Merchant Berhad – RM400 juta;
- (v) BSN Commercial Bank – RM210 juta;

- (vi) Oriental Bank Berhad – RM700 juta;
- (vii) Sabah Bank Berhad – RM140 juta;
- (viii) United Merchant Finance Berhad – RM317 juta;
- (ix) MBf Finance Berhad – RM1,600 juta; dan
- (x) Perdana Merchant Bankers Berhad – RM50 juta.

Kita tahu bahawa kita ada mempunyai bank tempatan dan juga bank luar negara, kerajaan sekarang sedang berbincang untuk mencari optimum-minimum berapa bank yang kukuh sebelum WTO datang ke tempat kita.

8. Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan berapakah jumlah peruntukan pembangunan wanita yang telah disalurkan untuk meningkatkan sosio-ekonomi kaum wanita. Apakah pihak kementerian telah menyalurkan geran bantuan kepada projek-projek cadangan dari HAWA negeri-negeri atau pertubuhan wanita. Jika ada, berapakah bilangannya, nilai dan bentuk projek yang mendapat bantuan mengikut negeri-negeri.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat

[Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah diperuntukkan dengan jumlah RM20 juta untuk melaksanakan Program Pembangunan Wanita pada tahun 1999.

Awal tahun ini, HAWA telah mengemukakan 24 cadangan projek pembangunan wanita yang berjumlah RM26 juta kepada Perbendaharaan untuk kelulusan. Kementerian juga melalui HAWA telah memberi grant bantuan kewangan kepada HAWA negeri berjumlah RM8,000 setahun dan RM324,000 untuk pengurusan Pusat Khidmat Wanita (PKW) di bawah PINTAS.

Di samping grant bantuan ini HAWA negeri boleh mendapatkan bantuan daripada agensi-agensi di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dalam melaksanakan projek mereka.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi penjelasan tadi. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, mengapa masa yang begitu lama diambil oleh pihak kementerian

untuk melaksanakan program-program dan juga peruntukan-peruntukan yang diperuntukkan untuk HAWA.

Saya dimaklumkan pada bulan November 1997 bahawa peruntukan ini telah ada dan bagi HAWA di negeri Perlis, kami telah menghantar sebanyak tujuh kertas kerja pada bulan Disember 1997, sekarang ini sudah tahun 1999. Jadi saya ingin bertanya mengapa masa yang begitu panjang diambil oleh pihak kementerian untuk hendak menentukan ataupun untuk menghantar permohonan ini kepada pihak Perbe ndaharaan dan sehingga ke hari ini pun kita belum tahu lagi sama ada projek-projek yang dicadangkan itu akan lulus ataupun tidak. Terima kasih.

Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat yang prihatin berkenaan dengan perkara ini, jadi saya hanya dapat memberi penjelasan iaitu apabila saya berbincang dengan Yang Berhormat Menteri sendiri, saya akan memberitahu beliau supaya perkara ini dapat dilulus dengan secepat mungkin.

9. Puan Kamalia binti Ibrahim minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah dasar Kerajaan Malaysia mengenai krisis makanan di Indonesia dan adakah pihak kementerian bercadang untuk mengambil tindakan memberi bantuan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Luar Negeri.

Sebagaimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum akibat dari kegawatan ekonomi di rantau ini serta musim kemarau yang berlarutan di Indonesia, negara tersebut telah mengalami kekurangan bahan-bahan asas seperti beras, minyak masak, gula, garam, ikan, tepung, gandum dan susu.

Sebagai sebuah negara jiran yang rapat dengan Indonesia, Malaysia amat prihatin terhadap situasi ekonomi semasa Indonesia termasuklah krisis makanan yang menimpa penduduk negara tersebut.

Sehubungan dengan ini, pada tahun 1998 yang lalu, Kerajaan Malaysia telah pun memberi sumbangan ikhlas dalam bentuk barangan seperti susu pekat, susu

tepung, minyak masak, beras, gula dan ubat-ubat yang bernilai RM1 juta kepada Indonesia.

Sukacita juga saya jelaskan bahawa Kerajaan Malaysia bersedia untuk membantu meringankan penderitaan rakyat negara jiran melalui apa jua cara yang terdaya dan termampu.

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya, memandangkan krisis ini akan memberi implikasi kepada bukan sahaja di Malaysia tetapi satu ‘a regional crisis’, adakah Malaysia memulakan satu inisiatif dengan rakan-rakan kawasan di ASEAN untuk memberi kerjasama dan membuat satu gabungan untuk membantu menangani masalah makanan di Indonesia kerana kita tahu implikasi ini akan merebak bila berterusan krisis di Indonesia ini. Terima kasih.

Dato’ Azmi bin Khalid: : Tuan Yang di-Pertua, sememangnya rangka kerja sebagai dasar pada umumnya memang ada kerjasama antara Malaysia dengan negara-negara jiran khasnya ASEAN. Jadi bidang kerjasama tidak hanya terbatas kepada perkara-perkara khusus tetapi secara umum jika berlakunya masalah di kawasan-kawasan jiran, kita juga membawa perkara ini dalam perbincangan bersama. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan sudah pun selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 34 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN
(1998 DAN 1999) 1999**

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah, “bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” *[19 Mei 1999]*

Tuan Yang di-Pertua: Diminta Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin menyambung ucapan.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Dalam meneruskan

Tuan Yang di-Pertua: Harap maaf sekejap, berapa orang lagi Ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas dalam tajuk ini?

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Tujuh, oh ramai lagi, kita beri sepuluh minit seorang ya, satu jam. Silakan.

11.09 pagi

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, dalam meneruskan perbahasan di atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1998 dan 1999) 1999, saya ingin meneruskan hujah secara ringkas mengenai mengapa perlunya bagi kerajaan mengkaji untuk menubuhkan Kementerian Petroleum Negara yang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pentadbiran dan operasi Petronas.

Saya tidak mencadangkan penubuhan kementerian ini tetapi saya meminta kerajaan mengkaji dan melihat kemungkinan-kemungkinan tentang keperluannya. Sekalipun Petronas terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri tetapi ia terlihat dan dirasakan oleh rakyat sebagai sebuah institusi yang bebas, yang tidak tertakluk kepada pemantauan secara dekat oleh rakyat.

Dengan struktur organisasinya, Pengerusi Eksekutif, Presiden dan pengarah-pengarah dengan kedudukannya sebagai sebuah konglomerat yang terbesar di antara keuntungannya yang terbesar di dunia, dengan izin, *the most profitable conglomerate in the world*’, saya rasa dan dengan autonomi tertentu yang ada kepada peneraju-penerajunya, maka tidaklah boleh disalahkan jika rakyat melihat Petronas sebagai kerajaan dalam kerajaan.

Saya tidak bermaksud bahawa Perdana Menteri tidak dapat mengawal Petronas, tetapi perkembangan terakhir khususnya the behaviour atau kelakuan para petugas, pegawai-pegawai di bawahnya yang telah pun mendapat keistimewaan yang lebih besar daripada lain-lain institusi kerajaan telah memperlihatkan kekurangan atau kegagalan mereka untuk menghadapi inspirasi nasional dalam menghadapi kegawatan yang ada sekarang. Masalah ini telah ditimbulkan oleh rakan-rakan saya terdahulu dan saya tidak perlu untuk memberikan butir-butirnya.

Kesedaran terhadap tanggungjawab ini mungkin berada di kalangan atas tetapi tidak berjaya diserapkan kepada kalangan bawah. Mungkin ini juga kerana pegawai-pegawai tertinggi terlalu elitis dalam sikap mereka dan tidak memahamkan tanggungjawab sosial Petronas kepada mereka.

Dari segi perbincangannya mungkin kalau kita mengadakan suatu kementerian, ia akan menjadikan menterinya sebagai seorang yang 'the most powerful minister' yang akan melindungi Perdana Menteri sendiri dan ini telah pun berlaku pada satu ketika di Indonesia. Jika ini menjadi halangan, saya suka mencadangkan supaya seorang Menteri di Jabatan Perdana Menteri diberikan tugas khusus mengenai Petronas supaya rakyat sedar bahawa Petronas sentiasa di bawah penyeliaan dan pengawalan, pengerusi dan presidennya juga akan menyedari bahawa mereka adalah tertakluk kepada kuasa politik, terpaksa menjawab secara langsung persoalan-persoalan

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih kerana memberi laluan. Saya hendak tumpang tanya Yang Berhormat, kalau diizinkan iaitu apakah Yang Berhormat sedar bahawa dalam cadangan untuk kita telah ada menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menjaga khusus industri berat terutama sekali Petronas, langsung juga tidak mendapat perhatian melalui sikap yang begitu elitis dan egois oleh pemimpin-pemimpin kanan Petronas, apakah ini sebenarnya maksud Yang Berhormat bahawa satu penyusunan semula pegawai-pegawai kanan Petronas ini supaya dapat menterjemahkan hasrat murni sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Dan apakah Yang Berhormat sedar juga bahawa ada beberapa pendekatan yang dilakukan oleh Petronas mutakhir ini yang langsung seolah-olah mempunyai

unsur-unsur subversif dalam pendekatan pembangunan dan pembinaan minyak dan gas serta petrokimia di negara kita. Itu kalau boleh Yang Berhormat saya hendak tumpang sama dalam perbincangan ini.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai pendapat yang berlainan bahawa saya mempunyai kepercayaan yang penuh kepada Pengerusi Eksekutifnya, Tan Sri Azizan dan juga kepada Presidennya, tetapi ada kemungkinan bahawa mereka tidak menerapkan inspirasi nasional yang ada di bawah mereka kepada orang-orang di bawah yang telah memperlihatkan kegagalan dan ketidakupayaan untuk menghadapi, untuk bersama berkongsi kegawatan ekonomi yang memerlukan rawatan yang luar biasa dalam keadaan-keadaan ini.

Sama ada penyusunan semula itu adalah terlalu besar untuk saya memberikan pandangan pada ketika ini, tetapi suatu orientasi baru, suatu perasaan yang baru haruslah diwujudkan dengan meletakkan mereka di bawah tanggungjawab secara langsung di bawah seorang menteri yang bertanggungjawab sepenuhnya sekalipun sekarang ada menteri yang pada satu ketika di Jabatan Perdana Menteri yang diberikan tanggungjawab dalam mengendalikan Petronas tetapi sekarang ini ia tidak terlalu jelas dan tidak begitu dirasakan oleh rakyat, seperti mana kita merasakan tanggungjawab Menteri Perusahaan Utama mengendalikan pemasaran kelapa sawit dan sebagainya.

Saya tidak menafikan bahawa Petronas telah menjalankan tanggungjawab sosial, umpamanya daripada apa yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Fauzi semalam kepada Dewan ini bahawa usaha-usaha membantu usahawan bumiputera dilaksanakan oleh Petronas melalui Program Pembangunan Usahawan (PPU) dan rancangan franchising dan dealership dan sebagainya.

Hal-hal ini telah dilakukan dan kita berbangga tetapi soalnya ialah bahawa sebuah konglomerat yang besar haruslah melambangkan keupayaan untuk menghayati inspirasi nasional dan tidak mempertikaikannya daripada atas sampai ke bawah oleh orang-orang di dalam Petronas itu sendiri dan hal ini saya rasa sedikit-sebanyak telah menimbulkan keraguan masyarakat dan rakyat, terutamanya rakyat adalah orang-orang UMNO yang telah mempersoalkan masalah ini dalam Dewan ini.

Apa salahnya kalau negara-negara lain, negara OPEC lain mempunyai menteri, diwakili oleh menteri, tidakkah boleh Malaysia sendiri juga mempunyai taraf yang sama dalam perwakilannya ke persidangan yang seumpama ini.

Saya menyedari bahawa seperti yang saya katakan tadi sekiranya berkemungkinan bahawa suatu perbelanjaan yang lebih besar diperlukan dalam keadaan kegawatan ekonomi negara sekarang untuk menubuhkan kementerian ini tetapi tanggungjawab ini haruslah diberikan khusus kepada seorang menteri di dalam Jabatan Perdana Menteri sendiri supaya seperti Perdana Menteri itu sendiri menyedari bahawa di belakangnya adalah terdapat Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, maka orang-orang di Petronas sendiri tidaklah merasakan bahawa mereka mempunyai autonomi yang terlalu besar untuk menjalankan tanggungjawab mereka bahawa politik adalah tetap menguasai kepentingan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya sebelum saya pergi kepada Wisma Putra, saya ingin mengalu-alukan suatu pengumuman yang sangat ditunggu-tunggu yang telah dibuat secara tidak langsung oleh Pengarah Jabatan Pembangunan Kokurikulum di Kementerian Pendidikan iaitu Puan Sharifah Fatma dalam suatu forum kebudayaan nasional semalam, beliau telah mengumumkan secara tidak langsungnya bahawa kokurikulum sekolah sedang dikaji untuk, izinkan saya quote dalam bahasa Inggeris, saya tidak dapat menterjemahkan, untuk 'a quantum leap' kepada kokurikulum antarabangsa. Dan katanya, langkah ini diambil untuk memenuhi keperluan kepada melahirkan 'dynamics and balance individual' untuk membawa negara ini ke alaf baru.

Saya merasakan bahawa ini adalah suatu tindakan yang tepat pada masanya, satu ubat yang paling mujarab, suatu langkah yang pada akhirnya akan mengeluarkan kita daripada nasionalisme yang sempit, ketaasuban kepada agama, kefanatikan dan juga sifat-sifat yang membahayakan negara bagi masa depan.

Pada peringkat ini kita melihat anak-anak yang dinamik, anak-anak yang dapat menyesuaikan diri dengan nilai-nilai antarabangsa, anak-anak yang memegang jawatan-jawatan penting dalam institusi-institusi nasional yang besar, kebanyakannya kalau dikaji adalah terdiri daripada anak-anak dari golongan yang elitis, golongan yang sememangnya adalah golongan atasan, baik dari BSKL kalau

kita kaji satu persatu, kita melihat bahawa mereka ini adalah dari golongan elitis, bukan daripada golongan rakyat biasa dan pemisahan ini terus wujud ialah oleh kerana, saya berkata tidak keseluruhannya, tetapi dalam beberapa hal, sistem pelajaran kebangsaan itu sendiri kalau daripada keseluruhannya, mungkin bukan sistem itu tetapi kokurikulum itu sendiri tidak dapat melahirkan anak-anak bangsa yang dapat menyesuaikan diri dengan kehendak-kehendak negara itu sendiri kepada penyesuaian nilai-nilai antarabangsa.

Jadi, hal ini saya rasa secara ringkasnya jika keadaan ini diteruskan, apa yang kita lihat krisis politik, krisis-krisis nilai yang terus berlaku sekarang adalah oleh kerana kegagalan di dalam masalah ini. Krisis besar yang sedang berlaku sekarang ialah kegagalan anak-anak bangsa untuk memahami, melihat krisis politik ini secara rasional. Kegagalan orang Melayu untuk melihat politik untuk survival seperti mana keupayaan orang-orang bukan Melayu melihat bahawa ekonomi itu adalah untuk survival tetapi orang Melayu masih melihat politik sebagai jalan untuk survival.

Kegagalan melihat keadaan ini adalah berpunca daripada ketidakupayaan dan kelemahan yang dibekalkan oleh kerana kurikulum itu sendiri yang tidak dapat melahirkan masyarakat dan anak-anak yang dinamik, rasional dan yang mempunyai sikap yang balance atau balance individual.

Jadi, saya rasa ini adalah langkah yang telah terlewat tetapi masih boleh dilaksanakan dan saya amat gembira, saya harap Kementerian Pendidikan akan mengkaji dengan serius dan benar-benar melaksanakannya, kalau tidak pemisahan daripada zaman Tengku Abdul Rahman sampai sekarang dan inilah kita melihat kekolotan yang masih wujud menjadikan masalah politik tidak berkemampuan untuk melihat masalah ini secara praktikal.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Puan Kamilia binti Ibrahim.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana kesuntukan masa, saya sangat tertarik dengan cadangan Yang Berhormat Datuk Zainudin, saya ingin mencadangkan supaya apa yang telah disarankan Yang Berhormat itu menjadi satu topik untuk perbincangan secara seminar ataupun forum kerana ianya sangat relevan terutamanya dalam Dasar Pendidikan Negara. Terima kasih.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya ada sedikit untuk menambah satu perenggan sahaja. Jika keadaan ini dibenarkan berterusan tanpa kita check maka kita akan terus melahirkan golongan besar yang anti-establishment dan golongan elitis yang eksklusif di mana satu pemisahan dalam satu bangsa berlaku yang kita lihat hari ini. Jadi, sekarang saya akan pergi ke dasar luar Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mungkin mengambil masa sedikit. Dasar luar Malaysia yang pragmatik telah teruji.....

Tuan Yang di-Pertua: Kalau boleh pendekkan sedikit supaya dapat peluang kepada orang lain sama, ya.

Datuk Zainudin bin Maidin: Insya-Allah, Tuan Yang di-Pertua, saya akan cuba. Dasar luar yang pragmatik telah teruji dengan pelbagai cabaran yang terlihat dalam senario dasar luar pro-barat di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman, dasar berkecuali di bawah pimpinan Tun Abdul Razak dan dasar nilai Asia yang sedang dijuarai oleh Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Keupayaan para diplomat yang profesional di Wisma Putra menjiwai, mempromosi, mengeksploitasi, memanipulasi dan menjayakan dasar negara yang berubah mengikut perubahan sosial, ekonomi dan politik negara tidak dapat dinafikan dan seharusnya diberi sanjungan dan pujian. Umumnya semua dasar ini telah mencapai kejayaan sekalipun telah menghadapi cabaran yang getir dan tanpa meriakkan prinsip dan dasar yang rigid dalam beberapa hal dasar luar Malaysia telah menampakkan ketrampilan visi dan dari segi pencapaian ekonomi dan keselamatan negara.

Dasar probarat Tunku Abdul Rahman telah memberikan asas kepada kemantapan dan keselamatan negara dan dasar berkecuali Tun Abdul Razak membuktikan kedaulatan dan kebebasan Malaysia dan dasar nilai Asia Dato Seri Dr. Mahathir sedang membina maruah Malaysia di arena antarabangsa. Keupayaan dan kecanggihan Wisma Putra dalam menjalankan semua dasar ini terlihat ketika menghadapi cabaran demi cabaran. Tunku Abdul Rahman dianggap sebagai alat Barat dan Tun Abdul Razak di anggap sebagai pro komunis dan Dato Seri Dr. Mahathir sekarang disifatkan sebagai anti-Barat. Tetapi terdapat perhitungan

positif di Indonesia sendiri yang mencemburui peningkatan maruah Malaysia di arena antarabangsa mengatakan Dato Seri Dr. Mahathir ini bersengketa politik dengan Barat tetapi berkawan ekonomi dengan Barat.

Di sebalik pencapaian diplomasi antarabangsa, Wisma Putra terus menjadi tumpuan kritik. Tetapi ini tidak seharusnya dilihat sebagai kehilangan kepercayaan kepada Wisma Putra, tetapi seharusnya diperhitungkan sebagai keprihatinan rakyat terhadap Wisma Putra yang mencerminkan dasar negara. Kedutaan-kedutaan Malaysia dan juga pejabat-pejabat pesuruhjaya tinggi semestinyalah proaktif dalam mempromosi dasar negara terutama sekali dasar ekonomi dan politik negara.

Dalam keadaan negara disalahmengertikan, dicabar oleh jiran dan rakan, dikelirukan oleh the most powerful media maka tentulah performance wakil-wakil kita di luar negara, diplomat kita dari duta, pesuruhjaya tinggi, menteri, councillor, atache dan lain-lain menjadi persoalan dan perhatian. Apakah mereka bekerja, apakah mereka bersifat proaktif, apakah yang aktif hanya di pengkalan-pengkalan serangan dan tidak di seluruh negara. Apakah mereka mengambil kesempatan daripada kemarakan, keinginan manusia ingin tahu, mengambil kesempatan dari ini untuk mencambahkan maklumat-maklumat yang lebih besar di seluruh dunia mengenai Malaysia, apakah ini dilakukan?

Kalau ditanya tentulah Wisma Putra akan menjawab ya, tetapi jika terdapat kekeliruan di kalangan pegawai kerajaan dan rakyat dalam negara yang memahami krisis politik sekarang maka kemungkinan hal yang sama berlaku di kedutaan atau di pejabat-pejabat pesuruhjaya tinggi Malaysia di luar negara. Malah mereka lebih cepat dan lebih banyak terdedah kepada maklumat yang mengelirukan dari mendapat 'first-hand news' dari dalam negara.

Sejauh mana cepatnya Wisma Putra berkomunikasi dengan wakil-wakilnya di luar negara di bawah kesedaran bahawa dasar luar negara adalah selamanya merupakan lanjutan dari dasar dalam negara atau, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, 'it is extension of the home policy'. Maka itu, dalam keadaan apa pun wakil-wakil kita di luar negara mestilah menyuarakan dasar dalam negara dan dengan izin, 'they must echo our domestic policy'. Sejauh manakah keaktifan dan keberkesanan dalam memerangi serangan luar, menangkis misinformation, salah

mengerti, kekeliruan, fitnah, media bias dan sebagainya di luar negara adalah menjadi persoalan kita dalam negara.

Sejauh manakah pula pendekatan Duta atau Pesuruhjaya Tinggi kita di luar negara dengan para pelajar kita yang juga terdedah dengan maklumat-maklumat anti-Malaysia, anti-Mahathir terutama sekali di United Kingdom, Amerika Syarikat, Canada, Mesir, New Zealand dan Jepun. Mengadakan dialog dan pertemuan dengan mereka hanya pada ketika genting bukanlah satu sikap yang proaktif, mengambil sikap hanya memberikan kenyataan akhbar atau penjelasan hanya bila keadaan memerlukan bukanlah sikap proaktif. Sekalipun media asing di London ataupun di New York tidak menyiarkan penjelasan kita tetapi kenyataan atau penjelasan dalam isu-isu besar negara mestilah terus dilakukan kepada mereka. Kenyataan-kenyataan ini mestilah mempunyai pendekatan generalistik dan bukan berupa dokumen kerajaan yang menjemukan.

Saya percaya dengan Malaysia yang menjadi negara yang paling kontroversi di dunia sekarang dengan apa yang disebutkan oleh *Time Magazine* bahawa negara yang paling banyak disebut di dunia sekarang maka sebarang kenyataan kita akan diminati, dibaca dan cuba difahami oleh media asing. Mereka mungkin tidak menggunakannya tetapi ini sudah cukup untuk mereka sekurang-kurangnya memahami kita. Dalam keadaan biasa mungkin mereka tidak begitu mempedulikannya tetapi dalam keadaan keinginan manusia ingin tahu, maka mereka akan mengambil berat membaca dan memahami.

Dalam masalah ini kita terfikir tentang cadangan yang telah dibuat berulang kali oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, wakil dari Pahang, supaya orang politik dilantik menjadi duta atau wakil luar negara, Pesuruhjaya Tinggi ataupun Duta. Saya melihat keperluan ini dalam negara menghadapi krisis kepimpinan dan kegawatan ekonomi sekarang dan mungkin dalam krisis-krisis yang kita tidak duga. Saya bagaimanapun dapat memahami perasaan Wisma Putra dalam soal ini, Diplomat mestilah terdiri dari mereka yang terlatih dalam jurusan ini. Tetapi jika ahli politik yang berkualiti dihantar ke luar negara maka dia akan dapat menjadi seorang Diplomat yang lebih baik dari Diplomat yang terlatih.

Tetapi masalahnya ialah sudah menjadi dasar negara yang tidak tertulis ialah ahli-ahli politik yang dihantar menjadi Diplomat biasanya ialah mereka yang

bermasalah atau menjadi masalah kepada politik dan negara, jadi di mana maruah kita. Pokoknya, di mana keyakinan negara luar kepada kita, mereka mengetahui lebih banyak lagi dengan CIA dan sebagainya, tentang latar belakang setiap orang di sini termasuk Timbalan Perdana Menteri dan sebagainya, mereka mengetahui lebih daripada kita. Selain daripada itu, ahli-ahli politik yang apabila diminta tentunya lebih bersedia memilih Paris, London, Bonn, Switzerland, New Zealand atau Australia.

Mungkin kalau Dato' Haji Mohd. Zuki bersedia untuk ke Bangladesh, mungkin itu adalah sesuatu yang sangat dihargai. Dalam pada itu, saya tidak menafikan, contohnya Datuk Abdullah Ahmad, wakil dari Kok Lanas, walau apa pun kita katakan tentangnya tetapi saya mengetahui latar belakangnya, saya mengetahui keupayaannya dan kecekapannya secara dekat. Maka, tidak dapat dinafikan bahawa beliau telah menjalankan performance yang amat berguna dalam keadaan yang genting ini dan sesekali kita juga mendapat apa yang boleh dilakukannya, yang tidak boleh dilakukan oleh diplomat yang lain iaitu beliau menulis dan memberikan maklumat yang perlu di dalam negeri dan juga di luar negeri.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya tidak bermaksud bahawa Wisma Putra harus melakukan perkara yang sama tetapi dalam alasan saya untuk menegaskan bahawa perlunya juga dipertimbangkan orang-orang politik untuk mengambil tempat sebagai diplomat tetapi itulah kriterianya. Janganlah apabila telah tidak dikehendaki, maka barulah dihantar tetapi haruslah mereka ini terdiri daripada ahli-ahli politik yang berwibawa, ahli-ahli politik yang telah mengambil keputusan muktamad untuk bersara daripada politik dan insya-Allah, mereka akan dapat memberikan sumbangan kepada negara.

Saya juga ingin mencadangkan supaya top echelon di Wisma Putra tidak diberikan peluang untuk membuat keputusan sendiri atau membuat keputusan antara mereka untuk memilih di mana mereka harus pergi tetapi kerajaan dan kuasa politik mestilah menentukan mereka yang berkewibawaan besar yang dinilai dari segi efficacy dan effectivenessnya mestilah berada di tempat yang terpenting dan tergenting bagi negara. There must be right man at the right place, dengan izin.

Dalam hal ini saya mencadangkan supaya duta-duta atau pesuruhjaya-pesuruhjaya tinggi yang berada pada kualiti ini dihantar ke negara-negara di mana wujudnya masyarakat Malaysia yang besar, maksud saya di mana wujudnya konsentrasi dan pemusatan pelajar-pelajar kita seperti di UK, Amerika Syarikat, Canada, Australia, New Zealand, Mesir dan Jepun.

Tanggungjawab untuk mendekati para pelajar dengan dasar negara bukanlah terletak semata-mata kepada MSD yang lebih banyak bertanggungjawab tentang kebajikan, positioning pelajar dan juga hal-hal yang bersangkutan dengan scholarship dan sebagainya tetapi adalah menjadi tanggungjawab langsung pejabat-pejabat pesuruhjaya tinggi dan kedutaan kita kerana merekalah merupakan pusat pengisian dasar negara. Perkara ini telah disuarakan dari masa ke semasa tetapi dari masa ke semasa juga kita telah mendengar bahawa duta-duta di beberapa tempat tidak bertindak sewajarnya. Mereka hanya mengadakan pertemuan dengan pelajar apabila keadaan memerlukan dan bukanlah di dalam keadaan-keadaan biasa.

Demikian juga saya mengesyorkan supaya duta-duta dan pesuruhjaya-pesuruhjaya tinggi mengambil peluang daripada lawatan-lawatan menteri ke tempat mereka terutamanya di mana ada ramai pelajar untuk mengatur menteri-menteri yang pergi berehat dan sebagainya. Walaupun ini tidak disenangi tetapi haruslah diatitkan program-program bagi mereka untuk menemui pelajar-pelajar dan sebagainya. Walaupun mungkin ini agak berat bagi kedutaan-kedutaan untuk melakukannya tetapi tanggungjawab kepada negara adalah lebih besar daripada lain-lain tanggungjawab daripada masalah-masalah diri dan juga masalah-masalah kerehatan bagi menteri-menteri sendiri.

Di samping itu setiap orang diplomat saya rasa tidaklah seharusnya di tempatkan di sesuatu negara atau postingnya terlalu lama sehingga 10 tahun di satu-satu tempat. Kalau memang syarat postingnya 3 tahun, 3 tahunlah. Adakalanya hal ini berlaku bukan kerana merit tetapi kerana diplomat berkenaan mempunyai hubungan yang rapat dengan orang yang berpengaruh dalam kerajaan sendiri. Saya ingat eloklah kita menamatkan aliran ini. Kita bersikap tegas untuk kepentingan negara. Kita semua telah maklum tentang kualiti-kualiti yang diperlukan untuk seorang diplomat. Saya tidak bermaksud untuk membicarakan perkara ini tetapi secara ringkasnya seorang diplomat adalah seorang yang extrovert dengan izin,

Tuan Yang di-Pertua, sociable, speaks well, knowledgeable, communicable, mempunyai art of communication, suka membaca, suka kepada knowledge dan lain-lain sikap yang positif.

Saya tidak perlu memberitahu kualiti ini kepada Wisma Putra. Wisma Putra mempunyai sejarah teragung dalam melahirkan outstanding diplomat seperti Allahyarham Zain Azrai, Zainal Abidin Sulong, Razali Ismail (RAZ) yang menjadi Pengerusi Bangsa-Bangsa Bersatu, Tan Sri Kamil dan Zakaria Ali tetapi saya merasakan dan ramai merasakan, saya tidak tahu sama ada benar atau ini hanya semata-mata perasaan sahaja bahawa zaman kegemilangan itu telah mulai pudar dan saya tidak tahu apakah diplomat-diplomat yang handal ini, diplomat-diplomat yang cemerlang ini, bakat, keupayaan dan kebolehan mereka telah dipergunakan oleh universiti-universiti kita.

Umpamanya, Tan Sri Zakaria Ali yang saya kenali, yang saya tahu juga adalah seorang diplomat yang mempunyai satu skill sebagai seorang negotiator yang terbaik, dalam bahasa Inggeris yang paling mudah dan apakah kita tidak perlu mendedahkan mereka ini kepada generasi masa depan negara dan banyak lagi. Tentunya kita tidak lupa dan harus menyebutkan bahawa mereka ini kebanyakannya telah dilatih oleh seorang diplomat yang paling besar kalibernya iaitu Tan Sri Ghazali Shafie dan saya tidak tahu apakah Razali sendiri telah dipergunakan untuk diberikan kesempatan untuk menggunakan bakatnya dalam soal ini dan pendedahannya kepada para pelajar kita tetapi di Amerika adalah perkara biasa. Banyak diplomat yang kemudiannya bersara menjadi pensyarah di universiti-universiti untuk menurunkan keupayaannya kepada generasi baru.

Saya mendengar khabar bahawa ramai anak Melayu yang seperti – ini balik kepada soal tadilah, soal kata kita gagal dalam melahirkan the dynamic and the balance individu. Maka, walaupun kita mempunyai ramai anak Melayu yang saya dengar yang speak good English dan berkelayakan tetapi mereka tidak mahu menyertai perkhidmatan diplomat kerana tidak sesuai dengan budaya diplomat, kerana tidak sesuai dengan budaya Wisma Putra. Apa salahnya pergi ke koktail parti tetapi memegang gelas orange dan tidak meminum arak atau salahkan minum orange dari gelas arak atau minum apple juice dari gelas arak? Semuanya ialah

kerana kita dilahirkan oleh suatu – kalau kita bincangkan, saya ingat kita tidak perlu bincangkan perkara ini.

Jika kita gagal untuk menyediakan para diplomat yang berkualiti saya bimbang kita akan kalah dalam persaingan memenangi hati antarabangsa di bidang ekonomi dan politik dengan jiran-jiran kita sendiri. Khabarnya Thailand yang dahulunya para diplomatnya tidak pandai berbahasa Inggeris tetapi sekarang hanya mengambil kelayakan daripada Oxford dan Cambridge sahaja untuk perkhidmatan diplomatnya. Saya tidak tahu ini, Wisma Putra boleh lebih maklum dalam perkara ini. Saya rasa pengalaman kita terutama yang terbaru sudah cukup untuk memberikan kita pengajaran dan pengalaman bagi melihat kriteria dan kualiti diplomat yang diperlukan oleh negara dalam memasuki alaf baru yang cabarannya melampaui sempadan nasionalisme dan agama.

Dalam hal ini, satu contoh yang paling dekat ialah bagaimana China dan Rusia yang berpegang kepada agama komunis, komunis itu agama, yang telah isolate daripada perkembangan dunia itu sendiri, daripada dunia bebas untuk menjadi bangsa di bawah cocoon ‘nya sendiri dan akhirnya mereka sedar bahawa mereka adalah bangsa yang paling ketinggalan setelah 70 tahun berada di bawah cocoon ‘nya sendiri dan hal ini kita tidak dalam jalan yang sama dan oleh kerana itulah kita berada di dalam satu pemantapan yang lebih besar untuk menghadapi cabaran. Kemajuan China yang dibesar-besarkan bukanlah di seluruh China tetapi hanyalah berpusat di bandar-bandar tertentu dan kebanyakannya masih jauh ketinggalan daripada negara-negara yang maju.

Saya juga ingin mencadangkan.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya ingat saya akan habis dalam 10 minit, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: 5 minit sahaja ya.

Datuk Zainudin bin Maidin: 5 minit, saya ingat tidak panjang lagi, Tuan Yang di-Pertua, boleh dalam 5 minit. Di samping kita menghadapi apa yang saya katakan sebagai nilai-nilai antarabangsa yang harus disesuaikan oleh para diplomat kita untuk mengeluarkan kualiti diplomat yang seumpama ini, kita menghadapi cabaran iaitu kita ingin membina maruah diri, tidak mahu hanya menjadi pemerhati

tetapi juga pelakon utama di pentas globalisasi. Dalam menjuarai dasar ini kawan telah menjadi lawan. Kita telah melihat kawan telah menjadi lawan. Kepentingan negara dan diri menguasai kepentingan jiran seperti dalam politik itu sendiri tidak ada kawan yang kekal dan musuh yang kekal. Demikianlah juga dunia diplomat dan dunia diplomatik itu sendiri. Masa hadapan kejayaan diplomatik negara adalah bergantung kepada keupayaan kita untuk melahirkan para diplomat yang dapat menjalankan pencak silat antarabangsa sesuai dengan keperluan-keperluan yang saya katakan tadi.

Dasar Luar Negara kita, kalau saya tidak silap pada peringkat ini ialah memberikan keutamaan kepada ASEAN, kedua kepada OIC, ketiga kepada non-alliance dan dituruti oleh Komanwel dan lain-lain tetapi ternyata bahawa ASEAN yang diutamakan, yang diperlukan untuk menjalankan dasar-dasar kerjasama ekonomi tetapi yang lebih ketara ialah kegiatannya bersifat politik dan dari segi ekonomi ASEAN tidak berdaya untuk mencapai kata sepakat dalam memahami langkah-langkah untuk keluar daripada penguasaan Barat dan dari agenda ekonomi Barat itu sendiri dan keupayaan kita dalam menguruskan diri kita adalah kerana sebab-sebab kita yang saya sebutkan tadi bahawa kita lain daripada negara-negara Asia lainnya kerana kita telah mengasaskan daripada awal lagi dasar yang benar.

APEC adalah sebenarnya badan pengawas kepada dasar-dasar ekonomi ASEAN supaya tidak melencong daripada agenda Amerika Syarikat dan Barat di kawasan ini. Kita sedar akan hal ini tetapi kita tidak dapat keluar. Gagasan EAC telah menghantui Amerika Syarikat sehingga memerlukannya untuk melakukan tindakan-tindakan campur tangan secara langsung di kawasan ini bagi menyedarkan rakyat bahawa America is the first. Ini diulangi oleh Clinton beberapa kali, America is the first. Amerika bimbang EAC akan membangunkan semangat Asia untuk Asia dan pada akhirnya akan merosak dan akan mengganggu agenda ekonominya yang besar di Asia terutamanya di China sendiri.

Pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, semua senario ini yang saya kemukakan ini memerlukan kerjasama yang lebih rapat antara Wisma Putra dengan pemimpin negara. Tiap satu dasar baru negara terutamanya yang melibatkan negara-negara asing seharusnya dibincangkan sepenuhnya oleh semua kepimpinan

negara dengan diplomat kita sebelum diumumkan atau dijadikan dasar negara kita. Kita seharusnya lebih dahulu mengenali musuh dan kawan sebelum melangkah. Political acumen, dengan izin, ketajaman politik dan juga kemahiran diplomatik ataupun political acumen dan diplomatic skill hendaklah disepadukan sebelum kita melangkah ke dalam satu-satu dasar yang hendak diketengahkan. Hal ini adalah perlu. Kita tidak mahu ahli-ahli diplomat kita berada dalam keadaan tergamam atau tidak pasti apabila sesuatu dasar diumumkan. Mereka haruslah dipanggil balik, dirunding dan difahamkan sepenuhnya supaya mereka dapat menjiwai dan menjalankan peranan mereka dengan berkesan sebagai apa yang kita fahamkan bahawa kedutaan dan pesuruhjaya-pesuruhjaya tinggi kita di luar negara adalah an extension of home policy. Sebelum sesuatu dasar baru dilaksanakan, maka hal ini haruslah diberikan perhatian yang besar. Dengan itu dasar luar negara sebagai lanjutan daripada dasar dalam negara tidak akan dilihat sebagai hanya menjadi dukungan kepada kepimpinan negara tetapi merupakan dasar negara yang didukung oleh seluruh rakyat dan diwakili oleh kesepaduan negara dan bangsa. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Ghazi.

11.45 pagi.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan ini. Saya turut menyokong Akta Perbekalan Tambahan 1999 yang telah dibentangkan dengan baik tempoh hari. Saya akan cuba pendekkan dengan mengambil kira teguran Tuan Yang di-Pertua mengenai masa dan saya terus pergi kepada perkara pertama mengenai rang undang-undang ini sendiri. Dalam muka surat 2, jadual pertama ditunjukkan B.30 RM9.4 bilion diperuntukkan kepada Kumpulan Wang Terkanun. Bila saya lihat banyaknya wang ini yang hampir 90% daripada jumlah dalam jadual pertama ini, ini merupakan hampir tiga kali ganda jumlah bon RM3 bilion yang hendak kita keluarkan, jua untuk mendapat kewangan untuk membiayai apa sahaja perancangan kerajaan. Jadi, kalau mengikut fahaman saya ini sudah menjadi angka yang under estimate, under budgeted, dengan izin, daripada tahun lepas. Jadi, inilah yang saya ingin minta penjelasan daripada pihak kementerian tentang angka yang begini besar yang under estimated dalam tahun 1998.

Perkara kedua yang saya hendak bangkitkan dengan ringkas ialah mengenai perbahasan yang banyak bercakap tentang budaya membaca dan masyarakat berilmu. Saya tertarik dengan hujah-hujah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Kamalia binti Ibrahim dan Dato' Haji Mohd. Zuki mengenai perkara ini dan saya ingin mengambil bahagian dengan menambah sedikit analisis perkara ini kerana perkara ini terlalu amat mustahak dalam pembangunan keseluruhan negara kita dalam menyediakan keseluruhan rakyat, pegawai kerajaan, sektor swasta dalam menghadapi alaf 21 masyarakat berilmu.

Persediaan kita bermula di sekolah. Ilmu kalau kita melihat keseluruhannya untuk kita dapat menguasai perkara-perkara yang kritikal untuk kita mencapai matlamat ini sebab kadang-kadang kita bercakap, berhujah dengan agak menyeluruh dan di akhir perbincangan dan pemikiran kita, kita terpaksa bertanya, so what, dengan izin. Apa yang badan-badan tertentu, kementerian, badan masyarakat, pertubuhan dan sebagainya patut buat, ahli keluarga patut buat, persatuan PIBG patut buat, yang merupakan satu langkah yang strategik dan integrated ke arah mencapai masyarakat berilmu yang kita sebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah sepintas lalu menyebut dahulu bahawa ilmu merupakan kumpulan maklumat yang kita dapat bila kita disadurkan dengan pengalaman. Maklumat yang kita dapat sebenarnya adalah yang di sekeliling kita di antara data-data yang banyak yang datang kepada kita dan apabila dikaitkan dengan relevannya, kaitannya dengan perkara-perkara yang kita bincang. Kalau dalam bidang guru, apa yang relevan dengan bidang guru, kalau dengan seorang doktor, apa yang relevannya dengan bidang doktor dan sebagainya. Apabila ilmu ini disadurkan dengan nilai, ini yang saya hendak tekankan, kalau kita ini adalah nilai dalam negara Malaysia kita, inilah yang kita katakan terdapat kebijaksanaan dalam masyarakat.

Soal nilai ini terlalu amat mustahak dan soal nilai inilah yang selalu disalahertikan dan dipandang enteng, dipandang tidak mustahak. Soal nilai inilah sebenarnya yang ditekankan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad selalu, malah beliau amat terkenal dengan pandangan dunianya mengenai nilai-nilai Asia. Nilai-nilai Asia diwujudkan hasil daripada kumpulan nilai-nilai negara-negara di rantau ini dan kekuatan kita ialah nilai-nilai

yang ada di Malaysia dan oleh kerana perkara ini tidak diberi keutamaan yang baik, saya ingin mengatakan bahawa perkara nilai inilah yang patut diberi penekanan sepenuhnya kerana umpamanya, ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa Hari Guru baru-baru ini terbit dalam akhbar tempatan Inggeris dengan besarnya *Role of Teachers in Imparting Values*. Tanggungjawab guru untuk menyampaikan nilai, ini mustahak dan kalau para guru mengatakan bukan senang hendak sampaikan nilai, bagaimana nilai ini sendiri adalah subjektif.

Oleh kerana itu saya bagi contoh umpamanya dalam tangan saya ini ada satu buku bertajuk Budaya Murni dan Bersih. Budaya Murni dan Bersih ringkasnya budaya MB ialah sebuah buku yang diterbitkan oleh UMNO Perhubungan Negeri Selangor yang merupakan satu tindakan proaktif yang konkrit mengatakan budaya itu mustahak. Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad bercakap tentang budaya dalam Perhimpunan Agung UMNO 1997 kalau tak salah saya dan di akhir perbahasan beliau menyebut bahawa beliau agak kecewa kerana tak ramai perwakilan yang berbincang mengenai budaya. Kenapa? Agaknya tajuk ini agak terlalu berat atau terlalu subjektif apa yang hendak dibincangkan? Oleh kerana itu Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Haji Abu Hassan bin Omar, Menteri Besar Selangor Darul Ehsan telah mengambil langkah positif mengatakan wujudkan budaya buku yang menjadi garis panduan dan harapan kepada pemimpin-pemimpin seluruh masyarakat UMNO di negeri Selangor, sebagai contoh dan saya rasa buku ini sekiranya diambil kira, dibaca oleh kumpulan-kumpulan yang lain. Basisnya ada cuma pendekatan dalam masyarakat kelompok yang berlainan mungkin agak berbeza.

Hujah-hujah research, penyelidikan yang telah disampaikan adalah amat mendalam sekali. Pemikiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri ada petikan-petikan daripada ayat suci Al-Quran nul-karim dan sebagainya pun turut ada. Pada saya kalaulah ini dapat dipanjangkan dijadikan sebagai satu agenda mustahak dijadikan sebagai satu basis atau asas untuk diamalkan dengan berbagai bentuk, berbagai cara menggunakan kreativiti dan inovasi masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang hendak saya tekankan ialah mengenai pendidikan. Saya banyak mengikuti perbincangan dan tadi pun ada soalan mengenai Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan pun jawab mengenai sistem pendidikan kita dan hasilnya, kita mengatakan bahawa pelajar kita memuntahkan ilmu yang dia dapat daripada guru melalui jenis peperiksaan. Kita ada sekolah bestari, pada pemahaman saya sekolah bestari ini sebenarnya menyediakan orang untuk lebih berfikir. Tetapi kalau kita melihat penekanan kita hari ini pun disebut saya perhati kita masih menekan 3M - membaca, menulis, dan mengira. Mungkin sampai masanya kita membuat satu anjakan paradigma dari segi pendidikan menjelang alaf baru 21 yang hendak datang yang hampir tiba mengatakan bahawa daripada 3M yang telah kita kenal berpuluh tahun dulu asal basis kita mengambil langkah pertama mengatakan B3M. B3M tak banyak kita hendak sebut apa dia 'B' ini. 'B' ini 'berfikir'. Kita hendak sebut dari awal lagi anak bila keluar dia kena berfikir, kita hendak kenalkan bahawa berfikir itu adalah satu perkara yang mustahak sama mustahaknya dengan kemahiran-kemahiran lain. Kemahiran membaca, menulis dan mengira sebab kerana tidak ditekankan dari awal kerana itulah bila akhirnya kita blame, kita salahkan.

Sebenarnya kita mesti mengakui ini kita oversight kita terlepas pandang entah bagaimana kerana kita terlalu terbawa-bawa oleh suasana masa itu dan sebagainya. Pada saya kalau dalam banyak bidang Malaysia muncul sebagai negara yang mula berani buat benda yang baru, semuanya baru saya tak payah kupaslah, khususnya dalam bidang IT bidang yang ada kaitan dengan masyarakat berilmu semua ini pada saya hendaklah disepadukan, hendaklah dilihat dalam satu bidang strategik ertinya saya bagi contoh secara ringkas kalau anak dari muda dilatih berfikir dia bersedia untuk pergi sekolah, sekolah yang dikatakan bestari yang bestari pada saya menggunakan alat teknologi untuk dia menyenangkan dia berhadapan dengan maklumat dia sudah bersedia untuk menjadi seorang pemimpin atau ibu bapa atau doktor atau lawyer yang bersedia dengan maklumat.

Oleh kerana itu kita mewujudkan masyarakat yang boleh mengendalikan maklumat - inilah yang Bill Gates. Kalau ada orang sebut kita kata tadi Bill Gates dalam buku yang terakhir ini yang kata cara pemikiran kita, cara bekerja kita, at the

speed of thought, dengan izin, dengan se pantas, secepat pemikiran kita. Ertinya dia hendak menyediakan masyarakat keseluruhannya menggunakan maklumat dengan cepat. Kalau saya ambilkan magazine ini Bill Gates 'My Twelve Rules' kita kata Nabi Musa dulu dengan 'The Ten Commandment' - sepuluh rukun. Yang Berhormat Dr. Abu Hassan Omar, MB Selangor dengan 'Tonggak 10', Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dengan 'Wawasan 2020', 9 cabaran.

Kalau kita hendak menyediakan masyarakat digital, masyarakat bermaklumat kita juga hendak ambil kira undang-undang perundangan yang di sebut oleh Bill Gates. Umpamanya saya bagi contoh tak payah yang kedua belas, saya hanya hendak sebut umpamanya yang ketiga dan yang kelima relevan dalam perbahasan saya ini. Rules yang ketiga oleh Bill Gates dalam buku yang saya sebut tapi ini saya petik daripada majalah kerana bukunya tebal itu kulit biru oleh Bill Gates terakhir. Rules yang ketiga, chip knowledge workers dengan izin, chip knowledge workers into high level thinking, kita kena ubah pekerja-pekerja ini, pekerja-pekerja yang berilmu ini kepada high level thinking, pemikiran yang agak tinggi ini hendak disediakan. Jadi apa asasnya, asasnya kebolehan berfikir secara ringkas. Rules yang kelima yang saya nampak relevan, convert every paper process to a digital process, semuanya hendak digital.

Masyarakat kita dengan ITnya, dengan MSCnya, dengan super corridornya dan sebagainya semuanya kita kata hendak menyediakan proses digital. Betul, ini saya hendak buat teguran sedikit dengan kementerian-kementerian yang saya lihat dengan mata kepala sendiri. Kalau tadi saya kata sekolah, kita sibuk, kita ghairah, kita bertanggungjawab untuk mencari fund onkos kewangan untuk membeli komputer saya kata betul, boleh kita buat perancangan itu tetapi persediaan pokoknya berfikir. Sekarang saya mengatakan kalau semuanya hendak dijadikan proses digital ertinya Electronic Government pada saya walaupun aplikasi itu masih sedang diolah dan dirancang, dicuba tapi benda-benda lain hendaklah dimulakan melambangkan the mental change dengan izin, perubahan mental dan sikap sudah berubah.

Saya bagi contoh umpamanya akhir-akhir ini tak jauh saya pergi kementerian, saya tahu dalam satu seminar dia bercakap tentang sains, teknologi dan sebagainya, research banyak untuk masa depan dan sebagainya tak payah saya ulang semua ini. Hebat - kementerian pun kementerian yang hebat tapi bila dia pakai alat untuk menggunakan persembahan dia masih menggunakan dengan izin, overhead projector dan transparensi saya sendiri dengan izin pernah pakai dalam tahun awal 70-an.. Jadi pada saya ada lagi yang begini dalam persembahannya yang tertutup, yang terbuka, dalam seminar masih lagi umpamanya sebagai contoh the simple power point umpamanya terlalu amat senang. Anak saya yang sekolah rendah pun boleh pakai sebab tak susah. Pada saya ini dia yang hendaklah kita menonjolkan, memulakan walaupun tidak ada yang ideal itu. Ini pada saya satu benda yang hendak kita lihat dengan secara serius dan ini boleh hanya dibuat oleh ketua jabatan atau chief executive pegawai kerajaan ini. Tak payah negeri punya CEO, takkan hendak tunggu Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad semua beritahu, kita sendiri kena buat perubahan ini. Pada saya kalau semua sudah pakai dengan begini, ini melambangkan bahawa kita menerima dan mengamalkannya di peringkat yang terendah dan tersenang.

Malah pada saya kalau hendak efektif, hendak menunjukkan kekuatan, kesungguhan dan komitmen kita untuk menempah era digital ini, batalkan ertinya dijadikan satu peraturan, tidak boleh pakai overhead projector, tidak boleh pakai transparency, hantar overhead projector transparency ke sekolah-sekolah luar bandar, ajar dia pakai, kata, 'inilah satu teknologi juga'. Ini cara kita hendak menyerapkan teknologi secara berdekat-dekat.

Tuan Yang di-Pertua, bila saya bercakap tentang hendak berjinak-jinak dengan teknologi dan dekat ini, saya hendak sebut juga tentang kadang-kadang trend kita, fesyen kita ialah untuk, to be fashionable in the gate. Jadi, kita kena guna perkataan-perkataan yang berat, yang nampak sama canggih dengan Barat. Saya beri contoh, kita pakai e-commerce, e-learning dan banyak lagi 'e' saya tidak hendak ulang, faham-faham sudahlah. Apakah perlu, kita terpaksa menggunakan 'e' ini. Tidak apalah IT saya terima. Baru semalam saya terdengar IT, saya dapat ilham 'ibu tunggal', IT juga. Tetapi IT, promote setakat IT macam UMNO, that is

okay, setakat itu tetapi tidak payahlah sampai semua 'e' ini. Kenapa tidak gunakan bahasa kita sendiri, yang senang, saya beri contoh, ini mustahak, biar saya buktikan kata mustahak kerana dalam buku Edward Debono yang terakhir tahun 1999 atau akhir 1998 saya tidak ingat, tajuknya '*simplicity*', 300 muka surat, semua putih, *simplicity* itu sahaja.

Saya pernah bercakap ini di New Zealand, Yang Berhormat Dato' Zuki. Saya agak tertarik dengan ini sebab di antara peminat Edward Debono ialah saya. Dalam buku ini muka surat 26, dengan izin, Debono sebut, dengan izin, 'it may be better to simplify a process rather than train people to cope with complexity' – lebih baik kita menyenangkan sesuatu proses itu daripada melatih orang untuk menggunakan sesuatu yang agak kompleks.

Mari kita tengok realitinya. Realitinya ada di dapur kita, banyak teknologi. Realitinya kita kenal, umpamanya sebagai contoh, kalau yang masak panas itu apa dia?

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Microwave.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Microwave, terima kasih Yang Berhormat Dato' Zuki. Saya hendak pilih microwave. Microwave sebenarnya ialah satu alat yang menggunakan teknologi tetapi kita tidak pernah cerita dari segi teknikal microwave. Kita hanya kata, kalau hendak pakai, hendak masak cepat, buat itu dan buat ini, pakai ini. Tekan butang A kemudian butang B, lepas itu habis. Tidak pernah siapa tanya pun, saya hendak sebut teknikal pun saya tidak tahu, tahulah sedikit-sedikit tetapi tidak payah ulang. Sama juga dengan benda-benda lain, recording system, video recorder, semuanya alat-alat teknologi di tangan kita.

Kalaulah kita senangkan dari segi penggunaan label-label ini, everything make it simple, jadi casual sahaja. Saya rasa kecepatan kita untuk menawan pemikiran rakyat tentang hal-hal teknologi ini adalah lebih hebat. Kadang-kadang kita sendiri mengaku ada wujud tajuk mengenai, dengan izin, there exist a barrier, a mental block, kenapa mental block? Kerana kita perkenalkan dengan benda-benda yang menakutkan. Jadi rasa takut hendak tekan butang. Tetapi kalau sekiranya alat yang terlalu amat canggih, umpamanya alat begini, [*menunjukkan sebuah hand set*] jangan bercakap tentang teknologi, hanya kata, hendak bercakap

atau tidak dengan anaknya di Amerika, 'ya', kalau hendak bercakap cuba Pak Cik tarik ini, tekan 00017624560, boleh bercakap dengan anak, itu sahaja. Saya bercerita atau tidak teknologi, tidak. Sama ada dia pergi dengan satelitekah, GSM ke, sistem apakah tidak kisah, 012 atau 019 tidak kisah, hanya saya kata kepada Pak Cik dan masyarakat, alat ini semua orang tahu, boleh bercakap.

Pada saya ini terlalu mustahak kerana cara ini hendak didedahkan dari peringkat kindergarten. Hendak digunakan prinsip senang, simplicity ini pada peringkat di peringkat PIBG dengan ibu bapa dan sebagainya terus bawa sehingga ke pegawai-pegawai kerajaan yang bertanggungjawab dengan masyarakat. Hendak bercakap dengan Kementerian Penerangan, insya-Allah ada menteri baru. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dulu kepada menteri baru. Saya tidak dengar yang officialnya lagi tetapi saya harap Menteri Penerangan baru akan baca catatan ini, mengatakan bahawa, inilah satu yang dia boleh, sebab dia ada tools, alat, media untuk cara senang. Janganlah kita terikat kepada cara-cara dan takuk yang lama.

Tuan Yang di-Pertua, setelah mengatakan bahawa B3M ini dan saya harap akan dapat diberi perhatian. Saya hendak sebut sedikit mengenai hal Internet yang ada kaitan. Tadi, Timbalan Menteri ada sebut tentang guide line dan sebagainya, yang lebih saya hendak tekankan bukannya Internet tetapi ialah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia sekarang ini, macam Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi membuat persediaan, katanya ada forum dalam berbagai bidang dan saya terbaca juga mengatakan Yang Berhormat Menteri memberi tempoh 12 bulan untuk membuat persediaan dari segi kawal selia dan sebagainya dan industri yang baru, the first test dengan izin, of Convergence Act ini untuk sekutukan di antara telekomunikasi, multimedia dan penerangan dan sebagainya adalah melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKM). Cabarannya hebat, lagi sekali Malaysia menonjolkan kekuatannya yang terbaru dalam dunia, pertama.

Oleh kerana itu saya ingin mencadangkan di sini bahawa mungkin di antara forum-forum kumpulan yang hendak buat itu, didedahkan juga di peringkat akhirnya kepada kumpulan-kumpulan yang datangnya daripada Ahli-ahli Dewan

Rakyat dan Ahli-ahli Dewan Negara. Pada saya, inilah masanya kita libatkan rakan-rakan daripada Dewan Rakyat dan Dewan Negara, campur dengan kumpulan lain, it is okay, mixed up, serapkan pada awal semasa kita hendak menggubal peraturan undang-undang kawal selia dan sebagainya.

Pada saya, ini satu pendekatan yang baik dan lagi sekali, to be seen in real life, dengan izin, the smart partnership di antara pegawai kerajaan, swasta dan juga rakan-rakan yang meluluskan undang-undang ini. Di akhirnya sudah bertulis, dicap, semua sudah habis barulah kita hendak komen, apa salahnya. Tidak semua, okay, saya bersetuju, tidaklah semua boleh buat begitu tetapi dalam satu projek yang begini besar - begini besar ertinya buat pertama kali dalam dunia kita ambil convergence ini daripada disiplin yang berlainan. Kalau ini satu percubaan besar negara, saya rasa rakan-rakan daripada Dewan Rakyat dan Dewan Negara juga ingin turut serta, in that process di peringkat itu. Peringkat ini sudah lain, sudah terlalu lewat dan kadang-kadang kita sebut pun hilang begitu sahaja kerana kita bercakap di sini terlalu banyak benda yang terpaksa kita bercakap.

Saya rasa oleh kerana kesannya besar kepada industri IT multimedia ini macam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri sebut semalam, inilah harapan kita untuk masa hadapan yang akan menentukan kita terus berjaya dan yang lain itu akan ada kaitan masing-masing pada saya adalah amat bersesuaian dan kena pada tempatnya. Mengenai kawalan Internet yang hendak saya sebut ini ialah semasa kita mendengar jaminan pihak kerajaan mengatakan bahawa tidak ada kawalan dan di masa yang sama keperluan untuk mengadakan garis panduan tetap ada. Saya harap melalui SKM ini umpamanya akan dapat strike balance, dengan izin, supaya syarikat-syarikat besar yang diberi jaminan yang kata tidak ada kalawan ini akan melihat ini sebagai satu kawalan secara tidak langsung.

Kalau kita selalu bercakap tentang penjajahan oleh Barat bukan hanya secara dahulu - fizikal tetapi penjajahan secara mental juga dan saya rasa kawalan melalui Internet juga hendaklah dijaga supaya syarikat-syarikat gergasi dalam bidang IT ini tidak melihat ini sebagai juga satu bentuk kawalan untuk menghakiskan keyakinan mereka kerana untuk menjayakan program yang begitu amat baik, kita juga memerlukan sokongan mereka yang amat kuat.

Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir yang hendak saya sebutkan di sini ialah hal wanita. Saya agak tertarik dengan begitu banyak perbincangan mengenai hal wanita. Tadi pun disoal oleh Yang Berhormat Puan Mastika, saya tertarik dengan kenyataannya, bab HAWA ini sudah dua tahun tidak mendapat respon, saya

agak kecewa dengan jawapan yang diberi oleh pihak kementerian. Saya harap pihak kementerian akan berusaha memberi jawapan yang agak lebih meyakinkan. Walau bagaimanapun, yang hendak saya sebutkan ini banyak betul badan untuk wanita. Saya pun memang suka pada wanita ini dan maksud saya bukan suka, maksud saya, saya pun memang prihatin dengan hal-hal wanita. Dan saya baca banyak betul, HAWA, DARA, IT dan sebagainya. Saya ingin mencadangkan supaya, dan bila sudah banyak sangat ini, ha, inilah jadinya, prestasi yang disebutkan tadi, sampai tidak boleh diberi penerangan, mengapa yang menyebabkan lewat sangat, sampai tidak peduli sedangkan dikatakan on one hand – mustahak.

Oleh kerana itu saya mencadangkan pihak kementerian memberi pemerhatian untuk menubuhkan, mewujudkan sebuah suruhanjaya baru yang dinamakan Suruhanjaya Wanita. Cuba kita perhatikan, ada Suruhanjaya Sekuriti - hebat. Ada Executive Chairman, ada pegawainya, ada ongkosnya, ada sistemnya dan ada kawal selianya. Yang terakhir saya bercakap Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, Ah! Ada akta untuk mewujudkan suruhanjaya, ada perancangannya, ada ongkosnya, ada tenaganya, ada perancangan – boleh buat insya-Allah, dan kita boleh tumpang kata, ini caranya untuk lebih hebat kerana kita juga hendak participate in a very big project, dengan izin.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta laluan. Terima kasihlah Dato' kerana Dato' telah membangkitkan soalan mengenai wanita. Saya ucapkan terima kasih kerana Dato' prihatin dan suka pada wanita [*Ketawa*] Saya rasa semua orang lelaki suka pada wanita, itu fitrah kehidupan. Prihatin itu yang penting kepada wanita.

Untuk makluman Dato', sebenarnya di negara kita, kita telah mewujudkan sebuah jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Perunding Hal Ehwal Wanita di peringkat negeri-negeri. Kewujudan jawatankuasa ini tidak dalam bentuk NGO dan juga tidak dalam bentuk akta – ia tergantung-gantung begitu. Ia tidak ada satu ikatan ataupun tidak ada satu pengenalan yang khusus....

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Saya minta maaf kepada Yang Berhormat Puan Mastika kerana minta laluan atas laluan, jadi saya rasa kadang-kadang kita ada Majlis Hal Ehwal Wanita ataupun HAWA, apakah hal ehwal

bersangkut dengan lelaki juga tidak perlu. Jadi, oleh sebab itu tidakkah kerajaan bercadang untuk mengadakan satu majlis hal ehwal yang bersangkut dengan rakyat yang bermasalah. Sebab kalau kita buat macam itu, adam pun mahu juga majlis hal ehwal adam ataupun belia ke, ataupun apa-apa ke, ini kemungkinan akan banyak lagi akan wujud. Macam suruhanjaya tadi, mungkin dia boleh cover, kita letakkan nama suruhanjaya hal ehwal wanita. Kita boleh namakan suruhanjaya hal ehwal masalah rakyat dan sebagainya, perpaduankah dan tadi memang kita bersetuju dengan matlamat dan fungsinya tetapi penubuhan itu yang penting supaya ia boleh cover secara global. Kita dok cakap dalam konteks umum, bukan spesifik untuk golongan tertentu. Sebab kalau hendak buat peruntukan itu, ini.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan sebab Yang Berhormat ini telah pergi ke tempat yang begitu global. Kerajaan sudah ada banyak jawatankuasa untuk mengatasi masalah rakyat termasuk apa yang kerajaan buat hari ini adalah khususnya untuk rakyat. Biarlah wanita ada mempunyai suruhanjayanya sendiri, janganlah kita masuk campur. Kita minat wanita tetapi biar wanita buat kerjanya sendiri, kalau masuk orang lelaki di dalamnya, lagi banyak kecoh nanti. *[Ketawa]*

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Dato Zuki. Boleh Dato' beri laluan bertanya kepada Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli. Sebenarnya saya tadi belum habis lagi menyebutkan tentang Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita ni. Saya berterima kasih sebab banyak yang hendak bela wanita. Jadi, dalam bentuk apa yang hendak diwujudkan itu bukan persoalannya. Tetapi, yang ada sekarang ini, saya hendak beritahu, kita ada Jawatankuasa Perunding Hal Ehwal Wanita dalam bentuknya yang tidak begitu jelas dan peruntukannya juga tidak begitu jelas. Ia cuma dijalankan di peringkat negeri-negeri oleh pengerusi yang dilantik oleh menteri dengan peruntukan RM8,000 setahun. Jadi, peruntukan itu terlalu kecil untuk pembangunan wanita bagi negeri-negeri dan juga bagi memantau perjalanan persatuan-persatuan wanita yang ada. Tetapi dari segi penglibatannya, dari segi kesannya, kesungguhannya dalam membangunkan wanita yang bukan bertujuan untuk pembangunan wanita sahaja tetapi matlamatnya untuk pembangunan keluarga dan masyarakat keseluruhannya memang telah diakui bahawa ada kejayaan. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan Dato', tadi Dato' ada menyebut suruhanjaya, bagi saya kemungkinan kementerian boleh memikirkan apa

bentuk yang lebih nyata dilindungi oleh akta, peraturan dan diendorse secara rasmi di dalam kementerian dan supaya perjalanan wanita ini lebih berkesan lagi. Terima kasih Dato'.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian tentang tajuk tadi khususnya Yang Berhormat Mastika. Sebenarnya, ia memberi maklumat yang begitu lengkap yang mengukuhkan hujah menyatakan bahawa suruhanjaya patut ada. Kerana, bila terlalu banyak dan bab tergantung tadi akan wujudlah.

Saya hendak beri hujah yang terkuat yang saya dapat ilham ini ialah baru ini saya di South Africa, Tuan Yang di-Pertua, saya baca buku, sebab saya kagum ia baru satu round pemerintah black oleh Mandela. Jadi, saya ambil beberapa buah buku kerana hendak faham dia punya politik dan di antara yang saya tertarik ialah dalam semuda, baru satu penggal, election Jun ialah election kedua telah ada dia panggil lain, suruhanjaya, saya tidak ingat namanya tetapi ringkasnya untuk wanitalah, adalah namanya, canggih, bukunya ada. Jadi, saya kata, eh, kalau begini bila saya baca peruntukannya ada, debatnya, ada tidak unggul lagi tetapi masih didebat, dalam akhbar keluar, saya kata ini sudah hebat, dalam masa lima tahun pertama sudah diberi penekanan yang begini, mengapa tidak, saya terlitas bab wanita pun begitu. Secara kebetulan, timbul pula perbincangan mengenai Ibu Tunggal (IT), HAWA dan banyak lagi, yang saya juga mendapat maklumat daripada rakan-rakan wanita yang saya kenal mengenai hal intergrasi nasional.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan sedikit. Saya perhatikan kebelakangan ini Yang Berhormat Senator Ghazi seolah-olah memberi fokus yang mendalam dan meluas kepada isu wanita. Jadi, adakah Yang Berhormat Senator Ghazi ini berkepentingan dalam Ibu Tunggal dalam ibu-ibu lainkah?. Pасalnya terlalu terserlah keinginan Yang Berhormat Senator Dato Ghazi membela, memang bagus ini, membela nasib wanita kerana kebanyakan nasib wanita ini belum terbela terutamanya apabila kita dapati Sisters of Islam misalannya banyak, NGO-NGO yang terpaksa menjalankan usaha masing-masing kerana ianya tidak puas hati dengan apa yang mereka hadapi sekarang.

Jadi, rasa saya elok sangatlah kalau suruhanjaya itu dapat disertai sendiri oleh mereka yang mempunyai minat dan saya syorkan di sini, kalau wujudnya suruhanjaya, jangan lupa kepada Yang Berhormat Sanator Ghazi.

Dato' Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas cadangan atau pemikiran Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz. Tetapi saya memang tidak berniat untuk berada dalam suruhanjaya itu sebagaimana pandangannya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini secara kebetulan kerana perbincangan itu adalah ke arah itu dan oleh kerana saya nampak ada peluang untuk saya mencelah, jadi saya mencelah dengan sesuatu yang memanfaatkan. Lebih-lebih lagi baru-baru ini, di tangan saya ini ada satu buku [*Menunjukkan sebuah buku*] oleh Mike Vans atas tajuk '*Think Out of the Box*'. Dia mengajak kita selalu keluar daripada 'kotak' kita sendiri, masing-masing individu mempunyai kotak pemikiran sendiri. Dia mengajak keluar daripada kotak dan fikir cara lain. Ini di antara lain yang saya cuba melihat, oleh kerana persekitarannya amat memberangsangkan dan fakta-fakta dan cerita-cerita ini amat baik. Saya tertarik dan lebih-lebih lagi apabila saya nampak IT, macam semalam. IT (Ibu Tunggal), IT saya berkenan dan ada orang sebut '*Networking*', ini pun baik. Ada disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan timbul di pemikiran saya bahawa apakah dalam ratusan IT ini ada networking sampai hendak masuk dalam Internet, klasifikasinya supaya ada di IT community dalam 'cyber space' dan sebagainya. Ini sebagai pemikiran 'out of the box again' dan mungkin mendapat manfaat kerana semuanya hendaklah dilihat dengan secara positif.

Tuan Yang di-Pertua, macam saya pernah sebut, bidang karaoke umpamanya. Bidang karaoke sebenarnya adalah satu cara, satu sistem yang baik kalau dilaksanakan dengan elok tetapi kalau perkara yang dilaksanakan itu dengan tidak elok, tidak eloklah jadinya. Inilah saya bersetuju benar dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini yang bercakap tentang explosive. Explosive tidak baik kalau hendak menjahanamkan manusia tetapi kalau digunakan dengan teknologi untuk membuat kereta, kapal terbang dan sebagainya, baik.

Jadi, inilah pada saya bab hal wanita saya kita hendakkan sama-sama membangun. Peratusan peranan wanita mungkin masih rendah sebab apabila saya baca itu, banyak betul bunyi di sudut-sudut yang lain laungan hal ini dan saya

terpanggil untuk melihat perkara ini dengan cara konkrit. Contoh terbaik ialah, Suruhanjaya Sekuriti dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia.

Tuan Yang di-Pertua, saya akhiri perbincangan saya di atas tajuk ini dan mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada rakan-rakan yang mengambil bahagian, – Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, juga Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar, walaupun Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar agak luas sedikit apabila dia membincangkan tentang hal ini. Terima kasih banyak, saya turut menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bangun.....

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kesempatan ini amat baik. Jadi, saya hendak mencadangkan supaya kerajaan membuat satu usul supaya kita adakan satu hari untuk perbincangan Perbekalan Tambahan ini. Sebabnya ramai yang hendak bercakap, jadi kalau beri lima minit, sepuluh minit, tidak adil rasa saya.

Jadi, saya hari dahulu sudahlah cakap akhir sekali, dapat sedikit masa. Ini ramai, nanti saya memberi masa kepada mereka, lama-lama saya tidak dapat bercakap langsung. Jadi, tujuan kita datang ke Dewan yang mulia ini adalah untuk berbincang, untuk memberi pandangan kita kepada kerajaan. Jadi kalau masa itu ditahan, disuntukkan tidak memberi makna. Macam Dato' Ghazi bin Haji Ramli tadi, banyak sangat perkara yang hendak dicerita. Dia ini memberi pandangan kepada kita bahawa inilah caranya kita hendakkan rakyat yang berilmu, banyak baca buku, sampai lima, enam semalam membaca. Tidak tahu dia tidur atau tidak tidur.

Tuan Yang di-Pertua, jadi saya mencadangkan sebelum kita teruskan.....

Tuan N. Marimuthu: Saya menyokong. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak apalah, kita ikut jadual dahulu. Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin.

12.25 tgh.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bangun untuk membahaskan Akta Perbekalan Tambahan 1998 dan 1999 yang memohon untuk membenarkan pengeluaran wang yang berjumlah RM9,659,750,916 juta daripada Kumpulan Wang Disatukan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum menyentuh mengenai tujuan permohonan Belanjawan Tambahan ini dipohon, saya ingin menyentuh secara umum principle belanjawan dan kegunaannya bagi melicinkan perancangan dan pengurusan kewangan. Dalam dunia pengurusan yang mengurus negara Malaysia dengan serba moden, kita menggunakan kepakaran dan kebijaksanaan serta pengalaman silam bagi merancang masa depan semua sumber yang ada digunakan dengan bijaksana, menjana agar sumber berkembang, produktiviti meningkat, alam sekitar terpelihara dan kualiti hidup semakin maju sesuai dengan hasrat yang termaktub di dalam Wawasan 2020. Oleh yang demikian, setiap tahun Dewan yang mulia ini akan membincangkan Belanjawan Negara. Kita akan meneliti peruntukan yang akan diperuntukkan kepada sektor-sektor, kementerian-kementerian, agensi-agensi di samping memberikan pandangan kepada pendapatan yang didapati melalui pelbagai dasar yang diperkenalkan.

Tidak dapat dinafikan kejayaan negara bergantung kepada pelan perancangan jangka panjang dan jangka pendek. Wawasan 2020 adalah pelan-pelan perancangan jangka panjang yang memfokus arah tuju yang menjadi cita-cita semua rakyat Malaysia. Negara begitu bertuah mempunyai Perdana Menteri yang dianggap oleh pihak luar sebagai CEO Malaysia yang sangat berjaya bagi memastikan agar sasaran dalam tiga puluh tahun daripada tarikh masa dasar Wawasan 2020 diperkenalkan. Kita memacu pengurusan negara melalui rangka Rancangan Jangka Panjang atau 'Five Years Plan'. Belanjawan tahunan adalah merupakan alat ataupun sistem kawalan terdekat untuk memandu arah pelaksanaan semua peringkat iaitu kerajaan, kementerian, agensi pelaksana dan juga kumpulan sasar. Budget juga boleh menjadi kayu ukur mengukur sejauh mana keberkesanan sesebuah kementerian dan juga agensi kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu bagi saya penyediaan budget adalah merupakan satu fakta ataupun perkara yang amat penting yang harus dititikberatkan

oleh semua peringkat yang terlibat. Budget hendaklah disediakan berpijak kepada bumi nyata kerana menjadi kebiasaan dan juga kadang-kadang menjadi amalan setengah-setengah pihak di mana penyediaan budget mungkin dibuat secara sambil lewa. Mungkin sekadar melihat kepada angka-angka tunjuk yang sedia ada dengan modifikasi-modifikasi tertentu untuk mempercepatkan ataupun sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki tadi sebab mengejar masa.

Jadi, bagi saya penyediaan budget adalah merupakan satu perkara yang amat penting dan amat mustahak diberi perhatian oleh semua peringkat. Pelaksanaannya juga yang bertepatan dengan masa dan jumlah yang diperuntukkan adalah merupakan faktor penting untuk menentukan budget yang ditentukan ini mencapai matlamat sebagaimana yang diharapkan. Begitu juga dengan peratus pencapaian mengikut masa yang telah ditentukan serta juga penyediaan budget perlulah memperlihatkan kebijaksanaan kerana budget ini akan menentukan pencapaian dan perjalanan pembangunan sebagaimana yang kita harapkan. Saya ingin mengambil beberapa contoh yang saya rasa dalam penyediaan-penyediaan budget perlu diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa yang suntuk dan saya tidak bercadang mengambil masa yang panjang, saya ingin memberi contoh-contoh ini dengan secara yang cepat untuk diberi perhatian dan juga untuk direnungkan oleh kita semua. Misalnya apabila kita menghadapi kegawatan ekonomi baru-baru ini, jabatan-jabatan dan juga kementerian-kementerian telah pun dipotong budgetnya.

Salah satu daripada peruntukan yang telah pun dikurangkan iaitu peruntukan untuk menghadiri kursus. Bagi saya peruntukan untuk kita menentukan supaya sumber manusia terus meningkat adalah penting. Apakah implikasi yang dapat kita lihat daripada pekeliling yang menghadkan supaya peruntukan kursus dikurangkan dan dalam masa yang sama ada pekeliling yang menyebutkan supaya tidak dibenarkan pegawai-pegawai daripada agensi-agensi kerajaan kementerian untuk mengadakan kursus di Pulau Langkawi. Ini saya hendak menunjukkan contoh bagaimana budget itu sendiri sebenarnya memberikan implikasi yang jelas kepada pembangunan.

Daripada pekeliling yang dibuat supaya kementerian-kementerian dan juga agensi-agensinya tidak mengadakan kursus di Pulau Langkawi, kita akan dapat melihat daripada hari ini memang jelas kalau kita pergi Pulau Langkawi kita melihat ekonomi Pulau Langkawi merosot dengan begitu teruknya. Semalam Yang Berhormat Puan Kamelia binti Ibrahim ada menyebut mengenai hotel-hotel di Pulau Langkawi yang telah pun diubahsuaikan sebagai institusi pengajian swasta. Ini disebabkan kerana hotel-hotel di sana tidak mendapat sambutan dan juga tidak mendapat market dengan begitu meluas sebagaimana pada masa yang lalu. Walaupun kita akui bahawa kekurangan market ini disebabkan oleh pelancong yang kurang masuk tetapi tidak dapat dinafikan peratusan yang besar merosotnya ekonomi di Pulau Langkawi adalah disebabkan oleh kurangnya pegawai-pegawai kerajaan dan juga jabatan-jabatan menganjurkan kursus-kursus di sana. Ini implikasi daripada budget yang kita buat, Tuan Yang di-Pertua.

Yang keduanya, semasa kita menghadapi kegawatan ekonomi peruntukan untuk kakitangan di dalam Kementerian Pertanian untuk kakitangan yang terlibat dengan kerja-kerja pengembangan (extension) pertanian telah pun dipotong dengan begitu drastik sekali. Pada hal pegawai-pegawai pengembangan ini ditempatkan di kementerian dan juga di agensi, tugasnya adalah untuk mereka memberikan maklumat-maklumat pengembangan kepada kumpulan sasaran yang terdiri daripada petani-petani dan amalan negara kita yang telah kita amalkan sekian lama, pegawai-pegawai ini pergi ke ladang, berjumpa dengan petani-petani di ladang, mengatur perjumpaan-perjumpaan di ladang tetapi oleh kerana kegawatan ekonomi mungkin saya tidak tahu dari segi prioriti, kenapa prioriti ini diutamakan dalam pemotongan peruntukan-peruntukan kepada pegawai pengembangan untuk tuntutan perjalanan pergi kawasan telah pun dipotong dengan begitu hebatnya.

Saya merasakan kemungkinan salah satu sebab mengapa semasa kita menghadapi kegawatan ekonomi kita mengenal pasti bahawa di dalam sektor makanan, import makanan kita telah mengimport RM9 bilion tetapi apabila kita menghadapi kegawatan ekonomi import meningkat sehingga RM10 bilion, bermakna walaupun ada dasar untuk kita menggalakkan supaya pengeluaran bahan

makanan ini dipertingkatkan di mana kerajaan-kerajaan negeri membuat keputusan supaya kawasan-kawasan pengeluaran sayur-sayuran dan lain-lain ditambah tetapi tidak berjaya kerana pegawai-pegawai pada masa ini tidak dapat menjalankan tugas-tugas mereka kerana peruntukan mereka telah pun dipotong.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua contoh-contoh yang boleh saya berikan mengenai cuci sungai. Sungai adalah merupakan satu infrastruktur yang penting di kawasan tanaman padi terutamanya. Semasa kita menghadapi kegawatan ekonomi sungai yang biasanya dicuci tiga kali setahun telah pun dipotong peruntukannya dan air adalah sumber yang penting untuk pengeluaran tanaman padi. Jadi soalnya, semasa kita menyediakan budget, adakah kita menyediakan budget ini dengan bijaksana dan adakah kita menyediakan budget ini dengan kita berdiri di bumi nyata dan kita mendapat maklumat-maklumat yang tepat. Bagi saya penyediaan budget adalah merupakan satu perkara yang amat penting untuk menentukan perjalanan kita seterusnya kerana dalam masa setahun kita menjalankan urusan-urusan kementerian, jabatan-jabatan dan juga agensi-agensi berkenaan, kita berpandukan kepada budget yang telah pun kita sama-sama lihat, sama-sama semak dan sama-sama luluskan di sini. Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut tadi mengenai kebijaksanaan kita mengenai kecepatan ataupun pencapaian pelaksanaan-pelaksanaan sebagaimana yang telah diluluskan.

Saya juga mendapat maklum bahawa ada petani-petani yang menghadapi banjir tetapi peruntukan yang dipohon sehingga memakan masa berbulan-bulan, sampai memakan masa tahun, permohonan untuk mereka mengatasi ataupun sumbangan untuk mereka gunakan bagi meringankan kehidupan mereka yang terlibat dengan banjir tidak dapat disalurkan dalam jangka masa yang cepat. Ini yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Zainudin tadi, “the right amount and the right time”. Yang Berhormat Datuk Zainudin juga menyebutkan tadi “the right person and the right place”. Ini “the right time and the right amount”, kita tidak dapat memberikan sumbangan, bantuan yang diharapkan oleh pihak-pihak yang tertentu di dalam masa yang diperlukan.

Sebagaimana yang saya sebutkan yang disentuh oleh Yang Berhormat Dato' Ghazi dari segi peruntukan yang saya tadi telah pun membangkitkan mengenai

HAWA. Saya merasakan bahawa ada masalah-masalah yang dihadapi yang tidak tahu di mana sama ada di peringkat perbendaharaan, di peringkat kementerian ataupun di peringkat yang tertentu menyebabkan sesuatu program yang dicadangkan mengikut plan rancangan yang telah ditentukan tetapi tidak dapat dilaksanakan dalam jangka waktu yang ditetapkan. Ini adalah menjadi sebagai kayu ukur kepada kemampuan dan keupayaan kita mencapai target yang telah kita tetapkan.

Saya merasakan bahawa dalam kita mentadbirkan negara sebagaimana kita mentadbir badan korporat ataupun kita mentadbir sebuah jabatan, kita perlu fokus kepada vision ataupun ke arah mana kita akan pergi, secepat mana kita mencapai matlamat ataupun bagaimana kita mencapai matlamat dalam masa yang ditentukan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, ini menunjukkan satu kelemahan yang kita sendiri dapat rasakan. Sebagaimana contoh yang saya sebutkan tadi, Jawatankuasa Perunding HAWA telah pun dimaklumkan oleh pihak Yang Berhormat Menteri, dipanggil satu mesyuarat menyatakan bahawa ada peruntukan yang akan diberikan kepada kumpulan-kumpulan wanita yang mana kita diminta untuk mengemukakan pandangan-pandangan dan juga kertas kerja untuk memohon peruntukan sebanyak RM5 juta yang diputuskan pada November 1997, sekarang kita berada di tahun 1999.

Tuan Yang di-Pertua, saya maaf bercakaplah, bagi saya bekerja, kita harus mempunyai satu sikap cekap dan berhasil. Jadi, bagi kami di negeri Perlis, kita telah memanggil satu komiti, kita telah duduk di - saya rasa saya pernah sebutkan pun di dalam Dewan ini, di Gunung Jerai, 3 hari 3 malam menyediakan kertas kerja, memanggil semua pengarah-pengarah wanita yang berkebolehan untuk membantu kita, kita boleh produce kertas kerja yang saya rasa tidak kurang juga visi dan harapan kita dalam beberapa projek yang kita lihat boleh membangunkan wanita tetapi nampaknya daripada bulan November, sekarang baru kertas kerja ini hendak dihantar kepada pihak Perbendaharaan. Ini satu contoh yang saya boleh sebutkan dan kita semua boleh melihat bagaimana pencapaian sesuatu perancangan dan pelaksanaan itu agak memakan masa yang begitu panjang, yang bagi saya masa itu adalah kos.

Dalam peribahasa Arab menyatakan bahawa "Masa itu pedang". Kalau kita tidak dapat mengejar masa, masa akan membunuh kita". Jadi, saya rasa budaya kita

dalam kita melihat budget, peruntukan dan juga budaya kita dalam kita merencanakan sesuatu program, budaya kita dalam kita menentukan pencapaian matlamat itu haruslah diubah daripada budaya mengambil lewa, budaya tidak bersungguh-sungguh kepada budaya yang kita benar-benar ingin mencapai matlamat yang telah kita tentukan.

Dalam keadaan ini Tuan Yang di-Pertua, ada dualah sama ada matlamat itu kita yakini ataupun matlamat itu kita tidak yakini. Bagi matlamat yang kita rasa tidak yakin kemungkinan ada pihak merasakan ini bukan matlamat yang kita yakini, sepatutnya dalam budget kita tidak masukkan, kita tidak mengunjurkan daripada awal lagi bahawa ini perancangan yang perlu kita laksanakan.

Saya menyebutkan perkara ini dengan lebih mendalam lagi kerana sebagaimana yang pernah kita bincangkan baru-baru ini, mendapat maklumat bahawa ada peruntukan-peruntukan yang telah dikemukakan sehingga bulan Mac 1999 belum lagi digunakan. Bagi saya kalau saya menjadi pengurus dan saya juga pernah mengurus, ukuran kepada kejayaan pencapaian kita ialah dengan melihat sejauh mana kita boleh mencapai sasaran yang telah pun kita tetapkan. Jika ini tidak dapat kita capai, kita harus periksa balik budaya kita bekerja dan kita harus memeriksa balik di mana kelemahan-kelemahan yang harus kita perbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, saya menegur perkara ini bukanlah berhasrat untuk memperlihatkan kelemahan mana-mana pihak tetapi saya kira perkara ini kalau dapat kita perbaiki bererti pencapaian untuk melantunkan pembangunan ekonomi negara di dalam menghadapi kegawatan ini, dapat dilaksanakan dan dapat mencapai dengan secepat mungkin. Jika budaya bekerja bersungguh-sungguh, budaya memberikan perhatian yang sewajarnya kepada setiap perancangan yang telah ditentukan. Insya-Allah saya percaya, kita akan dapat memulihkan keadaan ekonomi dengan secepat mungkin dan boleh meletakkan kembali landasan pencapaian negara sebagaimana yang pernah nikmati beberapa tahun yang lalu di mana ekonomi berada di dalam keadaan yang begitu baik, 8% beberapa tahun berturut-turut.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya rasa apa yang saya sebutkan tadi bukanlah perkara yang luar biasa, mungkin sebelum ini pernah berlaku tetapi oleh kerana dalam keadaan yang selesa, perkara-perkara sebegini tidak diberi perhatian. Tetapi selepas kita menghadapi keadaan kegawatan ekonomi, saya fikir perkara-

perkara ini harus diberikan perhatian sewajarnya. Sebenarnya saya membaca laporan-laporan audit yang dibekalkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini setiap tahun dan saya dapati daripada laporan-laporan audit yang diterima, setiap tahun laporan-laporan audit ini dikemukakan ada sahaja Kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan yang tidak dapat menghabiskan peruntukan.

Ini mungkin berhubung kait juga dengan Perbendaharaan, bagaimana cepat dan cekapnya urusan untuk menggunakan peruntukan ini dapat dilaksanakan. Kalau Kementerian cekap pun tetapi perbendaharaannya tidak dapat menyelesaikan perkara ini dengan secepat mungkin, akan juga menimbulkan masalah. Jadi, kita boleh memeriksa di mana agaknya ada valve yang tersumbat, macam jantung kita tersumbat, untuk kita mempercepatkan lagi proses pemulihan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini di dalam Dewan yang mulia ini diminta meluluskan sejumlah RM9,659,750,916 daripada Kumpulan Wang Disatukan. Saya sedar meluluskan peruntukan tambahan adalah tugas rutin kita setiap tahun malahan hampir setiap sesi persidangan Dewan. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, yang telah membentangkan Usul untuk Akta Perbekalan Tambahan dan telah pun memberi penerangan dan penjelasan kepada kita.

Bagi saya, jika kita benar-benar ingin memfokuskan isu yang dibangkitkan, saya kira Ahli-ahli Yang Berhormat perlu dibekalkan dengan maklumat-maklumat yang dapat membantu kami membahaskan secara lebih berkesan. Contohnya dalam kita hendak membahaskan untuk mengeluarkan peruntukan daripada Kumpulan Wang Disatukan, sebenarnya kita sendiri tidak tahu bagaimana keadaan, dengan izin, cash flow kerajaan. Saya rasa kerajaan pun ada cash flow, macam mana keadaan cash flow kerajaan. Kita hendak meluluskan peruntukan daripada Kumpulan Wang Disatukan, kita sendiri tidak tahu berapa baki yang ada di dalam Kumpulan Wang Disatukan.

Dalam keadaan biasa, empat, lima tahun yang lepas, saya ada bersama-sama di dalam Dewan yang mulia ini, saya tidak pernah membangkitkan soal ini kerana

keadaan ekonomi kita begitu sehat, maknanya dalam lembaran imbalan kewangan negara, saya minta maaf kerana tidak begitu mahir dengan kewangan negara. Saya rasa sama dengan persatuan atau syarikat, imbalan wang negara, kemungkinan dalam keadaan sekarang ini tidak sesihat pada masa-masa yang lalu.

Jadi, tadi dalam soal jawab kita telah mendengar Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Shafie ada menyebutkan bahawa kita terpaksa membuat pinjaman dari pelbagai pihak untuk kita menggerakkan lantunan ekonomi supaya ekonomi dapat berkembang dan perkembangan ekonomi ini sendiri akan dapat membantu ataupun dapat menentukan keupayaan kita membayar pinjaman-pinjaman yang telah kita buat. Saya rasa statement ini adalah merupakan satu statement yang penting, yang harus dihayati oleh semua pihak bukan sahaja Perbendaharaan, kerajaan, ahli korporat dan juga rakyat kerana tanggungjawab kita berhutang kepada pihak lain adalah tanggungjawab kita untuk membayar hutang yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak larilah dari apa yang saya sebutkan tadi, kita perlu menggerakkan semua jentera supaya bersama-sama berusaha untuk menentukan kemampuan dan keupayaan kita membayar balik pinjaman. Kalau kita bersikap sebagaimana yang lepas, ambil lewa, tidak apa sahaja ataupun sikap kita macam mana pun tidak apa, sekarang bukan lagi masa untuk kita bersikap demikian, samalah seperti contoh di dalam sebuah keluarga mempunyai pendapatan yang lumayan ataupun mempunyai simpanan yang lumayan, anak-anak berbelanja mungkin tidak ada sekatan, anak-anak bekerja mungkin tidak ada satu harapan supaya ia mengeluarkan produktiviti yang tinggi kerana kita masih lagi mampu untuk menanggung keadaan ini. Tetapi dalam keadaan sekarang ini, saya cuma membuat telahan sebab tidak ada lembaran imbalan yang ada bersama-sama kita untuk melihat sejauh mana cash flow kerajaan ini kuat dan mampu untuk menanggung semua perbelanjaan yang dipohon.

Oleh yang demikian, saya berharap kepada pihak Kementerian Kewangan, sungguhpun peruntukan yang dipohon dari Kumpulan Wang Disatukan memang kita menyokong. Tetapi kita berharap supaya Kementerian Kewangan akan dapat meningkatkan prestasi pengurusan dan dalam masa yang sama, semua pihak akan bertanggungjawab jika kerajaan buat masa sekarang ini perlu membuat pinjaman-

pinjaman daripada luar. Kita harus bersama-sama berusaha untuk menentukan produktiviti yang tinggi supaya pinjaman ini dapat dijelaskan secepat mungkin.

Apabila bercakap soal produktiviti, saya tidak mahu mengulangi tetapi saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa apa yang berlaku dalam negara kita sama ada demonstrasi yang dilakukan oleh pelajar-pelajar, krisis kepercayaan kakitangan kerajaan kepada kepimpinan negara kerana surat-surat layang dan sebagainya. Tindakan-tindakan rakyat di negara Malaysia yang pergi ke luar negara, memburuk-burukkan negara sebenarnya adalah sebagai satu fakta menolak kita untuk membuat pencapaian yang tinggi.

Saya rasa ini adalah satu perkara yang serius, yang harus diberi perhatian oleh semua pihak supaya pemikiran rakyat, fokus rakyat dapat ditumpukan kepada usaha memulihkan ekonomi. Kalau pegawai-pegawai kerajaan kita sentiasa diselubungi oleh rasa duka nestapa kerana tidak ada kepercayaan kepada kepimpinan yang ada, ia akan menjerumuskan negara kita kepada satu keadaan yang akan merugikan semua pihak. Saya rasa termasuk orang yang memberi pinjaman pun akan menghadapi kerugian jika sekiranya hasrat parti pembangkang, kononnya hendak mengambil alih teraju pemerintah ataupun rakyat merasakan ingin bertukar selera, memberikan kepercayaan kepada orang yang lain, yang baru, yang belum pernah dan belum lagi menunjukkan kemampuan dalam sejarah mentadbirkan negara. Ini merupakan satu perkara yang tidak jauh daripada kepentingan-kepentingan yang perlu kita lihat dalam kita meluluskan peruntukan yang dipohon.

Saya juga dalam membuat sokongan ini merasakan bahawa kita tidak juga dibekalkan dengan maklumat-maklumat daripada kementerian-kementerian yang memohon. Saya percaya kementerian-kementerian yang memohon ini telahpun ada komiti ataupun jawatankuasanya di peringkat Kementerian Kewangan, tetapi pegawai-pegawai di Kementerian Kewangan mungkin sudah mempunyai satu perasaan ataupun satu anggapan bahawa permohonan yang dikemukakan ini adalah permohonan yang appropriate, dengan izin, ataupun yang perlu dibentangkan dalam Dewan ini. Tetapi bagi kita Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak buat keputusan, yang hendak membahaskan mengenai peruntukan yang dipohon, kita

tidak ada angka ataupun tidak ada fakta-fakta yang boleh kita bahaskan secara fokus dan secara terperinci kepada permohonan yang dipohon.

Saya selalu sebutkan perkataan fokus kerana saya merasakan bahawa budaya masyarakat kita yang membuat keputusan secara rambang mengikut sentimen, pemikiran secara rambang tidak bersandarkan kepada fakta ini harus sedikit sebanyak perlu kita ubah. Jadi kita di Dewan ini pun selalu kita membuat keputusan-keputusan tanpa kita ada maklumat-maklumat ini. Walau bagaimanapun saya percaya dengan kemampuan dan juga dengan keupayaan pegawai-pegawai di peringkat kementerian untuk menilai sesuatu permohonan yang dikemukakan oleh kementerian-kementerian yang berkenaan.

Saya juga ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kerana di sini ada dua tajuk B.29 dan B.30 yang menunjukkan permohonan yang begitu besar iaitu Perkhidmatan Am Perbendaharaan dan peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun. Boleh agaknya Yang Berhormat Dato' boleh menjelaskan kepada kita apakah tujuan-tujuan peruntukan yang dipohon kepada tajuk-tajuk yang berkenaan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh sahabat saya Yang Berhormat Mastika itu patut ditujukan atau disoalkan dalam masa jawatankuasa nanti. Jadi kita ada peruntukan satu persatu kita persoalkan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Dato' Zuki. Yang saya hendak tanya tu hanya itu sahaja, peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun yang begitu besar dan saya rasa tajuk akaun ini adalah very flexible dan penggunaannya begitu meluas kalau dapatlah kita dijelaskan, sekurang-kurangnya kita belajar sedikitlah tiap-tiap kali kita meluluskan anggaran belanjawan kita hendak belajar sedikit apa sebenarnya yang dicadangkan oleh kerajaan untuk digunakan melalui peruntukan yang disebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuba habiskan ucapan saya sebelum pukul 1.00. Peruntukan yang dipohon pada B.16, B.32, B.40 dan B.51 sebahagian besarnya adalah untuk kepentingan pegawai, iaitu emolomen. Saya berharaplah peruntukan-peruntukan yang kita luluskan ini akan meningkatkan produktiviti dan satu yang

agak sedihlah saya hendak sebutkan juga di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya ada mendengar ahli korporat, ahli yang terlihat dengan perniagaan eksport, import mengatakan bahawa perjalanan dari segi perniagaan agak tidak dapat berjalan dengan lancar. Bukanlah kata tidak dapat menjalankan perniagaan, dia akan dapat berniaga dengan lebih hebat lagi sekiranya sistem-sistem yang telah diwujudkan oleh kerajaan dapat ditentukan supaya pelaksanaannya juga adalah pelaksanaan yang hebat.

Jadi maksud saya di sini, kita di Malaysia mempunyai sistem yang telah ditentukan oleh kerajaan tetapi ada kelemahan dalam pelaksanaannya. Misalnya, kalau ada syarikat-syarikat yang hendak menjalankan usaha-usaha eksport barang ke luar negara terlibat dengan kastam, terlibat dengan port dan sebagainya, seolah-olah - ini saya sebut seolah-olah, saya tidak quote semua - dalam keadaan negara kita ini ada di setengah-setengah keadaan, ada setengah-setengah pihak yang sengaja mewujudkan satu suasana yang menyulitkan kerana ada kepentingan-kepentingan diri yang wujud di situ di mana mungkin akan timbul soal rasuah, penyalahgunaan kuasa dan sebagainya. Sebenarnya sistem di negara kita sudah cukup canggih tetapi pelaksanaannya harus diberi perhatian.

Begitu juga dengan kelmarin ada disebutkan soal polis, bagi saya polis adalah merupakan satu pihak ataupun satu agensi yang telah menentukan bahawa negara kita aman damai dan makmur. Tetapi tidak dapat juga kita nafikan bahawa ada juga sedikit-sebanyak ketidaktelusan ataupun kurang kepercayaan setengah-setengah pihak kepada agensi-agensi yang terlibat dan juga agensi-agensi yang lain. Malahan ada seseorang telah menyebut kepada saya, mungkin ini saya sendiri pun tidak bersetuju sepenuhnya, dia menyebutkan kalau di Singapura dikatakan ada rasuah, orang tidak percaya, tetapi jika di Malaysia disebutkan tidak ada rasuah, orang akan menimbulkan tanda tanya.

Ini menunjukkan satu keadaan yang harus kita perbaiki dan dalam transparency agency, kalau saya tidak silap, membuat kajian kita dalam rank 22 daripada seluruh negeri-negeri yang dikenal pasti masih lagi ada rasuah. Di Singapore dalam ranking yang ke-6, Hongkong agaknya lebih baik lagi daripada kita. Saya mencadangkan supaya diwujudkan untuk polis diwujudkan badan khas

untuk melihat perlakuan-perlakuan yang tidak sepatutnya ada, sama ada dalam masalah disiplin dan rasuah ini tidak dijalankan oleh pihak polis sendiri tetapi diwujudkan jawatankuasa asing.

Begitu juga mungkin dalam agensi-agensi yang lain kerana bagi saya pegawai-pegawai kerajaan kita, kita tahu sebahagian besarnya memang jujur, amanah tetapi kalau ada yang tidak mempunyai prinsip, konsep yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kamalia pada dua hari yang lepas, kita harus mempunyai kejujuran, kebersihan, niat kita dan sikap kita bekerja sebagai satu kumpulan dan juga keyakinan kita untuk membangunkan negara, kepentingan negara diletakkan lebih hadapan daripada kepentingan-kepentingan yang lain, saya kira jika ini tidak kita beri perhatian kemungkinan usaha-usaha untuk kita hendak mengatasi masalah ekonomi ini akan tidak dapat dicapai secepat mungkin sebagaimana yang diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai perkara B.16, iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, saya lihat sekarang ini Jabatan Bomba dan Penyelamat cuma ada Bomba Sukarela kaum China. Saya berharap supaya bomba sukarela ini dapat diberi perhatian supaya kita ada pelbagai kaum kerana dalam usaha-usaha kita sekarang ini dan juga negara Malaysia yang mempunyai perpaduan kaum yang dibanggakan. Jadi saya berharap perkara ini dapat diberi perhatian dan kepada.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai B.20 Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, saya hendak merayulah kepada kementerian yang berkenaan supaya negeri-negeri yang keciciran di dalam projek-projek perindustrian dalam mewujudkan kawasan-kawasan perindustrian diberi perhatian. Saya hendak baca di sini angka pencapaian negeri-negeri, mengikut negeri yang banyak mendapat projek-projek perindustrian. Saya lihat daripada Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh, bila saya kaji, ada negeri-negeri yang banyak mendapat peluang perindustrian dan di sana kita lihat pendapatan perkapita rakyatnya adalah tinggi, kemiskinan adalah rendah. Negeri yang tidak mendapat peluang daripada perindustrian, pendapatan perkapitanya rendah dan kemiskinan di sana tinggi.

Kalau kita tengok contoh, saya tidak dapat hendak ambil semua kerana untuk menjimatkan masa, Johor misalnya, sehingga akhir 1998 dia telah mendapat 503 projek perindustrian, ini saya tidak tahu dalam bentuk bilangan industri ataupun dalam kawasan, saya rasa bilangan industri dan pendapatan perkapita Johor RM2,772, kemiskinan 1.6%. Selangor yang paling banyak sekali mendapat kemudahan dan juga mendapat peluang-peluang mewujudkan perindustrian 641 industri, pendapatan sebulan isi rumah RM4,006; amat tinggi Tuan Yang di-Pertua, kemiskinan 1.8%. Pulau Pinang yang ketiga tinggi dapat industri 261, pendapatan perkapita RM3130 dan kemiskinan 1.7%. Tetapi Perlis kita cuma dapat 12 sahaja industri, pendapatan perkapita kita RM1,507 dan kemiskinan 10.7%.

Kalau daripada laporan yang berkenaan memang jelas, Tuan Yang di-Pertua, bahawa negeri-negeri yang ketinggalan dalam industri ini tidak dapat dinafikan tidak akan dapat meningkatkan pendapatan penduduk. Oleh itu saya minta supaya Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang mempengerusikan Jawatankuasa Industrial Coordination Council untuk memberi perhatian kepada negeri-negeri yang tertinggal. Dalam pelaksanaan sekarang ini kita sudah masuk di dalam Pelan Induk Perindustrian Kedua.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itulah yang dapat saya sampaikan dan saya juga turut menyokong Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan (1998 dan 1999) 1999. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Zuki.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Boleh sambung?

Timbalan Yang di-Pertua: Sambung kah atau hendak cakap?

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Boleh cakap lagi?

Timbalan Yang di-Pertua: Mula dulu.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Mula dulu. Tuan Yang di-Pertua, saya ucap ribuan terima kasih kerana memberi peluang saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan pada tengah hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sambung selepas makan tengah harilah. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditempatkan sehingga pukul 2.30 petang hari ini.

Dewan ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerus ikan mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin menyambung.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang bukannya untuk menyambung tetapi untuk memulakan ucapan saya yang baru pun saya mulakan sedikit sebelum ini, sebelum kita pergi rehat.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah mula ini sambung sahajalah. [*Ketawa*]

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Permulaan itu baru, belum hendak mula lagi, baru sambung. Kalau Tuan Yang di-Pertua, kata sambung, saya sambunglah.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka bersama-sama dengan sahabat saya dan saya cuba mempercepatkan ucapan saya seberapa boleh tidak mengikut point-point yang saya sendiri akan membaca pada ucapannya yang saya telah pun buat nota supaya cepat sedikit iaitu rang undang-undang yang ada di hadapan kita ini untuk mengeluarkan duit untuk perkhidmatan bagi tahun 1998 dan tahun 1999. Dalam ucapan saya ini, saya akan menyentuh peruntukan-peruntukan bagi Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Luar Negeri dan juga Kementerian Penerangan.

Saya rasa perbelanjaan sebanyak RM9,750.916 ini amatlah banyak angkanya dan saya ucap tahniah kepada kerajaan kerana dapat mengeluarkan duit ini untuk memasukkan ke dalam Consolidated Fund, dengan izin, dan disatukan dengan perbelanjaan Hasil Amanah Disatukan dan dikeluarkan pula dari situ untuk belanja bagi pengurusan yang kita bincangkan di sini. Saya difahamkan kita

berbincang dari segi pengurusan dan bukan dari segi pembangunan sebabnya dari segi remeh-temeh pembangunan ini telah pun diselesaikan oleh Dewan Rakyat dan Dewan ini hanya untuk membuat dari segi dasar menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf pagi tadi saya bangkit untuk menegur Yang Berhormat Hajah Mastika bahawa dia boleh tanya dalam masa jawatankuasa tetapi sebenarnya dalam rang undang-undang ini tidak ada kita bersidang dalam jawatankuasa, oleh itu saya minta maaf kerana bangun menegur tadi, kesilapan saya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita mengadakan peruntukan ini kita kena juga befikir bahawa sungguhpun kita dalam kegawatan ekonomi yang nampaknya beransur pulih kita mesti ada peruntukan bagaimana kita hendak menguatkan lagi pemulihan ekonomi ini dari segi dalam negeri dan luar negeri. Dalam dunia moden ini adalah dunia globalisasi, jadi oleh itu Teknologi Maklumat (IT) adalah sangat cepat dan laju. Persaingan amat bergantung kepada kelebihan dalam Teknologi Maklumat untuk kita berkembang di dalam negara kita.

Suatu ketika dahulu, peperangan sangat bergantung kepada kelebihan senjata. Sekarang peperangan moden memerlukan kecekapan dalam IT. Peperangan di Kosovo menggunakan amat banyak IT (Information Technology) dan teknik-teknik moden. Salah sedikit penggunaannya peluru berpandu pergi merosakkan Kedutaan China. Ini pasal ada masalah, suatu ketika dahulu seperti mana kita tahu peperangan mestilah menggunakan kelebihan askar dan senjata. Konflik masa lepas biasanya bercorak peperangan dan pertempuran tetapi sekarang ini ia lebih menjurus kepada batasan ekonomi seperti perdagangan, pelaburan, aliran kewangan serta taktik-taktik dan strategi perniagaan di mana kelebihan IT adalah diutamakan.

Tuan Yang di-Pertua, pengurusan ekonomi negara dan juga Asia tidak boleh diurus seperti dahulu, jika kita hendakkan pertumbuhan sepuluh peratus seperti dahulu kala. Kalau kita mengikut cara lama, pemulihan ekonomi kita akan masih berada di tahap itu. Negara-negara masa kini bersaing dalam pelbagai bidang tidak lagi dengan bersenjatakan tetapi untuk mendahului orang lain dalam ekonomi. Negara kita mempunyai keadaan yang amat tekis pada masa dahulu, sekarang ini telah pun pulih, adakah sebabnya kejatuhan ekonomi. Negara akan menjadi lumpuh jikalau ekonomi tidak teguh, tengok negara jiran kita apa telah berlaku. Oleh itu bukan lagi menggunakan senjata perang untuk mengatasi masalah-masalah negara tetapi adalah ekonomi. Oleh itu peruntukan patutlah diadakan kepada ruang IT ini. Adakah Malaysia telah bersiap sedia untuk membangun dan bersaing dengan berkesan dalam era golobalisasi dan juga WTO dengan izin, World Trade Organization.

Perdana Menteri yang berpandangan jauh telah mengemukakan wawasan untuk mewujudkan MSC dan Cyberjaya tetapi wawasan sahaja adalah satu angan-angan jika usaha-usaha yang konkrit, yang telah dipertimbangkan oleh kerajaan tidak dibuat dan digerakkan dengan lebih maju lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Malaysia telah meletakkan asas era IT di dalam negara dalam menuju Wawasan 2020, Malaysia telah memasuki era dunia IT yang sofistikated. Malaysia tidak boleh ketinggalan di dalam bidang ini setanding dengan jiran-jirannya. Kita hanya ada dua pilihan sama ada menerima wawasan tersebut atau akan ketinggalan di alaf baru yang akan datang. Malaysia tidak boleh berterusan seperti sepuluh atau lima tahun dahulu, Malaysia harus pantas untuk bergerak seiring atau sekurang-kurangnya berusaha untuk mengecilkan jurang di antara Malaysia dan dunia yang semakin maju, putaran perkembangan IT sekarang berubah dalam jangka masa yang amat singkat, bulan berbanding tahun sebelumnya.

Tuan Yang di-Pertua, cabaran kepada Malaysia untuk ke arah ini adalah amat besar, tetapi dengan persekitaran yang sesuai, polisi-polisi dan juga komitmen-komitmen kerajaan dan dengan pucuk pimpinan dinamik dan progresif, saya yakin Malaysia boleh.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membuat beberapa cadangan dan juga mencadangkan supaya kerajaan mengadakan peruntukan untuk menjayakan apa yang saya cadangkan ini dan peruntukan ini patutlah dipertimbangkan pada budget yang akan datang ini.

Walau dengan adanya MSC dan Cyberjaya, IT di Malaysia adalah jauh ketinggalan di belakang negara-negara maju dan beberapa ekonomi serantau seperti Taiwan, Korea Selatan dan juga Singapura. Pertamanya, kita perlu menggariskan strategi-strategi tertentu dan cuba menandingi ketiga-tiga ekonomi serantau ini sebelum kita memikirkan untuk cuba menandingi Jepun, EU dan Amerika Syarikat.

Malaysia mempunyai struktur dan asas yang sesuai untuk industri elektronik dan IT yang moden dan sofistikated, untuk ini perlulah ada penyelarasan, sokongan dan R&D seperti mana saya perkatakan awal dahulu di antara sektor awam dan swasta.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjurus ke arah ini, Kementerian Penerangan yang peruntukannya di sini amatlah sedikit hanya untuk membuat auditorium di Johor sahaja, perlu memainkan peranan yang penting, waktu di mana kementerian hanya perlu memikirkan program TV dan radio, filem-filem propaganda yang ditayangkan di padang-padang dan sebagainya telah lama berlalu, kemungkinan di kampung-kampung masih lagi diperlukan cara lama ini tetapi kita kena beralih dari sehari ke sehari ke pemikiran baru. Pemikiran kementerian perlulah bersifat bukan sahaja global dan serantau tetapi juga untuk domestik, untuk keperluan dalam negeri. Walaupun Kementerian Penerangan telah menjalankan tugasnya dengan baik di dalam negara, ia belum lagi berupaya bergerak ke arah global. Di

dalam hal ini kementerian telah gagal untuk menjaga kepentingan negara di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam era globalisasi dan dengan jangkaan CNN, CNBC, BBC, kementerian mestilah menghadapi cabaran ini bukan sahaja dari dalam negeri yang sama mustahaknya adalah di peringkat antarabangsa. Kita perlu memperhebatkan publicise, dengan izin, diri kita dengan lebih aktif di peringkat antarabangsa. Kita seharusnya melancarkan rangkaian berita atau maklumat di peringkat negara-negara ASEAN bagi memuliakan dan seterusnya untuk dunia dengan sokongan kuat demi memupuk penyebaran maklumat yang benar, berkeyakinan, telus kepada masyarakat antarabangsa terhadap negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dinafikan pentingnya untuk menjadi efektif di dalam negara sendiri dan kementerian telah melakukan tugas tersebut dengan baik tetapi pencapaian dan wawasan kementerian di peringkat antarabangsa adalah tidak memberangsangkan. Kementerian Penerangan mestilah berani menyuntikkan profesionalisme ke dalam organisasi dengan idea yang inovatif, pengetahuan dan wawasan yang baru. Cabaran baru kepada kementerian adalah sama ada ia berupaya untuk menghadapi atau menepis serangan-serangan media asing. Setakat ini tidak ada sangat, apakah yang telah dibuat oleh kementerian untuk menapis laporan palsu yang telah merosakkan negara kita selama ini. Apakah yang telah dibuat oleh kementerian untuk membina semula keyakinan kepada negara kita di peringkat antarabangsa?

Adalah menjadi pendirian saya bahawa kementerian mestilah menyelaraskan dengan MITI dan Kementerian Kewangan untuk membantu negara dalam perkara-perkara seperti berikut: -

- (i) untuk menarik lebih banyak pelaburan terus asing ke dalam negara;

- (ii) untuk mewujudkan rangka kewangan yang lebih stabil seperti saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita semenjak bermulanya kelembapan ekonomi;
- (iii) membantu menyegerakan pemulihan ekonomi melalui perhubungan dan penyebaran berita yang tepat dan betul mengenai negara kita ke dunia luar;
- (iv) membetulkan kesalahfahaman pelabur, pedagang, pemodal antarabangsa; dan
- (v) menggambarkan persepsi negara yang positif dan mesra di mata dunia.

Inilah yang saya cadangkan kepada pihak kerajaan untuk mengadakan peruntukan kepada apa yang saya perkatakan tadi, sebabnya dari segi keadaan ekonomi kita akan pulih tetapi jangan ada bantutnya, jangan ada pertikaianya daripada negara-negara luar. Oleh itu informasi atau maklumat di kedutaan-kedutaan di luar negara kita amatlah penting.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu berkenaan dengan kedutaan-kedutaan luar negara ini. Saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan, mengapa pihak kerajaan tidak memikirkan untuk menghantar pekerja di luar-luar negara khususnya di kedutaan, rakyat Malaysia sendiri, sebabnya banyak dari jawatan-jawatan yang berada di kedutaan ini disandang oleh pihak-pihak yang ada di situ. Satu contoh, di Belgium, seorang yang bekerja security menjaga kedutaan mendapat 56,000 Francs sebulan bersamaan dengan RM5,600. Saya tahu perbelanjaan ini besar disebabkan kedudukan taraf hidup, dengan izin, cost of living, di sana tinggi bersamaan dengan pendapatan sebanyak itu, tetapi kalaulah jawatan-jawatan ini dipegang oleh rakyat Malaysia sudah tentu pembayaran ini dapat balik kepada Malaysian bukannya kepada orang-orang luar. Jawatan pemandu misalannya sepatutnya kita hantar pemandu kita supaya kurang perbelanjaan itu dan duit ini

yang didapat oleh pemandu, security, kerani tempatan misalannya duit ini dapat balik dihantar ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan peruntukan untuk bomba ini, saya minta maaf sebab tidak ada dapat peluang untuk bertanya dalam peringkat Jawatankuasa nanti, sebab kita tidak ada peringkat Jawatankuasa, saya suka mengingatkan di sini bahawa perbelanjaan untuk Bomba ini amatlah baik, tetapi seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mastika tadi betul, iaitu Bomba sukarela saya hendak bangkitkan juga sebabnya di tempat saya tidak ada Bomba sukarela tetapi di kampung baru sahaja yang ada, tetapi kita ada juga kampung baru yang diduduki oleh kaum bumiputera tetapi tidak ada bomba sukarela dan juga kebanyakan kampung khususnya macam di Benta adalah 16 batu ke Kuala Lipis, kalau jadi kebakaran, sudah lima kali kebakaran yang berlaku kenalah menunggu bomba daripada Kuala Lipis yang mengambil masa lebih kurang dalam 25 minit hingga 30 minit dan sudah banyak bangunan yang terbakar di Benta tidak mendapat pertolongan Bomba.

Oleh itu bomba-bomba ini mestilah mengadakan pusatnya tidak lebih daripada sepuluh kilometer, setiap bandar dan kampung yang penuh sesak dengan bangunan-bangunan kayu seperti mana yang ada sekarang ini banyak daripada kampung baru dan juga kampung-kampung Melayu di pekan-pekan adalah masih lagi bangunan kayu bukannya batu. Oleh itu kalau terjadi kebakaran amatlah susah dan sukar untuk mereka mengatasi masalah itu dengan menggunakan, dengan izin, bucket water yang dibawa daripada sungai dan paip-paip yang kadang-kadangnya tidak bercuci dan tidak dijaga dengan baiknyanya. Kalau terjadi kebakaran paip sudah berkarat, air tidak keluar. Jadi terpaksa mengambil air dari tempat lain. Oleh itu, perbelanjaan untuk bomba ini patutlah ditambahkan lagi daripada apa yang ada di sini.

Yang keduanya, saya hendak tanya mengapa auditorium yang Kementerian Penerangan hendak buat di Johor ini, auditorium ini untuk apa dan adakah untuk

RTM, adakah untuk kegunaan tempatan ataupun auditorium ini digunakan untuk swasta boleh mengambil bahagian dalamnya sekali.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang lain perkara saya lepaskan kepada sahabat saya yang akan berucap lagi. Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (1998 dan 1999) 1999 yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini oleh kerajaan kelmarin dahulu. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan N. Marimuthu.

2.52 ptg.

Tuan N. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (1998 dan 1999) 1999.

Tuan Yang di-Pertua, Y2K atau tahun 2000 adalah satu fenomena yang dijangka mendatangkan mudarat atau kesan buruk kepada keberkesanan operasi, kestabilan kewangan ekonomi, sistem perhubungan, pengangkutan serta sistem pembekalan tenaga dan gas sesebuah negara. Masalah ini timbul akibat sistem komputer yang pada asalnya dicipta semata-mata untuk memenuhi cita rasa para profesional yang penuh ghairah dengan hasil cipta mengendalikan pengkomputeran kos rendah dan manipulasi dengan menggunakan dua digit akhir untuk mewakili tahun yang sepatutnya diwakili dengan empat digit. Masalah ini heboh di dalam akhbar sejak tahun 1971 dan telah timbul kembali pada tahun 1993. Akan tetapi ramai di kalangan masyarakat tidak memberi perhatian yang serius sehingga kini apabila detik tahun 2000 cuma tinggal 230 hari lagi.

Mengikut pendapat para penganalisa adalah dianggarkan bahawa seluruh dunia memerlukan kira-kira RM1,200 bilion hingga RM2,400 bilion untuk menangani masalah Y2K ini yang melibatkan usaha membetulkan bukan sahaja perisian komputer tetapi cip-cip komputer yang kebanyakan terbenam dalam

semua peralatan komputer. Angka itu mungkin boleh meningkat sehingga RM6 trilion apabila ambil kira kos membaiki data base meningkat maju. Peralatan dan kos guaman serta kos baik-pulih ekonomi mengikut sumber yang sama kesan buruk akibat gejala Y2K ini mungkin lebih dahsyat daripada kesan kegawatan ekonomi yang sedang dihadapi seluruh dunia. Negara kita juga tidak dapat mengelak daripada bencana ini yang bakal ditempuhi tidak lama lagi.

Sektor yang paling ketara sekali yang perlu diberi perhatian ialah dalam sektor perbekalan tenaga eletrik, bekalan air, pengangkutan, udara, sektor perhubungan, telekomunikasi serta sektor kewangan dan pembangunan. Bila tiba sahaja detik tahun 2000, maka kita akan mengetahui apa persediaan kita menghadapi kesan Y2K ini dengan erti kata lain isu Y2K adalah sah dan wujud.

Tuan Yang di-Pertua, masalah Y2K ini bukan masalah sebuah syarikat atau individu tetapi adalah masalah yang akan menimpa semua lapisan masyarakat seluruh dunia, secara ringkas ia mendatangkan kesan domino. Kita memang faham bahawa tidak ada sebuah negara dalam dunia ini yang telah menggeruni masalah Y2K. Justeru itu, setakat ini tidak ada mana-mana pihak yang boleh mengaku mempunyai formula bagi mengatasi fenomena yang dibuktikan tadi. Kita telah pun melalui beberapa peristiwa seperti peristiwa gangguan bekalan letrik di seluruh negara pada tanggal 3 Ogos 1996 yang mengakibatkan kerugian berjuta-juta ringgit. Begitu juga peristiwa letupan pencawang letrik Semenyih pada tanggal 9 Oktober 1998 yang mengakibatkan gangguan letrik kepada lebih dari 500,000 buah rumah di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya.

Pasaran Bursa Saham Kuala Lumpur, mungkin akan mengikut sejarah peristiwa yang berlaku di Bursa Saham New York pada tanggal 26 Oktober 1998, di mana kesan kerosakan sistem pemrosen komputer mengakibatkan urusniaga

terhenti selama lebih daripada satu jam. Secara ringkasnya, kesan masalah Y2K boleh melambatkan semua sistem dalam industri dan infrastruktur.

Saya memuji pihak Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia dan juga Kementerian Kewangan kerana telah mengambil inisiatif serta langkah proaktif bagi menangani masalah yang bakal dihadapi.

Penubuhan Jawatankuasa Bertindak Y2K adalah satu langkah yang bijak. Begitu juga dengan pelbagai bantuan kewangan dan pinjaman yang dihulurkan kepada sektor awam dan sektor swasta sudah tentu dapat membuat sedikit sebanyak menangani masalah Y2K.

Memandangkan masa yang begitu suntuk serta kesan buruk akibat Y2K yang tidak dapat kita bayangkan saya ingin menyarankan supaya pihak Kementerian Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia dengan Jawatankuasa Bertindak Khas mengkaji semula segala usaha-usaha yang telah diambil bagi mempercepatkan semua proses pelaksanaan serta meneliti keberkesanan inisiatif yang diambil.

Saya difahamkan bahawa kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM130 juta bagi usaha menangani masalah Y2K dalam jabatan kerajaan serta agensinya.

Saya juga difahamkan bahawa sebanyak US\$100 juta telah pun ditambahkan selepas pinjaman daripada Bank Dunia diluluskan bagi tujuan ini. Daripada jumlah ini US\$90 juta akan diperuntukkan kepada kerja memulihkan dan yang selebihnya untuk pasukan projek Y2K. Oleh kerana kesan Y2K boleh mendatangkan masalah domino yang melibatkan semua sektor, baik sektor awam mahupun sektor swasta, maka sudah tentu usaha-usaha memperbetulkan dan mengurangkan kesan Y2K mestilah melibatkan sektor swasta juga. Saya ingin menyarankan juga supaya segala usaha melibatkan sektor swasta mahupun awam dikaji semula dengan memberi penekanan kepada:

- (a) pengumpulan fakta untuk menentukan jumlah mengesan akibat masalah Y2K;

- (b) merangka satu rancangan untuk menangani masalah yang mungkin timbul dan menentukan sejauh mana kesan domino melibatkan semua sektor;
- (c) untuk risiko-risiko yang tinggi mengkaji semula rancangan kesediaan, dengan izin, contingency plan.

Saya ingin merujukkan beberapa soalan kepada Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia seperti berikut:

- (i) sejauh manakah peruntukan-peruntukan yang disebutkan di atas telah digunakan dan daripada jumlah di atas berapa banyak telah dibelanjakan bagi setiap jabatan kerajaan;
- (ii) berapa banyakkah anggaran kerugian yang mungkin dihadapi oleh negara kita selepas ini, tahun 2000;
- (iii) berapa peratusan pencapaian persediaan Y2K dalam sektor awam dan sektor swasta.

Sekian sahaja. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tee Thiong Hock.

3.02 ptg.

Tuan Tee Thiong Hock: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian di dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1998 dan 1999) 1999.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah pun membincang dan membahaskan cara pengurusan wang ataupun budgeting berkenaan dengan bil ini iaitu di Jadual Pertama berkenaan RM9.6 bilion dan Jadual Kedua RM60 juta. Saya hanya hendak membangkitkan bahawa dalam Jadual Pertama itu, saya faham sebab-sebabnya kita memerlukan sejumlah RM3.7 juta untuk Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Memang ini untuk menggalakkan lebih perdagangan antarabangsa dan juga mempertingkatkan imej negara kita melalui APEC dan juga B.51 iaitu Kementerian Luar Negeri juga perlu RM3 juta. Kedua-dua ini adalah untuk menangani kegawatan ekonomi dan juga memulihkan keadaan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin bercakap sedikit berkenaan dengan ekonomi negara kita yang masa sekarang berada di dalam fasa pemulihan. Keadaan sekarang cukup memuaskan kerana kita ada balance of trade tiap-tiap satu bulan dalam figure yang positif. Bulan Mac tahun ini eksport adalah sebanyak RM25.7 bilion dan menunjukkan year on year increase sebanyak 5.9% dan bulan Mac, ini perangkaan yang terbaru, import adalah sebanyak RM19.2 bilion sahaja, menunjukkan import masih turun lagi dengan 5.4%. Jadi, dalam bulan Mac itu kita ada positive balance of trade sebanyak RM6.5 bilion dan sampai hari ini foreign reserve kita pun sudah meningkat kepada US\$28.6 bilion. Ini memang cukup baik tetapi ini juga menunjukkan negara kita kurang belanja. The spending power that consumerism is not really there, yang ini saya agak bukan sihat untuk memulihkan ekonomi negara kita. Kalau tiap-tiap seorang rakyat tidak mahu belanja mahupun for daily consumption, ataupun consumption untuk capital goods, jadi the speed of recovery cannot be as fast as you want, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, memang keadaan sekarang cukup sesuai bagi pengeksporth kerana kadar pertukaran wang masih dikekalkan pada RM3.80:US\$1 tetapi ada satu golongan rakyat Malaysia kerana exchange rate di'fix' pada kadar ini memang mereka rasa susah sedikit khasnya ibu bapa yang hantar anak ke luar negeri untuk belajar di seberang laut. Oleh kerana kita pun telah diberitahu kadar wang yang dikekalkan yang di'fix' kepada RM3.80:US\$1 itu memang tidak mencerminkan keadaan ekonomi kita sekarang. Yang sebenarnya, mengikut beberapa majalah ataupun pakar analisis sepatutnya Ringgit Malaysia adalah lebih kuat sebanyak 20%, RM3.30:US\$1. Jadi, sebenarnya pengeksporth yang untung, ibu bapa yang hantar anak ke luar negeri itu cukup rugi. Exchange rate adalah RM3.30 jadi perbelanjaan anak mereka yang belajar di luar negeri boleh turun dengan 20%, itu satu perkara yang saya ingin bangkitkan di sini. Saya minta kerajaan fikirkan bagaimana boleh membantu pada waktu ini kita mahu fix exchange RM3.80:US\$1 macam mana boleh membantu ibu bapa yang ada menghantar anak ke luar negeri untuk pelajaran tinggi especially dalam bidang pengajian atau pendidikan yang kritikal.

Saya juga telah difahamkan bahawa kerajaan telah menutup atau telah suspend skim scholarship untuk anak-anak kita yang pergi ke luar negeri untuk belajar tahun ini. Dua, tiga hari yang lepas di Dewan yang mulia ini satu soalan

telah dibangkitkan iaitu bolehkah universiti-universiti di negara kita di'rank' sebagai universiti termashyur di dunia, jawapannya ialah kerana kita tidak ada research & development selainnya tidak dapat kita rank sebagai universiti yang termashyur. Walau bagaimanapun, kita ada anak kita yang kebolehan mereka boleh di rank 'top of the world'. Kita ada anak kita belajar di Stamford University, di Harvard, di Oxford, Cambridge, di Imperial College di mana saya belajar. Jadi, walaupun kita tidak boleh adakan universiti kita sampai ke tahap seperti Oxford Cambridge ataupun Stamford Harvard tetapi kita boleh hantar anak kita ke universiti-universiti ini tetapi pada masa sekarang susah kerana skim sholarship tidak ada kerana kadar pertukaran wang begitu lemah. Jadi, saya cadangkanlah kerajaan mengadakan semula skim sholarship untuk pelajar-pelajar kita yang mencapai result yang begitu cemerlang yang telah pun diterima masuk ke dalam kursus kritikal ke universiti-universiti yang termashyur di dunia ini.

Kalau tidak boleh bagi scholarship boleh timbanglah macam mana boleh menolong kerana itu indeks penukaran kadar wang.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua saya ingin ucapkan sedikit di sini ialah pagi ini kita telah dengar budget tahun ini kita ada defisit sebanyak RM16 bilion. Walaupun ini nampak satu angka yang besar tapi kalau kita guna cara inovatif menarik FDI saya berpendapat bahawa perkara ini boleh di atasi. Di sini saya hendak buat satu cadangan, satu skim, satu program, program silver hair, program atau rancangan rambut perang (silver hair programme) bukan sayalah. Silver hair programme khasnya untuk orang-orang umur lebih kurang 50 atau 55 tahun. Untuk menarik orang asing datang dan duduk di negara kita, mereka pilih duduk di negara kita sampai penghujung atau penghabisan umur mereka dari sini. Bila mereka masuk kita createkan syarat-syarat mereka mesti masuk berpasangan suami - isteri, dan badan sihat datang sini belilah overhang stock kita, harta tanah, rumah, resort dan membawa belanja tidak kurang RM2 juta ke Malaysia.

Dengan cara ini kita boleh test negara kita orang lain suka atau tak suka datang ke sini, kerana di mana-mana negara mereka tentu sudah ada immigration policy untuk economic immigrant, Amerika tentu ada, Australia ada, mana-mana pun ada. Jadi kita mesti ada leboh forward looking. Kalau kita dapat menarik

kira-kira 5,000 orang, tiap-tiap seorang RM2 juta itu sudah jadi RM10 bilion, tiap-tiap tahun RM10 bilion saya agak ini adalah satu jawapan, satu cara dan kita boleh mengatasi kekurangan FDI ini di negara kita. Lima ribu orang kalau dibandingkan dengan illegal workers di negara kita I think it is very small fraction, not percentage I think the country can afford that.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang last sekali saya ingin membahaskan...

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Ini satu cadangan yang menarik untuk kita bahaskan tetapi tidak dapat dibahaskan di sini saya hanya ingin dapat penjelasan daripada Yang Berhormat. Mengapa kita hendak suruh mereka datang ke negara kita? Negara kita ini sudah 20 juta kira ramai juga dan adakah cadangan untuk mereka membuat direct investment dengan izin, menggunakan duit mereka, mereka sudah tua, mereka bukannya rambut silver, saya ingat sudah menjadi white. Tak mungkin mereka hendak berubah tempat apabila sudah tua. Mereka lebih suka duduk di negara mereka yang sejuk, yang hawanya baik, daripada tempat kita ini jerebu sahaja yang ada dululah sekarang sudah molek. Tapi saya tak terasa hendak menjemput orang luar duduk di negara kita ini, orang-orang kaya khususnya sebab negara kita sudah cukup dengan rakyatnya sendiri.

Hanya saya memikirkan kalau Yang Berhormat boleh fikirkan cara lain iaitu bawa duit secara direct investment seperti mana saya katakan tadi bahawa bank-bank kita jangan sekali-kali beri 100% saham - bank-bank tempatan dan biarkan 30% itu dikekalkan tetapi kita dengan 30% itu bagaimana kita hendak menarik orang yang tua-tua itu. Kemungkinan duit mereka banyak sangat dia tidak boleh gunakan di negara dia, boleh bawa ke negara kita, tetapi untuk membawa ke negara kita ini kita akan ada masalah pula Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja hendak menggunakan duit dia, kita kena perbesarkan hospital kita, perkhidmatan hospital, perubatan, doktor dan sebagainya akan diperbesarkan untuk menampung mereka, biarlah kita tampung rakyat kita sendiri dulu.

Tuan Tee Thiong Hock: Tuan Yang di-Pertua, terima kasihlah. Sebenarnya kita kata silver hair bukan sahaja kita mahu mereka datang dan duduk sini sampai mereka meninggallah. Jadi isu kerakyatan ataupun dia beranak tidak

timbul sekali pun. Yang Berhormat Dato Mohd. Zuki pun dia cukup syok adakan hospital dan lain-lain itulah makna rancangan ini perbezaan dengan yang lain kerana apabila mereka sakit mereka kena berbelanja, bila anak mereka mahu datang dari Amerika atau dari lain mereka datang sebagai pelancong. Bila mereka meninggal mereka kena beli tempat juga. Jadi bukan sahaja mereka bawa berterusan sampai mereka meninggal kita dapat buat bisnis yang begitu banyaklah. Itulah yang specialnya program ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ketiga ini saya mahu cakap sedikit kerana ada beberapa orang Yang Berhormat telah pun berucap tentang wabak JE ini. Dari segi kebersihan, dari segi kawal selia, dari segi pollution saya hanya ingin membahas berucap dari segi ekonomi sahaja. Saya ingin memaklum kepada Dewan yang mulia ini dalam tahun ataupun sumbangan ekonomi dari sektor perindustrian penternakan babi - kawan saya dari sana Timbalan Menteri memang dia boleh setuju. Dalam tahun 1992 jumlah babi di negara kita ada 2,246,189 ekor, tahun 1994 ada 2,519,959 ekor, tahun sekarang tak tahulah. Memang lebih senang kita mengira kerana tidak banyak tahun 1992 value ataupun nilai farm gate value industri ini adalah RM942.9 bilion hampir RM1 bilion itu farm gatelah. Kalau itu nilai pasaran ataupun di meja makan kita boleh jadi dua kali ganda RM2 trilion, satu industri yang begitu besar.

Yang mustahak sekali ialah kerana ini adalah satu industri yang nampaknya cukup efisien. Jadi sebilangan besar rakyat Cina Malaysia mendapat protein dari jenis daging ini dan kalau kita refer kepada perangkaan meat production tahun 1999, daging babi adalah 227,000 tan metric, daging lembu atau beef hanya 12,800 tan metric dan daging mutton hanya 800 metric tan begitu besar perbezaannya. Dalam tahun 1995 daging babi adalah 305 metric tan dan lembu 15,600 metric tan dan mutton 1,100 metric tan dan saya ada perangkaan lain tetapi saya ingat tidak perlu saya rakamkan di sini.

Saya hanya ingin memberitahu dalam indeks self-sufficiency di negara kita, beef hanya 22%, mutton hanya 6%, poultry 111%, dan daging pork adalah 101% dan kalau kita tidak cukup daging jenis ini kita akan kekurangan daging untuk semua rakyat kerana per capita consumption livestock tahun 1995, beef

adalah 4.5 kilogram, mutton 0.6 kilogram, daging babi 31 kilogram, ayam 35 kilogram. Try to imagine the situation dengan izin, kalau pork itu 31 kilogram tidak ada, semua orang Cina pergi makan beef atau mutton atau poultry macam mana harga tiga jenis daging ini? Itu akan jadi satu isu ekonomi rumahtangga (home economic, very big issue).

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perindustrian penternakan babi negara kita adalah juga salah satu industri yang kita dapat eksport. Dalam tahun 1992 jumlah nilai eksport kita ialah sebanyak RM281 milion dan dalam tahun 1993, RM287 milion worth at-farm. Jadi, ini adalah satu industri yang ada economic value, sumbangan ekonomi yang begitu penting untuk negara kita, walaupun pada masa sekarang semua pengusaha kiranya cukup dukacita, saya harap dan saya cukup puas hati, tidak kira kaum, kita multi racial, multi religion, we have been very patient, everybody – no one makes sensitive statement, dengan izin, has been very responsible tetapi oleh kerana sumbangan ekonomi dari perindustrian penternakan babi ini, saya harap, saya buat cadangan supaya kerajaan dapat cari jalan macam mana boleh memulihkan industri ini oleh kerana sebab-sebab yang saya bangkitkan tadi.

Dengan ini saya mengucapkan sekali lagi terima kasih dan merakamkan sokongan-sokongan kepada rang undang-undang yang ada di hadapan kita sekarang. Terima kasih.

3.22 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut mengambil bahagian dalam membahaskan rang undang-undang yang bernama Akta Perbekalan Tambahan (1998 dan 1999) 1999. Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi mengeluarkan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebanyak RM9,719,750,916 iaitu sebanyak RM9,659,750,916 untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan di dalam Jadual 1 dan sebanyak RM60 juta untuk perkhidmatan dan maksud yang dinyatakan dalam Jadual 2.

Tuan Yang di-Pertua, saya turut bersetuju dengan Ahli-ahli Yang Berhormat, rakan-rakan saya yang telah memberi pandangan terdahulu dalam

banyak aspek. Saya ingin menyentuh, yang pertama sekali bagi Maksud B.16 iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat yang diberi perbekalan tambahan berjumlah RM4,568,230 dan peruntukan ini adalah dikehendaki untuk menampung perbelanjaan operasi kemarau di Sabah dan Sarawak, tugas-tugas Sukom 1998 dan perbelanjaan bagi Unit Udara yang baru ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita akui keperluan kepada perkhidmatan bomba dan penyelamat yang lebih canggih sesuai dengan pembangunan negara pada masa ini perlulah diberi perhatian kerana pembangunan tidak harus dilihat dari segi pertumbuhan ekonomi sedangkan kebajikan dan kepentingan keselamatan diabaikan. Cuma, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan dalam masa meningkatkan kecanggihan peralatan dari segi kebombaannya hendaklah juga memberi perhatian kepada kemahiran dan kemampuan pegawai-pegawai itu sendiri. Kalau kita ada Unit Udara, kita ada alat yang canggih tetapi latihan kemahiran kepada pegawai-pegawai yang terlibat dalam operasi penyelamat dan kebombaannya ini tidak diberi dengan secukupnya, sesuai dengan alat-alat itu, saya rasa ini akan menjadi suatu pembaziran dan tidak akan mencapai matlamat yang sewajarnya.

Keadaan ini boleh dilihat, terutama sekali apabila pembangunan sikap dan pemberian ilmu kemahiran memerlukan suatu pendedahan, mungkin melibatkan tenaga-tenaga daripada negara-negara maju seperti Jepun, Korea dan juga United State sendiri datang ke sini ataupun kita hantar pegawai-pegawai kanan kita pergi ke sana untuk mengetahui bagaimana selok-belok dari segi tugas-tugas membantu apabila berlaku kebakaran dan juga kecemasan keselamatan.

Sekarang kita dapati, apabila berlaku kebakaran, kadang-kadang perkara itu diberitahu kepada bahagian bomba ataupun ada sesuatu kecemasan tetapi masih lagi kita lihat perkhidmatan yang diberi ini agak terlewat sedikit. Saya tidak tahu sama ada keadaan ini wujud disebabkan oleh keadaan lalu lintas ataupun sikap keprihatinan pegawai-pegawai itu sendiri menyebabkan lambat bantuan yang diberi itu agak terlewat.

Apa yang kita boleh lihat seolah-olah bidang tugas kebombaannya dan tenaga penyelamat ini hanya membantu mengawal kawasan-kawasan yang belum lagi

terlibat dengan kebakaran ataupun keadaan bahaya itu daripada terjerumus dalam keadaan bahaya. Jadi, ini satu perkara yang perlu diberi perhatian.

Kemudian kita juga mendapati pegawai-pegawai ini mungkin kekurangan, masih berkurangan dengan jumlah kawalan yang perlu diberi perhatian, yang mana kita tahu pembangunan bandar-bandar dan pembangunan rumah-rumah termasuk pelabuhan dan sebagainya sudah meningkat begitu ketara sekali, sedangkan pertambahan pegawai perkhidmatan bomba dan penyelamat itu agak tidak seimbang. Ini juga perlu diberi perhatian.

Saya amat bersetuju dengan rakan saya supaya bidang kebombaian dan penyelamat ini tidak seharusnya dilihat keperluan untuk diberi kepada kawasan bandar dan terdiri daripada golongan tertentu sahaja. Misalannya kita ada perkhidmatan kebombaian dan penyelamat sukarela. Kebanyakannya terdiri daripada golongan orang-orang Cina sahaja di bandar-bandar. Ini menggambarkan keadaan yang tidak sihat.

Kita sedar bahawa keadaan negara kita terdiri daripada rakyat berbagai bangsa dan keperluan untuk kebombaian dan penyelamat ini bukan hanya tertumpu kepada kawasan-kawasan yang didiami oleh segolongan ramai kaum-kaum tertentu, misalannya di kawasan-kawasan nelayan, ramai penduduk-penduduk di situ terdiri daripada kaum-kaum nelayan yang majoritinya daripada orang-orang Melayu dan kaum bumiputera. Jadi, apa salahnya kalau kita wujudkan pasukan sukarela kebombaian ini yang terdiri daripada kaum-kaum yang ada di situ dan kita boleh masukkan berbagai-bagai kaum yang ada. Kita seharusnya menggalakkan rakyat daripada keturunan berbagai kaum untuk menyertai pasukan bomba dan penyelamat sukarela ini, tidak kira sama ada pasukan itu ditaja oleh pihak-pihak tertentu.

Dalam masa yang sama saya mencadangkan supaya kerajaan menggubal suatu skim yang lebih menarik kepada anggota pegawai bomba dan penyelamat ini kerana ini adalah satu tugas yang amat berat, risikonya tinggi dan mungkin mengadai nyawa mereka.

Sekarang ini saya tidak tahu sama ada pihak kerajaan menyediakan skim insurans untuk menjadi pelindung kepada pegawai-pegawai itu sendiri dan keluarga mereka yang memuakan, yang boleh memberi dorongan kepada pihak-pihak lain. Dengan cara ini dengan mengadakan suatu skim gaji yang menarik, mengadakan berbagai insentif, mengadakan berbagai kemudahan yang meliputi keluarga dan anak-anak pegawai ini, saya yakin akan menggalakkan lebih ramai generasi kita terutama sekali remaja-remaja yang tidak ada kerja untuk menyertai pasukan kebombaian dan penyelamat ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berkenaan dengan Maksud B.20 iaitu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Saya ingin menimbulkan kembali perkara yang disebut rakan saya oleh Yang Berhormat Puan Mastika sebentar tadi di mana negeri-negeri termasuk negeri Perlis, negeri-negeri yang agak terpinggir ini agak ketinggalan dari segi pembangunan industri ini. Kita memanglah tidak boleh menyalahkan pihak pengusaha, pihak pelabur sebab apabila kita hendak melabur, hendak berniaga kita sudah tentu akan memilih tempat-tempat yang boleh memberi keuntungan dan kebaikan kepada kita.

Jadi, dalam keadaan yang semacam ini bidang tugas Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sudah tentu akan menjadi lebih mencabar dan kita berharap pihak kementerian akan memberi perhatian lebih kepada negeri-negeri yang miskin dan negeri-negeri yang terpencil ini. Lagi pun kita tahu negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak adalah negeri-negeri yang ada dalam lingkungan IMT-GT yang melibatkan Thailand, Indonesia dan juga Semenanjung. Saya tidak nampak apa kemajuan pembangunan yang kita isytiharkan zon IMT-GT ehingga ini sehingga negeri-negeri ini hanya yang kita dapat tahu ialah Pulau Pinang sahaja dan mungkin Perak sebahagiannya. Tetapi lain-lain tempat macam Perlis masih lagi macam keadaan biasa. Ini menunjukkan pengisytiharan kawasan zon IMT-GT itu tidak memberi manfaat tambahan kepada negeri-negeri ini. Ini perlu diberi perhatian oleh pihak kementerian sama ada mereka mengadakan beberapa kemudahan seperti dana khas untuk pelabur-pelabur yang mahu pergi dan memberi insentif masa kecuali cukai itu lebih lama lagi daripada tempat-tempat lain di negeri-negeri lain di seluruh Malaysia yang dekat dengan pelabuhan mempunyai kemudahan pengangkutan yang cukup dan kita berharap Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri akan memberi perhatian kepada perkara ini.

Lagi satu yang ingin saya sebutkan di sini kawasan-kawasan perindustrian yang diwujudkan di negeri Perlis sekarang ini seolah-olah 'hidup segan mati tidak mahu.' Tidak ada pihak terutama sekali pihak kementerian memberi perhatian untuk hendak membangunkan dan mengadakan kemudahan asas. Kalau kita pergi melawat di Kuala Perlis di kawasan Jejawi dan di Padang Besar di Bukit Keteri,

kita boleh melihat perbezaan tempat-tempat ini dengan tempat-tempat lain di negeri macam Pulau Pinang, Selangor, Johor termasuk Pahang dan Terengganu. Kita berharap pihak kementerian akan menubuhkan suatu unit khas di bawah kementerian ini untuk sepanjang masa memantau dan melihat kembali apakah perkembangan dan masalahnya dan sekali gus menyediakan satu laporan kepada pihak-pihak yang berkenaan memberi panduan kepada pihak-pihak pelabur supaya mereka ini mendapatkan maklumat yang tepat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan masih ada 30% atau 40% pengimport dan pengeksport peniaga-peniaga besar ini yang membawa masuk barang-barang masih menggunakan pelabuhan di Singapura. Mengikut apa yang kita fahamkan mereka bukan sahaja terikat kerana tradisi atau sudah lama berurusan tetapi ada perkara-perkara lain iaitu dari segi keuntungan dan kita faham Pelabuhan Singapura ini adalah bebas cukai (free port). Bila mereka memunggah barang-barang sama ada melalui feeder dan sebagainya, pergi ke pelabuhan di Singapura, barang-barang mereka ini mereka boleh selamatkan daripada kena cukai dengan cara mengisytiharkan jumlah yang sebenar katakanlah RM100 juta tetapi ia isytihar untuk kena cukai itu dalam RM50 juta sahaja. Selepas itu dalam masa yang sama masih boleh lagi dibawa masuk secara seludup. Ini akan merugikan kita dan akan menimbulkan masalah. Kalau pihak imigresen hendak mengadakan kawalan yang lebih ketat di pintu masuk di Tambak Johor, ini akan menyulitkan urusan pengangkutan biasa yang mempunyai kepentingan bekerja di sana sama dari Singapura masuk Semenanjung ataupun dari Semenanjung masuk ke sana dan sudah tentu orang-orang yang menjadi mangsa ialah mereka yang mempunyai urusan biasa.

Oleh yang demikian, kalau difikirkan perlu, mengapa kita tidak mengisytiharkan Pelabuhan Klang ini sebagai pelabuhan bebas cukai. Kita benarkan pengimport dan pengeksport ini terus datang dan mereka hanya membayar perkhidmatan menggunakan pelabuhan itu sahaja. Saya percaya kalau dibuat begini sudah tentu volumenya akan bertambah dan secara tidak langsung negara kita akan mendapat manfaat sama ada bagi pihak peniaga itu sendiri ataupun kerajaan secara tidak langsung. Ini perlu diberi perhatian kalau tidak kita adakan

kemudahan yang up-to-date, dengan izin, di Pelabuhan Klang tetapi pengimport dan pengeksport masih lagi menggunakan kemudahan pelabuhan di Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh pula berkenaan dengan Maksud B.29 – Perkhidmatan Am Perbendaharaan iaitu peruntukan tambahan yang disediakan untuk Perkhidmatan Am Perbendaharaan ini berjumlah RM206,420,560 iaitu untuk perbelanjaan sebanyak RM206 juta membiayai bayaran subsidi bahan-bahan petroleum bagi mengekalkan harga gas cecair LPG di paras 118 sen sekilogram bagi Semenanjung dan 126 sen satu kilogram bagi Sabah dan juga Sarawak dan sebanyak RM420,560 untuk membiayai kerugian akibat pertukaran mata wang asing.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang hendak saya sebutkan di sini, walaupun perbelanjaan kerajaan ini rasanya adalah satu tanggungan supaya pengguna-pengguna di negara kita mendapatkan bekalan harga yang murah dengan membiayai daripada keuntungan jualan gas itu sendiri ke luar negara tetapi kita perlu lihat apa yang disebut oleh rakan-rakan saya tadi, gas melalui Petronas ini adalah suatu sumber semula jadi yang sekarang ini merupakan sebahagian besar daripada pendapatan negara kita dan sudah tentu galian ini menjadi suatu harta/aset kepada negara kita yang mana kita telah membelanjakan begitu banyak dengan usaha sama dengan syarikat-syarikat besar daripada negara-negara maju termasuklah syarikat-syarikat minyak yang ada sekarang ini dan hasil daripada itu kerajaan mendapat perolehan yang begitu banyak.

Apa yang hendak saya sebutkan di sini walaupun Petronas syarikat swasta ini kita telah swastakan dengan melibatkan wang negara yang agak banyak iaitu melibatkan kepakaran dan sebagainya dan ahli-ahli korporat yang kita beri tanggungjawab untuk menguruskan Petronas ini mendapat gaji, kedudukan, keistimewaan yang cukup lumayan dan kita berharap kerajaan akan mengeluarkan maklumat yang lebih lanjut berkenaan dengan kedudukan Petronas ini, pihak-pihak yang terlibat dengan pengurusan, jumlah-jumlah tender yang dikeluarkan dan keuntungan yang diperolehi. Sebab kita tidak mahu apabila orang ini diberi tanggungjawab bagi pihak kerajaan mengendali dan menguruskan Petronas ini, mereka menjadi kaya-raja memberi segala tender dan sebagainya kepada keluarga,

rakan-rakan mereka sahaja sedangkan nikmat yang boleh diperolehi oleh rakyat tidak sebanyak mana.

Kita tahu sekarang ini pula ada pihak-pihak tertentu, saya tidak dapat menyebutkannya dan saya harap kerajaan dapat release dengan izin, pihak-pihak yang terlibat ini menggunakan kedudukan mereka di dalam dan terlibat dengan parti pembangkang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di sini sudah tentu boleh nampak sendiri terutama sekali di stesen Petronas, hendak pergi ke KLIA. Stesen Petronas dekat dengan Mines Resort dan banyak tempat lagi. Logo Petronas yang satu masa dahulu yang bulat itu dibubuh warna hijau dan latar belakangnya putih, sekarang di tempat bulat warna hijau itu diubah jadi warna putih.

Pada mulanya saya memang rasa ragu-ragu sama ada betul atau tidak tetapi semalam apabila pergi ke rumah Dato' Ghazi dan apabila saya dalam perjalanan pergi ke KLIA dengan Yang Berhormat Puan Hajah Mastika semasa kami balik hari itu, nampak jelas perkara itu memang betul. Mengikut maklumat yang diberikan oleh salah seorang menteri, saya tidak mahu sebut nama itu sebab ini dalam Dewan yang mulia ini dan akan direkod dalam Hansard katanya, "Pihak pegawai atasan memberitahu kalau hendak ubah balik logo itu macam yang lama, hendak bubuh warna hijau di tengah-tengah melibatkan perbelanjaan hampir RM7 juta lebih". Yang pergi ubah mula-mula dahulu, belanja banyak mana? Bila kita hendak ubah balik, katanya belanja banyak itu.

Saya tidak faham, saya rasa kalau untuk kepentingan negara kalau tidak mahu dituduh sebagai bersubahat dengan pembangkang, apa salahnya kita gunakan jumlah perbelanjaan sebanyak itu untuk diubah balik dan kalau hendak diubah balik, saya cadangkan supaya kerajaan mensyaratkan Petronas bubuh warna biru di tempat warna hijau itu, warna hijau pun tidak bubuh, warna putih pun tidak bubuh, bubuh biru di situ dan latar belakangnya boleh kita guna warna putih semula ataupun kalau hendak bubuh warna putih, bubuh warna biru latar belakang. Saya rasa tidak berapa sesuai juga, ia akan nampak menjadi logo Parti KeADILan dan sebagainya.

Jadi, kita memanglah bukan fanatik takut pengaruh parti pembangkang ini tetapi perkara-perkara macam ini sensitif, sebab ini adalah milik negara. Ia mempunyai sumber pendapatan, kekayaan yang cukup banyak, oleh sebab itu kerajaan juga perlu memberi perhatian. Kita tidak mahu perkara-perkara yang seperti ini yang rakyat boleh lihat tentang kekukuhan dari segi ekonominya, maka sudah ada pengaruh-pengaruh yang mirip kepada pembangkang itu. Ini adalah satu perkara yang perlu diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan Maksud B.30 iaitu peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun yang memanglah tambahan peruntukan yang paling banyak sekali iaitu berjumlah RM9,409,450,403 untuk perbelanjaan berikut:

- *Sebanyak RM9,358,213,803 untuk dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan untuk membiayai projek-projek pembangunan daripada akaun hasil disatukan. Dengan tambahan ini jumlah yang dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun 1998 ialah RM9,944,913,802.49; dan*
- *Sebanyak RM51,236,600 untuk dicarumkan Kumpulan Wang Pendahuluan Diri pegawai-pegawai awam bagi menampung bayaran bil-bil tertunggak.*

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara di dalam peruntukan yang telah diluluskan. Kita percaya sudah tentu kerajaan menggunakan kumpulan wang-kumpulan wang yang sedia ada termasuklah KWSP, kutipan hasil-hasil yang mana semua dana itu disatukan dan wang inilah yang menjadi 'cash flow' yang mungkin disebut oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mastika tadi untuk disalurkan.

Kita memang bersetuju bahawa wang-wang yang ada ini kalau kita laburkan dan kita gunakan, kita boleh giatkan aktiviti ekonomi dan secara tidak langsung ianya akan dimanfaatkan balik oleh pihak kerajaan dan juga rakyat. Tetapi apa yang ingin saya ingatkan kerajaan perlu berhati-hati, perlu berbelanja dengan berhemat. Kita kena fikirkan, kita sekarang ini sedang mengalami keadaan kegawatan ekonomi, kita menghadapi masalah krisis kewangan dan krisis ekonomi. Oleh sebab itu rakyat akan melihat bagaimana cara kerajaan menguruskan kewangannya termasuklah dalam perkhidmatan awam ataupun pihak swasta.

Dalam masa kita menyeru rakyat supaya berjimat-cermat, supaya mengambil bahagian yang aktif dari segi hendak memulihkan ekonomi, kerajaan juga perlu menunjukkan contoh yang baik. Kalau sekiranya kita membelanjakan wang yang banyak untuk kepentingan rakyat, sedangkan rakyat boleh melihat pembangunan-pembangunan ini kadang-kadang lebih membazir, tidak memenuhi kehendak dan tidak sampai kepada sasaran. Dengan cara itu rakyat boleh menilai

bahawa tindakan yang diambil oleh kerajaan macam sekarang ini kita dapati banyak agensi, jabatan kerajaan dan sebagainya, apabila membuat sesuatu program, ia seolah-olah dilihat sebagai hendak membelanjakan peruntukan yang ada di situ juga. Tetapi dia tidak kaji balik, apa impak, apa kesan, apa faedah yang boleh diperolehi dengan membelanjakan peruntukan ini dan jenis-jenis perbelanjaan yang sebegini, memang sekarang ini banyak dan terus berlaku.

Oleh itu kerajaan perlu menubuhkan satu unit, satu badan khas bagi mendapat maklum balas berkenaan dengan perbelanjaan-perbelanjaan yang sebegini supaya kita boleh tahu siapa yang bertanggungjawab, apa yang dibuat, apa manfaat yang dapat, sebab kita tidak mahu dalam laporan kementerian, jabatan, agensi ini sudah membelanjakan sekian banyak, sudah habis setakat ini, tetapi hasilnya akhirnya ditunjukkan ada kerugian dan sebagainya. Ini tidak memberi contoh yang baik dalam keadaan kita menghadapi kegawatan ekonomi dan kita memang bersetuju supaya perbelanjaan yang diagihkan untuk pembangunan itu adalah suatu langkah untuk memulihkan ekonomi dan kita tahu sekarang ini negara kita sedang mengalami suasana pemulihan ekonomi. Tahun 1999 dijangka 1% lebih positif, kemudian tahun depan pula dijangka antara 2% hingga 3% dan ini mungkin hasil daripada langkah-langkah berani yang telah diambil oleh pihak kerajaan.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan program yang kerajaan buat bagi membantu rakyat miskin, rakyat yang berpendapatan rendah sama ada secara terus ataupun secara tidak langsung. Misalannya, macam saya sebut sudah beberapa kali golongan-golongan yang tidak dikawal dengan bayaran gaji melalui agensi ataupun jabatan iaitu yang bekerja sendiri, penjaja kecil, peruncit, penanam padi, penanam sayur, penoreh getah, kemudian nelayan dan sebagainya. Ini golongan-golongan yang kita tahu daripada dahulu lagi memberi sokongan padu kepada kerajaan bagi menjamin kemenangan dalam pilihan raya dan seterusnya boleh membentuk kerajaan. Oleh sebab itu kerajaan tidak harus mengambil mudah

kepada golongan ini, kerajaan perlu mengadakan suatu program yang komprehensif, program yang mengambil kira bagaimana golongan ini boleh dibantu supaya mereka boleh menikmati perbelanjaan yang dikeluarkan. Misalannya, saya pernah berkali-kali mengatakan kita perlu melihat ke arah pengurusan berbentuk swasta, dalam bidang pertanian padi, kita kena buat dalam bentuk swasta.

Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad pernah berkali-kali menganjurkan supaya ladang-ladang, sawah-sawah yang kecil ini dicantumkan dibuat dalam bentuk estet dan ada satu agensi yang boleh mengurus dan hak milik ekuiti pihak petani ini pula bukanlah hendak payah. Macam juga dalam FELDA dan FELCRA, jadi kita tahu berapa keluasan dimiliki oleh petani ini kalau lima ekar, maka hak miliknya, hasil nilaian yang dikira berdasarkan ekar. Esok kalau petani-petani bekerja di situ, dia akan dapat gaji tetapi apabila hasil itu dapat nanti dia akan mendapat balik pulangan seperti mana yang dimiliki mengikut keluasan itu. Kalau dia buat seperti ini tentulah kita boleh serah kepada agensi-agensi tertentu.

Sekarang ini kita tahu padi Beras Nasional ataupun BERNAS sudah ada dan LPP sudah ada tetapi kita nampak seolah-olah agensi yang ada ini oleh kerana pegawai yang terlibat untuk hendak menguruskan seolah-olah tidak kesampaian. Petani terpaksa terus mengusahakan sawah secara tradisional juga, lepas itu dapatlah bantuan subsidi secara tidak langsung itu tetapi hasilnya tidak ke mana. Orang kata 'boleh hidup begitu sahaja'.

Jadi, kita berharap kerajaan akan mempercepatkan proses menswastakan pengurusan sawah padi termasuklah ladang dan sebagainya dan sudah tentu apabila

ada satu badan yang menguruskan ini barulah kita boleh mengadakan skim insurans dan sebagainya untuk melindungi petani-petani ataupun pihak-pihak yang terlibat di dalam bidang-bidang yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan rumah kos rendah. Kita tahu bagi masyarakat kita sama ada orang Melayu, Cina atau sebagainya keperluan asas tanah, air, api, angin ini cuma dalam bentuk yang berbeza sahaja sekarang, tetapi ini adalah perkara asas yang cukup perlu.

Oleh sebab itu tidak akan timbul masalah rakyat tidak memiliki tanah, tidak akan timbul masalah rakyat tidak memiliki rumah dan tidak akan timbul rakyat yang anak mereka tidak boleh pergi ke sekolah, sekiranya kerajaan mengadakan suatu program yang rapi bagi menentukan rakyat yang tidak mempunyai tanah kita berikan tanah. Tanah negara kita ini kalau kita agihkan kepada semua rakyat yang berhak, rakyat yang dianggap sebagai rakyat Malaysia yang duduk di negeri-negeri yang ada dalam Malaysia ini maka mereka juga berhak mendapat tanah termasuk Orang-orang Asli. Sila.

Tuan Long bin Jidin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar, Orang Asli di Malaysia ini ada 105,000. Tanah mereka yang ada 166.66 hektar sahaja. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah saya kata tadi kita bukan kira tanah yang didaftarkan untuk Orang Asli dengan bilangan Orang Asli. Bila saya cakap berkenaan dengan tanah kita fikirkan tanah yang ada di seluruh negara kita. Kita banci berapa luas tanah yang ada dan pemilik-pemilik tanah. Sekarang ini semua jabatan termasuk Pejabat Tanah sudah ada komputer, kita sudah ada alat yang cukup canggih jadi kita boleh tahu dengan masa yang cukup cepat keluasan tanah yang ada, keluasan tanah yang belum kita buat geran, pemilik-pemilik tanah itu sendiri.

Jadi, kalau kita tengok ada tanah-tanah yang masih luas yang dimiliki oleh pengusaha-pengusaha ladang kelapa sawit, pembalok-pembalok ataupun dimiliki

oleh agensi-agens kerajaan, kerajaan boleh istiharkan, gazetkan tanah ini untuk diagihkan kepada rakyat yang masih tidak bertanah dan kadang-kadang kalau tanah-tanah ini dimiliki tetapi pemilik itu sudah mempunyai tanah yang banyak tempat kita boleh acquire ambil tanah itu, kita bayar balik harga mengikut pasaran semasa dan tanah itu masih lagi boleh dibahagi kepada rakyat termasuk Orang Asli. Kita tidak hirau Orang Asli duduk di hutan, tanah itu Orang Asli juga berhak, Orang Asli juga kita akan bawa masuk sebab ini adalah dalam proses penyusunan semula masyarakat.

Oleh sebab itu dalam proses penyusunan semula masyarakat, tidak semestinya susun semula masyarakat Orang Asli sama-sama Orang Asli. Dia mesti berlaku dalam konteks integrasi kaum termasuk Orang Asli, orang India, orang Cina, Kadazan dan sebagainya semua ada, cuma yang kita tidak mahu, jangan buat seperti di Singapura sudahlah. Pergi letak ikut tingkat, bubuh Melayu selang, itu lagi kacau. Kalau ada blok, bubuh blok itu blok Orang Asli, kalau dia bersetuju boleh, sebab kita tahu kita ada budaya yang berbeza, agama yang berbeza. Kalau kita buat benda-benda yang sensitif esok, timbul masalah kepada penduduk. Ini harus diberi perhatian sebab itulah saya katakan tadi kalau kerajaan mempunyai satu program, program yang khusus, saya tidak nampak mengapa kita tidak boleh agihkan tanah ini kepada orang yang tidak bertanah dan kita sediakan rumah kepada rakyat yang perlukan rumah.

Yang menjadi masalah sekarang ini kita biar pendatang haram tanpa izin datang ke bandar-bandar dan biarkan orang yang pandai mengambil kesempatan ini buat rumah bagi mereka ini duduk atas nama pendatang tanpa izin tetapi dieksploitasikan oleh orang-orang tertentu yang akhirnya bila rumah ini dirobohkan dan sebagainya, mereka pergi tunjuk perasaan kata kerajaan zalim dan sebagainya. Golongan ini mesti dikenal pasti dan saya percaya kerajaan tidak susah untuk hendak kenal pasti orang-orang yang ambil kesempatan ini.

Berkaitan dengan rumah, saya pernah juga sebut berkali-kali. Kalau ada syarikat pemaju, kita tahu syarikat pemaju ini matlamat mereka ialah untuk mencari keuntungan yang sebanyak mungkin. Oleh itu dalam bidang menyediakan rumah terutama sekali rumah kos rendah dan sederhana ini, kerajaan kena buat

syarat supaya pemaju-pemaju itu tidak boleh bebas menjualkan rumah ini sewenang-wenang. Sebab kita tahu ramai orang yang mampu membeli rumah empat, lima buah habuannya, lepas itu dia bagi sewa, ataupun dia jual balik tetapi perkara itu sampai sekarang ini walaupun ada kita isytihar kerajaan masih berdiam, tidak mahu bertindak.

Jadi, kalau kita biarkan keadaan yang sebegini sudah tentu orang-orang yang tidak dapat rumah itu sampai bila-bila, kadang-kadang saya sendiri pernah telefon kepada pemaju untuk hendak dapat maklumat, saya tidak kenalkan nama saya, dia kata 'Oh! tidak ada, rumah sudah habis, yang ada kaunter pun ada, bila isytihar sekali sekali ada projek rumah macam yang baru-baru ini dekat Kuala Lumpur, ada rumah kondo, apartment, ada rumah semi-detached, ada rumah teres yang murah sikit itu, kalau kita cuba telefon, kadang-kadang yang jawab tu orang lain, pemaju itu orang lain.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat fahamlah. Oleh sebab itu perkara-perkara yang semacam ini kadang-kadang dia menggambarkan seolah-olah ada pihak yang monopoli, ada pihak yang cuba mengeksploitasi. Oleh itu pihak kerajaan perlu ada suatu mekanisme untuk hendak mendapat maklumat berkenaan dengan keperluan perumahan. Saya sudah menyebut beberapa kali dahulu kerajaan perlu mewujudkan satu biro, biro perumahan di peringkat kementerian yang akan menguruskan terus dan biro ini ataupun agensi ini akan mengadakan satu dana khas yang mana dia boleh membeli terus rumah-rumah daripada pemaju ini dan daripada perbadanan hendak urus sendiri buat rumah bagi kepada kontraktor yang esok dapat untung yang banyak masalah, lebih baik sediakan wang, beli rumah daripada pemaju ini, rumah yang sesuai selepas itu mereka ini akan agihkan rumah kepada orang-orang yang tidak berumah.

Saya rasa kalau kita buat begitu tentu kerajaan lebih senang boleh kawal daripada membiarkan pemaju-pemaju sendiri yang berusaha untuk menjual rumah-rumah ini, mencari orang-orang yang perlu kepada rumah. Saya telah menyebutkan pendaftaran untuk keperluan kepada rumah ini, agensi yang saya katakan tadi melalui kerajaan negeri atau Kementerian Perumahan, boleh

menguruskan, buat pendaftaran secara terbuka dan kita tahu kehendak dia rumah macam mana, harga antara berapa, kemampuan dia bayar berapa. Jadi, kalau maklumat ini sudah ada, sudah tentu perancangan yang kita buat, kita boleh sediakan mengikut keperluan semasa yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, bersangkutan dengan masalah rakyat miskin ini, saya yakin penuh sekarang ini rakyat masih yakin, masih percaya kepada kerajaan Barisan Nasional cuma saya minta maaf hendak sebut, saya perhati daripada awal sampai hari ini dua orang wakil pembangkang ini dia hanya hadir waktu pagi, dia dengar soalan boleh buat soalan tambahan, lepas itu dia tinggal seorang, kemudian dia tinggal. Ini adalah satu sikap yang cukup tidak elok, kalau cakap pasal agama, bagi hadis semua, dengar cukup bagus. Ini yang kita tidak mahu. Jenis pemimpin macam ini esok boleh merosakkan kita. Kalau hendak tunjuk kata agama itu bagus, kita mesti tunjuk contoh yang bagus. Macam saya hari itu, balik petang, hari itu juga datang, sempat juga masuk Dewan. Jadi ini perlu diberi perhatian dan saya percaya Yang Berhormat, Ahli-ahli Dewan Negara yang lain pun sudah tentu setuju, sebab kita kerajaan yang bertanggungjawab.

Kita tahu mengatakan orang buat tak elok, seboleh-bolehnya kita cuba buat seberapa boleh yang orang tidak boleh pertikaikan. Tetapi wakil kedua-dua orang ini cakap pasal agama, parti dia bagus, kata kerajaan tidak buat itu, ini, tetapi sampai belah petang, tidak ada lagi. Selalu macam itu. Pegawai-pegawai yang ada di belakang ini boleh tengok, betul atau tidak betul. Kalau ada di luar, saya minta mereka masuk saya hendak teruskan. Kita berharap wakil-wakil yang mewakili Kerajaan Negeri Kelantan ini akan tunggu dan dengar apa kita hendak cakap.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya bersangkutan dengan masalah pendidikan. Kita tahu kerajaan menyediakan tabung pendidikan tinggi yang kita keluarkan secara biasiswa dan juga secara pinjaman dan ada peruntukan bantuan yang kita keluarkan sebagai pendahuluan dan diminta supaya pemohon-pemohon ini tandatangan, besok bila dapat pinjaman akan membayar balik iaitu diuruskan oleh

MARA. Saya percaya penuh apa yang dibuat oleh kerajaan ini adalah suatu langkah yang cukup baik untuk membantu pelajar-pelajar yang layak melanjutkan pelajaran ini supaya boleh terus belajar dan kita memang sedar dalam tabung-tabung ini bukan diberi dalam bentuk pinjaman semuanya. Mana-mana pelajar yang lulus dengan baik memang boleh dibagi sebagai biasiswa terus dan mana-mana pelajar yang kelulusan tidak mencapai tahap yang sepatutnya memang terpaksa menerima pembiayaan ini sebagai pinjaman dan besok apabila mereka bekerja mereka terpaksa membayar balik. Ini adalah satu cara yang cukup baik dan patut diteruskan. Cuma yang saya ingin mengingatkan kerajaan supaya proses memberi pinjaman ini dapat dipercepatkan, jangan menimbulkan masalah yang begitu berat.

Sekarang ini kita sudah boleh membuat ramalan bilangan pelajar yang lulus bagi sesuatu negeri di sesebuah sekolah berapa ramai. Apabila sampai masanya bilangan ini akan memohon untuk memasuki institut pengajian tinggi sama ada IPTA ataupun IPTS dan sudah tentu proses untuk pinjaman dan sebagainya boleh disalurkan melalui sekolah ataupun jabatan masing-masing. Kita tidak mahu masih terdapat pelajar-pelajar dari luar bandar yang apabila mendapat tawaran terpaksa menolak kerana tidak mempunyai sumber kewangan untuk sekurang-kurangnya hendak pergi mendaftar yang memerlukan persiapan pakaian dan sebagainya. Mereka dikenakan bayaran sebanyak RM1,000 ataupun RM2,000 lebih mengikut program yang diambil.

Oleh sebab itu kerajaan hendaklah prihatin, mencari jalan bagaimana cara hendak mengeluarkan pinjaman dan bantuan ini secepat mungkin dan dalam masa yang sama kita berharap kerajaan juga meneruskan membuat program, seminar perjumpaan dengan pelajar-pelajar seperti yang telah diatitkan.

Saya penuh yakin kalau kita memberi perhatian kepada pelajar-pelajar ini bukan sahaja kepada pelajar yang baru hendak masuk ke pusat pengajian tinggi, malah pelajar-pelajar yang telah ada di pusat pengajian tinggi juga perlu diatitkan perjumpaan dari semasa ke semasa. Kita ada ramai pemimpin, kita ada menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen, golongan-golongan akademik dan

sebagainya yang duduk dalam swasta pun kita boleh meminta pertolongan mereka, pergi berjumpa dan mendengar apa maklumat, apa masalah mereka. Kalau kita berjumpa dan kita tahu, saya penuh yakin pelajar-pelajar ini kalau mendapat maklumat yang betul barulah mereka boleh berfikir.

Sekarang ini kita biarkan pihak lain berjumpa dengan mereka, pihak lain mengumpulkan mereka, memberi maklumat-maklumat yang tidak betul selepas itu kita hendak labelkan, mengatakan pelajar-pelajar ini menyokong pihak pembangkang. Saya rasa ini adalah satu pendekatan yang tidak betul, ubah pendekatan dan berjumpa dengan mereka, berjumpa sekali tidak berjaya, panggil ikut kumpulan, kumpulan yang mana hardcore yang kita nampak bermasalah, kita buat perjumpaan dahulu dalam kumpulan yang kecil tidak perlu kumpulan besar. Selepas itu kita buat pula dalam peringkat yang kurang sedikit, kalau perlu bukan sekali, dua kali, berterusan kita buat. Insya-Allah kalau ini boleh dibuat ...

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, kalau program ini boleh dibuat dan boleh diteruskan, saya yakin pelajar-pelajar ini akan dapat membuat suatu pendirian yang positif. Saya tidak percaya bahawa pelajar yang mendapat manfaat yang begitu banyak daripada pihak kerajaan, menyediakan tempat belajar, memberi bantuan, akan menentang kita balik. Mungkin yang menentang kerana ada orang lain memberi maklumat-maklumat yang negatif dan kita tidak pernah memanggil mereka.

Begitu juga pegawai-pegawai kerajaan termasuk guru-guru, mungkin ada masalah-masalah kecil peribadi yang kadang-kadang tidak disalahkan juga. Menteri Besar Perlis pernah berkata, masalah kita sekarang ialah masalah hendak menguruskan kejayaan. Apabila kita hendak menguruskan kejayaan, kita sudah sampai ke satu tahap kita sudah maju, banyak sangat benda yang kita boleh beri, keadaan kita sudah selesa, kita tidak nampak lagi orang yang ada masalah. Jadi

masalah kita sekarang ialah masalah hendak merebut peluang dan kesempatan, kalau ada sedikit hendak tambah lagi, inilah masalahnya.

Oleh sebab itu, proses agihan dan menguruskan kejayaan ini juga perlu dilihat secara adil, tidaklah kita nampak seolah-olah di sebuah rumah seseorang mempunyai berpuluh-puluh buah kereta Mercedes, rumahnya pula cukup besar, berbeza sekali dengan di rumah golongan yang ini. Kalau ini boleh dilihat, sudah tentu mereka percaya bahawa apa yang berlaku sekarang ini seolah-olah orang yang hampir dengan orang yang berkuasa, orang sudah ada wang yang mungkin mendapat melalui orang berkuasa di atas, yang juga turut terus-menerus mendapat nikmat.

Oleh sebab itu, kerajaan tidak boleh mengambil ringan dalam hal ini, kerajaan hendaklah menunjukkan kepada rakyat bahawa agihan kekayaan negara kita dapat diberikan secara adil, mana yang perlu, mana yang patut kerajaan sediakan dana dan bantuan dan kita beri dengan sepatut dan sewajarnya. Oleh sebab itu kerajaan hendaklah berhati-hati supaya pemimpin-pemimpin kerajaan termasuk menteri-menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen, termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada ini, kita hendaklah pandai-pandai berlagak. Kalau orang nampak kita berlebihan, kita berlagak lebih, orang tahu sebab ia jadi begitu, lama kelamaan akan timbul benda yang negatif, dianggap kerana kesempatan berpolitik, jadi ini dan dapat begini. Ini bermakna perhatian yang diberi untuk mendapat lebih dan untuk kekayaan diri, untuk mencari peluang sedangkan pihak-pihak lain yang memerlukan, kita kurang memberi perhatian. Oleh sebab itu, kita hendaklah memberi perhatian kepada masalah ini, kita janganlah berlagak seperti orang yang tidak kenang tentang apa yang mereka dapat supaya orang lain juga boleh menikmati kemudahan seperti yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan pentadbiran dan wang. Saya sebenarnya telah pun menyebut dahulu supaya kerajaan mengkaji semula kedudukan gaji kakitangan awam, insentif dan imbuhan yang diberi sekarang. Kalau dahulu kita kata negara menghadapi masalah

kegawatan ekonomi dan kini keadaannya dalam proses pemulihan, kita ada duit untuk mengeluarkan perbelanjaan tambahan untuk menggiatkan lagi aktiviti ekonomi, saya rasa tidak salah kalau kerajaan ambil pendekatan mengkaji semula terutama sekali golongan yang berpendapatan katakanlah di antara RM500 hingga RM2,000, RM3,000 untuk dipertimbangkan bagaimana cara untuk menambahkan elaun ataupun insentif kepada mereka supaya dengan sendirinya seperti yang kita tahu dalam ekonomi kalau kita beri banyak duit kepada orang, orang akan berbelanja lebih dan apabila dia berbelanja lebih, duit itu akan berkisar di antara kita golongan yang menjual goreng pisang akan mendapat lebih, orang yang terlibat dengan teksi akan mendapat lebih, semua golongan yang terlibat akan mendapat manfaat.

Oleh sebab itu, kerajaan hendaklah menganggap ini sebagai satu langkah ke arah hendak memulihkan ekonomi dengan memberi wang lebih kepada pegawai-pegawai kerajaan yang berpendapatan sederhana sebegini. Saya penuh yakin di samping kita menambah pendapatan mereka, mereka juga lebih yakin kepada kerajaan yang ada sekarang, di samping mereka dapat mengurangkan bebanan kos hidup yang semakin meningkat ini. Ini sudah tentu boleh dibuat dengan cara membenarkan semula tuntutan elaun-elaun yang pada suatu masa dahulu dibekukan dengan menambahkan sedikit lagi.

Sekarang ini, Menteri Pendidikan telah mengumumkan beberapa ribu orang guru-guru akan mendapat kenaikan gaji tambahan dan sebagainya dan kita hendaklah memberi sektor-sektor lain juga dapat. Kita merasa sedih mereka yang bekerja dalam agensi seperti Bank Simpanan Nasional dan dalam agensi lain yang dahulu tidak terlibat dalam SSB sehingga sekarang masih lagi belum selesai. Ini perlu diberi perhatian supaya mereka ini tidak menganggap kerajaan yang menjadi penghalang untuk pelaksanaan supaya gaji-gaji mereka mendapat pertimbangan dan mendapat manfaat seperti mana pihak lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut kembali berkenaan dengan apa yang saya telah sebutkan dahulu iaitu peruntukan yang kita beri kepada Dewan

Negara, *The New Straits Times*, dengan izin, sebenar telah membuat silap sedikit, saya kata peruntukan pembangunan yang diberi melalui Ahli Dewan Negara daripada RM100,000 untuk satu penggal itu ditingkatkan kepada RM300,000 bukan elaun Ahli Dewan Negara. Dalam surat khabar disebutkan elaun Ahli Dewan Negara, kalau rakyat membaca tentu mengatakan kita hendak tuntutan elaun, bukan elaun, sebenarnya peruntukan yang kita agihkan untuk membantu memberi pembangunan, beri kepada projek-projek yang boleh membantu badan-badan NGO, agensi dan sebagainya dan beri projek-projek kecil, kepada persatuan pelajar untuk membuat kursus motivasi dan lain-lain seperti ini. Itu yang kita minta RM100,000 naik kepada RM300,000 untuk satu penggal. Satu penggal senator ialah tiga tahun, maknanya kalau RM100,000 setahun RM100,000, dua tahun RM200,000, tiga tahun RM300,000 sedangkan Ahli Dewan Rakyat sekarang mendapat RM500,000 untuk satu tahun dan duit tersebut bukan kita belanjakan untuk peribadi, kita hanya membantu kerajaan untuk menyalurkan kepada aktiviti rakyat. Oleh sebab itu kerajaan juga perlu memberi perhatian.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bercakap pasal peruntukan dan saya juga terlibat dengan soal peruntukan yang diberi kepada Senator sejumlah RM100,000 untuk tiga tahun. Saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat di kawasan Yang Berhormat setakat ini yang kita dapat, apakah dapat kita belanja dan apakah kesan-kesan kepada masyarakat khususnya di kawasan pedalaman dengan duit yang sedikit yang dapat kepada Senator RM100,000 sepenggal sedangkan yang RM500,000 kepada Ahli Dewan Rakyat.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Hashim, saya bagi tahu pengalaman melalui peruntukan saya sendiri memang bolehlah, dan saya percaya Ahli-ahli Dewan Negara yang lain pun hampir sama, jadi bila peruntukan itu sikit, kalau kita kata satu penggal RM100,000 yang dilulus makna kata setahun lebih kurang RM30,000. Kalau RM30,000 dalam zaman sekarang ini, kita hendak agih-agih macam beli barang runcitlah. Jadi cara yang saya buat saya beli buku, saya beli benda-benda yang boleh kita agihkan dan

kita buat kursus motivasi kepada pelajar-pelajar, penuntut-penuntut universiti yang hendak jadi bapa angkat dan sebagainya. Setakat ini Alhamdulillah saya ingat respons orang cukup bagus, dia kata Dewan Negara pun boleh bagi peruntukan, mana-mana persatuan di sekolah-sekolah yang perlu kepada bantuan yang jenis lain tidak ada wang dan sebagainya, kita bagi. Begitu juga badan-badan, badan kebajikan taman perumahan, di surau dan sebagainya, saya beli buku-buku agama saya bagi kepada perpustakaan desa, saya bagi kepada perpustakaan sekolah-sekolah dan mana-mana yang saya nampak benda boleh ini kita bagi.

Saya rasa kerajaan boleh melonggarkan sedikit cara-cara pengagihan ini, kita tidak mahu jadi macam Menteri Kerja Raya bila kerajaan semak balik ada kementerian dan agensi tak belanja, tiba-tiba ada menteri kata duit tak ada nak belanja apa, pihak Perbendaharaan tidak keluar lagi apa hendak belanja. Kita tidak mahu benda macam ini berlaku, sebab kalau benda-benda ini dikenal pasti daripada awal-awal lagi diberi tahu dalam mesyuarat Post Kabinet dan sebagainya sama-sama ketua-ketua pengarah dan sebagainya tentu maklumat ini boleh dibagi. Apa masalahnya yang berlaku begitu? Jadi di segi perbelanjaan ini saya yakin penuh kalau sekiranya dibagi perbelanjaan peruntukan tambahan untuk Ahli Dewan Negara insya-Allah kita boleh salurkan, kita boleh agihkan peruntukan ini kepada aktiviti-aktiviti yang manfaat yang lebih banyak tertumpu kepada NGO, persatuan badan-badan yang terlibat dengan kawasan.

Kita perlu ingat ahli Dewan Negara bagi tiap-tiap negeri yang memerintah dia boleh lantik dua orang. Kalau yang federal itu bawah federal dia asing, maknanya kalau negeri yang luas pun dua orang Ahli Dewan Negara itu dia kena cover semua. Macam saya dengan Yang Berhormat Cikgu Haji Malik baru ganti Yang Berhormat Hanipah saya terpaksa cover di sebelah katakan di sebelah Parlimen Kangar, Parlimen Arau, Parlimen Padang Besar. Cikgu Haji Malik dia cover Parlimen Kangar sahaja. Dan begitu juga kalau wakil rakyat lain, dia hanya menjaga kawasan dia sahaja Dewan Undangan Negeri yang lebih kecil dan Ahli Parlimen memang dia jaga tetapi projek-projek Ahli Parlimen ini, buat surau, buat dewan, buat jambatan, buat jalan yang besar-besar, yang kita punya kena buat kecil-kecil macam itulah, jadi kalau ditambah mungkin lepas ini kita boleh berbincang

ke, rancang ke projek-projek ekonomi untuk hendak beri bantuan permulaan grant untuk hendak buat tempat bela ayam katalah, untuk nak tanam sayur buat pagar, untuk hendak beli permulaan bagi benih kambing dan lembu sebagainya. Ini akan membantu penduduk-penduduk luar bandar.

Saya percaya penuh bantuan secara direct macam ini kerajaan boleh melihat kesannya dan kurang kerenah hendak berlaku penyelewengan. Bagi saya, saya dapati kebanyakan peruntukan-peruntukan yang dibagi terus macam ini kerajaan boleh mengesan dan kita boleh mengambil pengesanan daripada pihak-pihak yang menerima itu, dia boleh lihat. Jadi kita berharap kerajaan akan memberi perhatian yang serius, janganlah kerana pilihan raya dan sebagainya, kita lihatlah secara positif bahawa peruntukan yang ditambah ini akan dibelanjakan untuk manfaat rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut berkenaan dengan sesi mesyuarat yang saya pernah sebut dulu, sesi mesyuarat Dewan Rakyat dan Dewan Negara kita harap kerajaan, saya mengulang sekali lagi, kerajaan perlu juga memberi perhatian sebab di dalam akhbar yang dimasuk dahulu cuma dia khabar, dia bagi tahu kehadiran saja kurang memuaskan, dia tidak bagi alasan yang rasional yang saya bercakap dulu supaya memberi peluang kepada menteri, timbalan menteri, pegawai kerajaan ini untuk menjalankan tugas di pejabat di sebelah pagi, itu yang penting bukan masalah kehadiran kurang, kehadiran kurang itu sebab mereka terpaksa hadir bertugas di tempat-tempat yang saya kata tadilah. Jikalau dibuat sebelah petang katalah nak bagi senang mula 2.30 petang kita boleh habis lewatkan 8.30 malam, masa hendak lanjut kalau tak habis kita boleh bangkit cadang supaya dilanjutkan lagi. Masalah hendak makan, hendak sembahyang tidak timbul, di sini ada surau dan sebagainya. Oleh sebab itu permintaan kita supaya ubah ke petang bukan bertujuan hendak memendekkan tempoh persidangan, tidak, sama juga, cuma hendak bahagikan supaya kerja-kerja ini boleh dibuat waktu pagi, termasuk pegawai dan sebagainya dan wakil-wakil rakyat dan menteri-menteri dan sebelah petang kita tumpu kepada persidangan.

Dengan cara ini saya yakin kalau ada kelemahan lagi berlaku dari segi kehadiran dan sebagainya kita boleh mengesan dan kalau boleh sehingga kita ubah

sesi ini sekarang pun pihak Parlimen perlu memberi laporan kepada Perdana Menteri dari segi kehadiran, bukan kehadiran Ahli Dewan Rakyat, Ahli Dewan Negara sahaja, kehadiran pihak kerajaan pun kena ambil kira samalah. Kadang-kadang ada timbalan menteri, setiausaha parlimen pun tidak ada langsung, kita dok bercakap sahaja, pegawai itu adalah dekat belakang tu. Ini pun perlu diberi perhatian, sebab kita tahu ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat dan termasuk pegawai yang hadir mereka juga menjalankan tugas dan kita dibayar gaji dan ada setengahnya kerana kehadiran dalam persidangan ini kita dapat elaun, elaun asing pula. Oleh sebab itu kita perlu memanfaatkan perbelanjaan yang kita keluarkan, lebih-lebih lagi kita menghadapi keadaan kegawatan ekonomi.

Jadi sekali lagi saya berharap pihak kerajaan akan memberi perhatian supaya ubah sesi persidangan daripada pagi sekarang ini kepada petang, masa itu kita sesuaikan mengikut kesesuaian yang kita boleh hadir. Dan kehadiran pegawai-pegawai yang terlibat termasuk wakil rakyat perlu diberi perhatian dan perlu diberi laporan, tidak sahaja dia ambil kehadiran waktu pagi lepas itu dia ambil kira sebagai hadir. Dia kena kira kalau enam jam kena hadir persidangan sekurang-kurangnya hadir separuh baru boleh diambil kira sebagai hadir, tidak sahaja datang waktu pagi sejam, lepas itu hilang maka dia kira hadir. Ini suatu perbuatan yang khianat yang tidak amanah.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berkenaan dengan Maksud B.32 Jabatan Hasil Dalam Negeri, saya tidak berhajat, tidak ada perkara penting di situ. Maksud B.51 Kementerian Luar Negeri. Tuan Yang di-Pertua Kementerian Luar Negeri ini sebenarnya satu kementerian yang cukup penting dan saya mengambil peluang dalam perbahasan ini untuk pertama sekali mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Ahli Parlimen yang naik pangkat, ada rombongan kecil yang telah secara rasmi kita tahu tadi dalam berita iaitu Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir daripada Timbalan Menteri Dalam Negeri naik pangkat jadi Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menggantikan tempat Dato' Seri Sabbaruddin Chik, ini adalah satu perlantikan naik pangkat bagi Dato' Kadir dan saya percaya Dato' Kadir memanglah orang sesuai menjalankan tugas itu. Kemudian Dato' Azmi bin Khalid ini Ahli Parlimen dari Perlis dia juga dianggap

sebagai naik pangkatlah walupun status itu sama Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dia bertukar menjadi Timbalan Menteri Dalam Negeri mengambil alih tempat Dato' Kadir dan kita juga berharap Dato' Azmi akan dapat memberi khidmat yang berkesan sama-sama dengan Dato' Ong Ka Ting dan memang saya cukup appreciate dengan izin, perkhidmatan Dato' Ong Ka Ting bila dia jawab kita confidence makna kata dia tahu apa yang dia bercakap dengan apa yang dia buat itu. Dan kita berharap Dato' Azmi akan menjadi Timbalan Menteri yang berkesan di situ juga dan Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal naik pangkat daripada Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan menjadi Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Shafie Apdal daripada Sabah.

Memang ada dua orang lagi yang akan mengangkat sumpah iaitu Menteri Besar Pahang yang akan dilantik sebagai Senator dan selepas itu akan mengambil alih Menteri Penerangan dan juga Setiausaha Agung UMNO rasanya ini memang tepat sekali dan seorang Ketua Parti komponen Barisan Nasional di Sabah iaitu Presiden Akar yang akan juga mengangkat sumpah sebagai Senator mengambil alih tempat Senator daripada Sabah dahulu Datuk Chong Kah Kiat dan ini sudah tentu perubahan yang dibuat oleh Dato Seri Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri bukanlah suatu perubahan yang perlu dilihat secara negatif, kita tidak memikirkan individu tetapi kita memikirkan kerajaan. Saya yakin penuh apa yang dibuat oleh Perdana Menteri adalah untuk mengukuhkan lagi sistem pentadbiran kerajaan kita dan dengan perubahan itu maka kita perlu sambut dengan baik dan menjadi harapan kita untuk mendapat perkhidmatan yang baik supaya kerajaan kita menjadi kerajaan yang membela rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, bersangkutan dengan Kementerian Luar Negeri ini, saya ingin menyentuh berkenaan dengan peranan dan penempatan pegawai-pegawai yang menjadi duta di kedutaan-kedutaan di luar negara. Kita tahu sekarang ini bahagian Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan begitu juga Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan mereka juga ada jabatan di luar negara ini. Kita harap kalau boleh biarlah ketiga-tiga kementerian ini boleh bersepadu bertindak, bergerak dan menjalankan tugas secara bersepadu dan dengan cara ini akan menjadi lebih berkesan dan mungkin boleh menjimatkan

kos. Kita tidak mahu Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menggunakan peruntukan yang berasingan semata-mata untuk mewujudkan unit dia di luar negara sedangkan kita ada Kementerian Luar Negeri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri pun ada.

Kalau ini boleh difikirkan saya yakin penuh tidak ada maklumat yang negatif yang diberi oleh pihak lain kepada negara-negara ini tidak boleh ditangkis. Sekarang ini kita tidak tahu sejauh mana peranan yang dimainkan oleh pegawai-pegawai di Kementerian Luar Negeri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan termasuklah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan ini untuk memberi gambaran dan penjelasan yang sebenar terhadap perkembangan di negara kita.

Saya mencadangkan supaya kerajaan menempatkan pegawai-pegawai yang memang kita nampak mempunyai potensi, yang mempunyai pengetahuan luas bukan sahaja dari segi sebagai duta untuk pergi di situ tetapi juga orang yang berpengalaman dan ini boleh dimasukkan Ahli-ahli Parlimen Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang kita nampak ada kemampuan dan kebolehan yang orang kata dari segenap lapisan bukanlah hendak masuk kesemuanya, kita campurkan daripada pegawai di peringkat profesional, ada pegawai daripada politik, ada daripada korporat dan sebagainya kita letakkan dan kita tidak hadkan tempoh dua tiga tahun, bukan kontrak, kalau perlu dia tidak berkesan dalam setahun pun kita tukarkan dia balik, hantar orang lain pula.

Kalau buat cara begini, jangan kita hantar sebagai pergi bercuti, pergi luar negeri bawa keluarga bercuti, tengok tempat mana ada barang-barang, beli bawa balik, selepas itu sampai cukup masa tidak ada apa kesan, duit habis, tuntutan barang-barang. Ada kita hantar orang kita pergi pun kadang-kadang dia tidak boleh tolong apa-apa pun, ini tidak berkesan. Kita hendaklah perhati dari masa ke semasa, jangan tunggu sampai habis tempoh kontrak baru hendak suruh balik, kalau tidak berkesan suruh dia balik bekerja di sini, cari pegawai-pegawai lain yang berkesan yang kita akan hantar pergi pula. Kita juga kena cari jalan supaya kita boleh dapat maklum balas perkhidmatan pegawai-pegawai di tempat ini sejauh mana

berkesesuaian sejauh mana tidak berkesannya dan berapa banyak perbelanjaan yang kita keluarkan, kita perlu mengambil perhatian.

Saya ucap tahniah kepada Kerajaan Negeri Sabah yang telah menetapkan syarat mana-mana Menteri yang pergi melawat hanya dua orang pegawai yang dia boleh bawa. Kadang-kadang kita tengok bila pergi dia bawa rombongan cukup ramai, esok bila kita tengok perbelanjaan itu cukup banyak tetapi hasil yang dapat tiada, duit yang dibelanja itu banyak. Ini adalah satu cara yang tidak sesuai dengan keadaan sekarang. Jadi, kita ucapkan tahniah kepada kerajaan Sabah yang sekarang ini sudah ubah syarat yang tidak membenarkan banyak pegawai menyertai rombongan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut berkenaan dengan Majlis Peguam sekarang ini. Walau pun saya tahu perkara ini memang sesuai saya bercakap dalam penyemakan Rang Undang-undang tadi, tetapi saya ingin menimbulkan sekarang ini, sebab saya rasa inilah satu perkara yang memang perlu. Kita dapati sekarang ini banyak pihak menyalahgunakan agensi, badan-badan NGO dan persatuan-persatuan yang mereka boleh guna untuk kebaikan profesion itu sendiri dan boleh dimanfaatkan oleh kerajaan dan rakyat tetapi malangnya banyak peguam yang terlibat sekarang ini dia berselindung di bawah Majlis Peguam. Dia berselindung sebagai peguambela dan dia mencari isu-isu untuk menggugat kewibaaan kerajaan.

Kita tahu negara kita ini mempunyai Perlembagaan dan kita mempunyai perundangan mahkamah. Jadi, kalau sistem ini hendak dipertikaikan, perlulah dipertikaikan dengan cara yang tidak melanggar undang-undang. Apa yang kita tidak mahu Majlis Peguam yang dianggotai oleh ramai peguambela yang menganggap profesion mereka sebagai profesion komersial, mencari duit, sebab kalau dia boleh jadi peguambela untuk satu-satu kes kadang-kadang dia boleh ambil duit dahulu masuk dalam akaun dia, esok kalau menang pula sekian banyak dia boleh dapat. Dia bukan fikirkan dari segi kepentingan kes pembelaan itu, kepentingan negara, kepentingan undang-undang. Sebab itulah seringkali orang-orang yang terlibat dalam Majlis Peguam dia cari jalan hendak mempertikaikan Hakim tidak betul, proses mahkamah tidak betul, kerajaan zalim dan sebagainya.

Oleh sebab itu sudah sampai masanya kerajaan menubuhkan Majlis Peguam ini dengan menetapkan Peguam Negara menjadi Pengerusi ataupun Presiden. Kita tidak boleh benarkan semua jawatan itu dipilih, kita tahu memang mereka akan cari jalan, tuduh kata kita hendak kawal, tidak! Sekarang ini kalau kita fikirkan negara kita memberi hak sama rata, kita ada kebebasan bersuara. Orang boleh buat perhimpunan berceramah, orang boleh kritik kerajaan melalui NGO baik, melalui ceramah perdana baik, malah golongan yang ilmunan, di universiti dan sebagainya membuat perjumpaan, membuat ceramah, pidato dan sebagainya masih boleh kritik.

Media cetak kita masih bebas, *Harakah* masih keluar, saya bawa tetapi wakil mereka tiada. Ini surat khabar *Harakah*, saya pergi di Lapangan Terbang Alor Setar dua tiga kali, sekarang ini bila dia tengok saya, dia sembunyi duduk jual begitu juga, di tempat-tempat awam dijualnya tetapi dia tulis di sini “*Untuk Ahli Sahaja*”. Dalam akhbar itu terang-terang, ini edisi yang baharu dikeluarkan, dia kata, “*BN cetus krisis antara kaum setelah gagal dengan pelbagai isu ciptaannya*” - cukup hebat. Akhbar ini akhbar yang dikeluarkan oleh parti yang namanya Parti Islam SeMalaysia (PAS)

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ucapan masih panjang lagi?.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, tidak panjang dah.

Timbalan Yang di-Pertua: Sampai 4.30 petang sahaja, Yang Berhormat.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Ya, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, itu saya baru tunjuk muka pertama dan majalah *Tamadun*, macam-macam majalah, akhbar *Eksklusif* baru keluar. Kita boleh dapat macam-macam majalah semuanya hentam kerajaan. Keluar Internet pun sama juga, kita ada peruntukan RM60 juta untuk Kementerian Sains, Teknologi, dan Alam Sekitar. Saya minta supaya kementerian itu juga jangan peruntukan tambahan dilulus tetapi dari segi pengawasannya masih lagi tidak mampu. Kita boleh kesan siapa yang bertanggungjawab yang membuat program yang keluar dalam komputer ini, semua ini dakyah-dakyah yang memburukkan pemimpin, memfitnah dan sebagainya. Kita boleh kesan, dan kita harap kementerian ini akan mengambil perhatian dan akan mendapat maklumat itu.

Akhirnya oleh sebab Tuan Yang di-Pertua hendak suruh saya berhenti setakat itu, Dato' Haji Mohd. Zuki pun masuk, kalau tidak dia minta laluan, saya berharap-harap sangat dengan kelulusan peruntukan Perbekalan Tambahan (1998 dan 1999) 1999 ini, maka kerajaan akan dapat melaksanakan program-programnya khusus dari segi hendak membela rakyat yang berpendapatan rendah dengan sebaik mungkin dan kerajaan hendaklah berhati-hati, lebih berhemat, berwaspada dalam menguruskan wang-wang yang telah diluluskan itu dan hendaklah lebih telus, yang kita cakap transparent dalam urusan pentadbiran dan percepatkan konsep corporate governance yang dicakapkan itu supaya ianya menjadi lebih berkesan dan menjadi kerajaan yang lebih efektif. Sekian, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Datuk Haji Hashim bin Safin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan menjawab. Jam sudah menunjukkan 4.30 petang, tidak ada masa lagi.

4.30 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian.

Yang pertamanya, Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim, Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim, Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail, Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin, Yang Berhormat Dato' Ghazi bin Haji Ramli, Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin, Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu, Yang Berhormat Tuan Tee Thiong Hock dan Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, kesemuanya sepuluh orang yang telah mengambil bahagian.

Ingin saya maklumkan di sini banyak di antara Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun menyatakan mengenai pindahan RM9,944,000,000 dari Akaun Hasil Disatukan kepada Kumpulan Wang Pembangunan dan Akaun Pinjaman Disatukan itu. Sejumlah RM9,944 juta ataupun RM9.9 bilion lebih akaun semasa 1998 telah dipindahkan dari Akaun Hasil Disatukan kepada Kumpulan Wang Pembangunan di mana ringkasannya adalah seperti berikut:

- (i) Jumlah hasil adalah sebanyak RM56,709,609,738.10.

- (ii) Jumlah perbelanjaan mengurus sebanyak RM46,764,705,935.61.
- (iii) Lebihan akaun semasa sebanyak RM9,944,913,802.49.
- (iv) Pindahan kepada Kumpulan Pembangunan ini ialah sebanyak angka yang sama iaitu RM9,944,913,802.44.

Dengan pindahan RM9,944 juta ini akan mengurangkan defisit semasa akaun Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun 1998 dari RM8,049 juta kepada lebihan semasa RM5,714 juta. Defisit terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan pada 31 Disember 1998 adalah sebanyak RM2,324 juta.

Tindakan ini tidak akan melibatkan perbelanjaan sebenar kerajaan kerana semua perbelanjaan pembangunan kerajaan telah diperuntukkan melalui maksud perbelanjaan projek-projek berkenaan. Peruntukan tambahan yang diperlukan bagi pindaan tersebut adalah seperti berikut, B.30 tadi iaitu RM9.944 bilion ini tadi peruntukan yang sedia ada ialah RM586,700 dan peruntukan tambahan ialah sebanyak RM9.3 bilion.

Pindaan ini dibuat pada setiap tahun apabila terdapat lebihan di dalam akaun semasa dan jumlah pindaan yang telah dibuat untuk enam tahun lepas adalah lebih banyak daripada tahun 1998.

Yang Berhormat Puan Kamelia binti Ibrahim telah pun menyatakan mengenai sejauh manakah kualiti IPTS. Jadi, kerajaan telah pun mengambil langkah-langkah untuk menjamin kualiti IPTS, pertamanya setiap kursus pengajian perlu mendapat kelulusan sebelum boleh dikendalikan dan setiap kursus pengajian perlu mencapai tahap minimum sebelum pihak IPTS boleh menganugerahkan sijil, diploma atau ijazah yang berkaitan.

Yang ketiga, mendapat perakuan akreditasi daripada Lembaga Akreditasi Negara (LAN), perakuan ini dapat memperoleh nilai-nilai tambahan seperti pengiktirafan JPA dan boleh diberi pertimbangan untuk menjawat jawatan di sektor awam.

Apakah proses menentukan kelayakan untuk mendapatkan biasiswa yang ditanyakan oleh Yang Berhormat, apa yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat telah pun dilaksanakan, pemberian biasiswa mengambil kira latar belakang keluarga termasuk faktor demografi dan sebagainya.

Pelajar tidak menggunakan wang pinjaman untuk tujuan membiayai pengajian yang telah dibangkitkan, pelajar yang mendapat pinjaman seharusnya menggunakan wang untuk tujuan pengajian tersebut, sekiranya pelajar menggunakan untuk tujuan, bebanan ditanggung oleh pelajar sendiri kerana mereka terpaksa membayar balik wang pinjaman tersebut di akhir nanti.

Wang daripada Tabung Pendidikan Tinggi Nasional tidak dimanfaatkan untuk pelajar. Jadi, sejak ditubuhkan TPTN telah memberi pinjaman pendidikan kepada 31,108 pelajar yang melibatkan peruntukan sebanyak RM626.6 juta. Mulai tahun ini, seperti mana yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar, pinjaman juga diberi kepada pelajar-pelajar diploma selain daripada pelajar-pelajar peringkat ijazah pertama.

Apa yang dibuat sekarang ialah di mana TPTN memasukkan sekali ruang di dalam penerimaan masuk semasa mendaftar di institut pengajian tinggi, jadi pelajar-pelajar apabila mendaftar di institut pengajian tinggi, ia akan terus mengisi ruang yang berkenaan sama ada mereka memerlukan atau tidak memerlukan bantuan daripada kerajaan. Jika mereka memerlukan bantuan daripada pihak kerajaan melalui TPTN ini mereka akan mengisi ruang yang berkenaan. Ini melekaskan tindakan kerajaan untuk memberi pertolongan kepada penuntut yang baru masuk.

Yang Berhormat Datuk Haji Sairin bin Karno menyatakan terdapat juga IPTS yang mengenakan bayaran terlalu tinggi hingga RM6,000 semester, yuran pengajian IPTS ditentukan oleh pasaran, IPTS tidak menerima apa-apa bantuan kewangan dari pihak kerajaan. Mengikut peraturan IPTS yang bercadang mengutip apa jua jenis yuran, perlu mendapat kelulusan bertulis Kementerian Pendidikan.

Antara kriteria yang diambil kira sebelum sesuatu kelulusan diberi adalah kemudahan pendidikan yang disediakan dan perbandingan kadar yuran pengajian dengan IPTS lain yang mengendalikan kursus pengajian yang sama di kawasan yang sama.

Kementerian Pendidikan juga mengadakan perbincangan dari masa ke semasa dengan pihak Persatuan IPTS yakni Persatuan Kebangsaan Institut-institut Pendidikan Swasta dan Bebas (NAPAI) dan Persatuan Kolej-kolej Swasta Malaysia (MAPCO). Pada masa ini pihak Kementerian Pendidikan sedang meneliti struktur yang sedia ada bagi mencapai jalan supaya yuran pengajian yang

dikenakan berpatutan dan mampu dibiayai oleh sekurang-kurangnya rakyat yang berpendapatan sederhana.

Yang Berhormat Puan Kamelia dan juga Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki dan Yang Berhormat Tuan Tee Thiong Hock telah menanyakan mengenai kawalan dan juga mengenai kerugian pertukaran mata wang asing.

Pada tahun 1989, Malaysia telah mendapat pinjaman sebanyak RM897.2 juta di bawah AGDF untuk penggabungan sektor swasta khususnya perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana dalam bidang pembuatan, pelancongan dan pertanian.

Pinjaman ini telah diperuntukkan kepada empat buah institusi kewangan iaitu Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB), Bank Industri Malaysia Berhad (BIMB), Malaysia Industrial Development Finance (MIDF) dan Bank Pertanian Malaysia Berhad untuk dipinjamkan semula kepada pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana.

Bagi melaksanakan program pinjaman AGDF ini, risiko pertukaran wang asing bagi pinjaman Skim AGDF di bawah kendalian empat institusi tadi, MIDF, BIMB, BPMB dan Bank Pertanian Malaysia Berhad ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan.

Ini bermakna kerajaan akan membuat pembayaran kepada institusi-institusi kewangan berkenaan jika mereka mengalami kerugian dalam pertukaran mata wang Yen berbanding dengan Ringgit Malaysia.

Di samping itu institusi ini dikehendaki memulangkan kepada Perbendaharaan sekiranya mendapat keuntungan pertukaran asing bersama mereka melaksanakan bayaran balik pinjaman AGDF tersebut.

Di sini kita lihat bahawa MIDF jumlahnya ialah sebanyak RM9,365,295.62, Bank Pembangunan sebanyak RM6,309,593.85, Bank Industri sebanyak RM8,539,462.20, Bank Pertanian Malaysia Berhad sebanyak RM3,758,795.17.

Jadi, jika ada pertukaran itu mendapat kerugian, Perbendaharaan akan menokoknya dan jika dapat keuntungan keempat-empat badan itu tadi terpaksa membayar balik kepada kerajaan.

Mengenai kawalan modal secara terpilih yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki dan juga Yang Berhormat Senator Tee, secara keseluruhannya keluaran modal secara terpilih telah menstabilkan pasaran kewangan serta membantu memulihkan keyakinan pengguna dan pelabur dalam negeri. Justeru itu, beberapa pengurus dana utama antarabangsa telah meramalkan kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 1999 yang lebih tinggi daripada kadar sebanyak 1% yang dijangkakan oleh kerajaan. Goldman Sachs yakin ekonomi Malaysia akan pulih pada tahun ini dengan kadar 2% manakala Institute of International Finance and Credit masing-masing menjangka ekonomi Malaysia akan berkembang sebanyak 3% dan 3.1% pada tahun ini. Asas-asas ekonomi yang telah bertambah kukuh telah juga mendorong Standard and Poor untuk menaikkan taraf outlook Malaysia daripada negatif kepada stabil pada 31 Mac 1999. Ini merupakan peningkatan taraf yang pertama sejak mulanya krisis kewangan serantau. Jadi, untuk pelabur-pelabur asing dijangka terus untuk datang ke mari mereka akan mendapati bahawa keadaan kewangan kita adalah stabil. Tetapi sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Tee tadi, untuk anak-anak kita di luar negara merupakan satu perkara yang lain tetapi ini merupakan juga satu tanggungan yang amat berat oleh kerana kita masih lagi mengekalkan US\$1 bersamaan dengan RM3.80.

Yang Berhormat Senator Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, apakah langkah-langkah kerajaan terhadap pelajar-pelajar universiti yang terlibat dengan demonstrasi? Mereka terdiri daripada pelajar yang tidak mendapat bantuan kewangan dan golongan miskin dan berharap Tabung Pendidikan Nasional memberi kepada pelajar-pelajar yang benar-benar perlu.

Mengikut Artikel 45 Bahagian 5 - Peraturan Disiplin, Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) (Pindaan) 1996, seorang pelajar yang sabit kesalahan disiplin boleh dikenakan salah satu, dua atau lebih daripada hukuman yang

ditetapkan. Hukuman itu ialah sama ada diberikan amaran, didenda, digantung dari sebarang atau semua kemudahan universiti dan dibuang daripada universiti. Namun begitu, tindakan membuang terus pelajar yang terlibat dalam demonstrasi merupakan pilihan terakhir kerana masa hadapan mereka masih menjadi keutamaan. Setakat ini tiada bukti sama ada pelajar terlibat adalah pelajar yang miskin dan tidak mendapat biasiswa atau pembiayaan pendidikan oleh kerana frustrasi mereka merasa marah, mereka masuk berarak dalam demonstrasi berkenaan. Tetapi mereka ini ialah kebanyakannya mereka yang telah mendapat biasiswa.

Yang Berhormat Senator Hajah Mastika Junaidah binti Husin mengatakan terdapat IPTS di Langkawi yang pelajar perlu membuat rujukan tetapi tidak ada perpustakaan yang sempurna. Pelajar terpaksa menyeberangi laut untuk mendapatkan maklumat contohnya Kolej Lagenda. Pihak Lembaga Akreditasi Negara sentiasa mengadakan lawatan-lawatan penyeliaan setelah sesuatu kursus pengajian diluluskan. Lawatan pengesahan untuk memastikan tenaga pengajar dan kemudahan yang disediakan oleh IPTS berkenaan, berkualiti dan lawatan penilaian tahunan bagi menentukan tahap ini boleh dicapai oleh IPTS berkenaan. Mengikut maklumat yang diterima, kemudahan prasarana di Kolej Lagenda Langkawi dapat memenuhi keperluan pelajar termasuk kemudahan perpustakaan. Bahan-bahan rujukan yang disediakan berdasarkan kursus yang ditawarkan dan pihak kolej berkenaan sentiasa mengambil langkah-langkah penambahbaikan. Walau bagaimanapun, ingatan Yang Berhormat Senator Hajah Mastika Junaidah itu akan diambil perhatian.

Yang Berhormat Senator Kamilia binti Ibrahim juga telah menanyakan mengenai kertas percetakan laporan yang dibentangkan di Parlimen. Antara laporan tahunan yang dibentangkan di Parlimen ialah buku Belanjawan Tahunan,

buku Program dan Prestasi, Akaun Awam dan Laporan Ekonomi. Kos bagi mencetak buku-buku tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Buku Belanjawan Persekutuan 1999 - naskahnya sebanyak 1000, jumlahnya RM35,000 dan harga senaskah RM35.00.
- (ii) Buku Program dan Prestasi 1999 - naskah dicetak 900, jumlah RM42,300 dan harga senaskah RM47.00.
- (iii) Akaun Awam 1997 (Ringkasan) - naskahnya 1000 dan jumlahnya RM50,140 dan harga senaskah RM50.14.

Cuma apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Kamilia binti Ibrahim, kita ambil perhatian kerana ramai di antara Yang Berhormat tidak mengambil laporan-laporan berkenaan sedangkan laporan-laporan itu begitu penting, kalau dapat kita hantar ke sekolah-sekolah desa di mana mereka ada satu kertas dinamakan Kertas Am (General Paper) untuk mereka mengambil peperiksaan. Dasar-dasar kerajaan berserta dengan laporan-laporan tahunan oleh agensi-agensi kerajaan amatlah berguna.

Yang Berhormat Senator Kamilia binti Ibrahim juga telah menanyakan tentang bekalan air luar bandar dan jalan-jalan kampung. Kerajaan sentiasa mengambil berat di atas kebajikan dan kesejahteraan rakyat bagi menyediakan kemudahan-kemudahan asas bekalan air luar bandar dan jalan-jalan kampung. Bekalan air luar bandar kerajaan memperuntukkan sebanyak RM410 juta dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh mengikut negeri seperti berikut:

- 1. Johor - RM41 juta
- 2. Kedah - RM37 juta
- 3. Kelantan - RM41 juta
- 4. Melaka - RM82 juta

5. Negeri Sembilan - RM18 juta
6. Pahang - RM49 juta
7. Perak - RM20.5 juta
8. Perlis - RM12.3 juta
9. Pulau Pinang - RM4.92 juta
10. Selangor - RM26.24 juta
11. Terengganu - RM41 juta
12. Sabah - RM54.94 juta
13. Sarawak - RM54.94 juta

Jadi jumlah keseluruhannya ialah RM410 juta. Begitu juga dengan jalan-jalan kampung.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Datuk Haji Hashim bin Safin.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, pohon penjelasan sedikit mengenai peruntukan luar bandar khusus bagi negeri Kelantan disebut tadi RM41 juta. Adakah RM41 juta itu sebahagian daripada RM600 juta yang akan diberi atau RM41 juta itu adalah peruntukan biasa yang diberi dan apakah status Kerajaan Persekutuan mengenai RM600 juta untuk peruntukan air luar bandar bagi negeri Kelantan setakat ini?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: RM41 juta ini adalah yang telah tercatat di dalam buku dan yang baru-baru ini yang telah pun diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu ialah luar daripada apa yang ada di dalam anggaran asal, ya. Jalan-jalan kampung:

1. Johor - RM36.710 juta
2. Kedah - RM79 juta
3. Kelantan - RM79 juta
4. Melaka - RM20 juta
5. Negeri Sembilan - RM34 juta

6. Pahang - RM82 juta
7. Perak - RM19 juta
8. Perlis - RM78 juta
9. Pulau Pinang - RM13 juta
10. Selangor - RM29 juta
11. Terengganu - RM79 juta
12. Sabah - RM80 juta
13. Sarawak - RM79 juta
14. Wilayah Persekutuan Labuan - RM8.884 juta

Jumlah keseluruhannya RM716.594 juta.

Puan Kamilia binti Ibrahim juga menanyakan mengenai penamatan pekerja di pihak swasta oleh kerana kegawatan ekonomi dan dapat kita lihat bahawa purata bulanan penamatan pekerja Malaysia jatuh di antara 2,000 - 3,000 orang dalam beberapa bulan pertama 1999. Daripada 7,000 - 8,000 orang tahun 1999, yang menunjukkan tanda pemulihan dalam ekonomi. Antara 1 Januari 1999 hingga 8 Mei 1999, jumlah penamatan kerja berjumlah 16,565 berbanding 83,665 dalam keseluruhan tahun 1998. Oleh kerana penguncupan ekonomi kita 6.7% ekonomi dalam tahun lalu mengakibatkan pertumbuhan guna tenaga menurun dan kadar pengangguran melambung kepada 3.9% tetapi kalau mengikut konvensional di bawah 4% merupakan guna tenaga yang penuh, ya. Jadi kita masih lagi cerah pada masa hadapan.

Yang Berhormat Senator Abdillah bin Abdul Rahim telah mengatakan mengapa pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Petra Jaya agak lewat pembinaannya. Pembinaan ini ialah di bawah Syarikat WMM Holdings Sdn. Bhd.,

anak syarikat tempatan. Prestasi pembinaan Balai Bomba Petra Jaya Kuching, agak lewat. Prestasi mengikut jadual 20%, prestasi yang sebenar sekarang ini 12%, kelewatan projek 8%. Kelewatan projek sebanyak 8% adalah disebabkan kelewatan atau kegagalan pihak kontraktor menjalankan pembinaan mengikut jadual. Baru-baru ini Jabatan Bomba bersama dengan JKR telah mengadakan perbincangan dengan kontraktor-kontraktor yang berkenaan dan kontraktor sudah memulakan projek yang berkenaan.

Ramai daripada Ahli Yang Berhormat telah menanyakan maklumat mengenai perkembangan Koridor Raya Multimedia (IT). IT ini adalah Information Technology, bukannya ibu tunggal, ya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan pelan Koridor Raya Multimedia (MSC) setakat ini telah mencapai kemajuan yang amat memuaskan. Fasa pertama pelaksanaan mulai 1996 - 2003 yang menetapkan lima matlamat utama telah dicapai semuanya, iaitu:

- (i) telah berjaya menubuhkan satu Koridor Raya Multimedia dengan memiliki kawasan seluas 15 km x 50 km, bermula dari Menara Kembar Petronas di KLCC di utara dan memanjang ke selatan hingga ke KLIA;
- (ii) telah memberikan status MSC kepada 215 syarikat, di mana 36 syarikat adalah bertaraf dunia, sasaran yang ditetapkan ialah 50 syarikat bertaraf dunia menjelang tahun 2003;
- (iii) telah melaksanakan projek-projek aplikasi perdana khususnya Projek Aplikasi Pembangunan Multimedia iaitu Kerajaan Elektronik, kad pelbagai guna, Sekolah Bestari dan Teleperubatan. Dengan adanya peruntukan tambahan di bawah Kajian Separuh Penggal (KSP) adalah

dijangkakan pelaksanaan projek-projek tersebut akan berjalan lancar sementara aplikasi perdana lain iaitu kelompok Pendidikan dan Pembangunan (P&P) Jaringan Pengilangan Sedunia dan Pemasaran Tanpa Sempadan sedang digabungkan untuk dilaksanakan;

- (iv) telah diwujudkan undang-undang cyber bertaraf dunia iaitu Akta Tandatangan Digital (Pindaan), Akta Hakcipta, Akta Teleperubatan, Akta Jenayah Komputer dan Akta Komunikasi dan Multimedia; dan
- (v) telah bersedia untuk melancarkan Cyberjaya sebagai nadi pembangunan di MSC pada bulan Julai 1999. Cyberjaya akan menjadi pusat penempatan syarikat-syarikat bertaraf dunia dan akan menjadi pelengkap kepada pembangunan Putrajaya sebagai pusat pentadbiran kerajaan yang baru dan canggih.

Dalam usaha pembangunan MSC ini kerajaan telah menawarkan insentif yang menggalakkan bagi menarik syarikat bertaraf dunia supaya beroperasi di MSC. Insentif-insentif yang diberikan seperti yang terkandung di dalam, dengan izin, Bill of Guarantees termasuklah insentif kewangan. Walaupun insentif dan galakan yang telah pun disediakan untuk MSC adalah yang terbaik tetapi sekiranya didapati perlu kerajaan akan memperkenalkan insentif baru bagi meningkatkan daya tarikan MSC dari masa ke semasa.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya, pendek sahaja. Berapakah syarikat-syarikat luar yang datang melabur di MSC ini dengan mempunyai saham ataupun modal 100% dipunyai oleh syarikat asing?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Semasa kegawatan ekonomi masing-masing cuba menelahkan bahawa MSC ini akan kecundang, tidak akan berjaya tetapi MSC ini kita tahu bahawa dalam sektor telekomunikasi, kita memberikan pengiktirafan 100% boleh dibawa daripada luar negara. Ini tidak termasuk yang lain-lain. Jadi, komunikasi telekomunikasi kita beri pengiktirafan

100% boleh dibawa dari luar negara. Banyak daripada peruntukan-peruntukan yang didapati daripada syarikat-syarikat ini adalah daripada luar negara dan bukan di dalam negara. 215 syarikat di mana 36 syarikat adalah bertaraf dunia. Sasaran yang diiktiraf ialah 50 syarikat bertaraf dunia menjelang tahun 2003.

Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail telah pun menerangkan dengan panjang lebar tentang pencemaran sungai oleh penternak-penternak babi berlaku sebelum daripada wabak JE lagi. Mengapa kerajaan tidak bertindak segera bagi menangani masalah pencemaran sungai dan alam sekitar. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemantauan sungai-sungai yang dicemari oleh aktiviti-aktiviti ternakan haiwan yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar sepanjang tahun bermula daripada tahun 70-an. Tujuan utama pemantauan ini adalah untuk mengetahui tahap pencemaran yang berlaku di sungai tersebut dari kesannya terhadap kualiti air sungai yang dicemari. Walau bagaimanapun, kajian dari wabak JE bukanlah berpunca daripada pencemaran air sungai hasil daripada buangan ternakan. Penyakit JE juga tidak merebak melalui air dan udara. Oleh itu, pemantauan penyakit ini ialah dalam bidang kuasa Kementerian Kesihatan tetapi concern Yang Berhormat tentang pencemaran ini yang dikatakan banyak sungai telah dicemar oleh penternak-penternak babi ini adalah dalam perhatian kerajaan.

Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad bin Ismail juga telah menanyakan mengenai isu bantuan kecelakaan JE diberikan sedangkan bantuan-bantuan penternak lain seperti penyakit kuku dan mulut tidak diberi bantuan. Kerajaan telah menubuhkan tabung khas mengenai masalah JE bagi memberi bantuan kepada penternak babi dengan kategori berikut:

- (i) bagi kawasan kritikal – bayaran ehsan khas pemusnahan babi kepada pemilik pada kadar RM50 seekor;
- (ii) membayar upah pemusnahan babi termasuk pelupusan bangkai sebanyak RM3 seekor;
- (iii) bagi ladang di luar kawasan kritikal dan ternakan dianggap selamat daripada wabak JE penternak babi yang menyerahkan secara sukarela ternakan mereka untuk dimusnahkan, bayaran ehsan adalah

pada kadar RM10 seekor dan bayaran upah pemusnahan pelupusannya adalah RM3 seekor.

Kerajaan tidak mempunyai tabung khas tertentu bagi menangani masalah bencana seperti penyakit kuku dan mulut. Dalam pada itu kerajaan telah menubuhkan Tabung Bencana Negara untuk memberi bantuan kepada agensi kerajaan atau orang perseorangan yang menghadapi malapetaka seperti mangsa ribut Greg, kemusnahan tembakau kerana banjir, malapetaka kebakaran di Sabah, Sarawak dan sebagainya. Sumbangan bantuan tidak langsung kerajaan yang diberikan adalah termasuk pemberian anak-anak ayam, benih-benih pokok dan khidmat nasihat yang diberikan melalui jabatan dan Kementerian Pertanian.

Masalah konsesi penswastan yang memerlukan syarikat mempunyai peruntukan melaksanakan projek tersebut, mengenai tol dan mengenai highway, sepatutnya tidak membawa masalah. Jadi, sememangnya perlantikan syarikat telah dianalisa dan dipilih daripada syarikat yang dianggap berdaya maju. Antara satu kriteria adalah syarikat hendaklah mempunyai ekuiti pada kadar 30:70 iaitu 30% ekuiti dan 70% pinjaman. Dalam pada masa yang sama, syarikat akan membuat unjuran pulangan balik yang tidak membebankan kerajaan dan rakyat. Dalam keadaan kegawatan ekonomi dan kejatuhan mata wang telah memberi kesan yang ketara mengakibatkan kerajaan terpaksa menyelesaikan bagi mengelakkan projek tersebut akan berterusan tertangguh atau terbengkalai.

Cadangan Yang Berhormat supaya kerajaan membantu syarikat kecil bumiputera dari bermasalah pinjaman dengan bank dan mengekalkan pegangan bumiputera sebagaimana juga kerajaan membantu syarikat besar yang lain, bagi menjawabnya bagi permasalahan dengan bank, kerajaan melalui Danaharta akan mengambil alih mana-mana NPL yang bernilai RM5 juta ke atas. Bagi pinjaman yang bernilai kurang daripada RM5 juta, kerajaan akan membantu syarikat tersebut melalui khidmat CDRC di Bank Negara dengan bank-bank. Penyelesaian dibuat tanpa melibatkan pihak mahkamah. Dalam menyelamatkan pegangan bumiputera dan kerajaan, agensi seperti PNB, PNS dan Lembaga Urusan Tabung Haji akan mengambil alih kepentingan pihak tertentu jika ianya strategik dan mempunyai kepentingan negara.

Cadangan Yang Berhormat supaya CEO atau ahli lembaga pengarah tidak wajar dianggotai oleh orang politik atau pesara kerajaan supaya pengurusan syarikat atau badan-badan berkanun kerajaan lebih efisien, perlantikan ahli lembaga pengarah bagi syarikat di bawah Kementerian Kewangan Diperbadankan adalah dibuat dalam tempoh yang tertentu. Mana-mana ahli yang tidak menunjukkan prestasi dan tidak menyumbang kepada agensi terbabit akan diminta untuk berhenti atau tidak akan disambung perkhidmatannya. Kementerian Kewangan akan menimbangkan secara khusus jika Yang Berhormat dapat memaklumkan secara khusus bagi mana-mana agensi yang CEO atau ahlinya tidak berkeupayaan untuk memberi sumbangan.

Mengenai kejatuhan harga getah dan kesannya kepada pekebun kecil dan langkah-langkah peningkatan nasional bagi menanganinya, harga getah purata tahunan FOB bagi getah gred RSS1 mencapai tahap tertinggi RM392.46 sekilogram pada tahun 1995 dan mulai menurun pada tahun 1996. Harga getah FOB RSS1 pada 23 Mac 1999 adalah RM232.50 sekilogram berbanding pada harga pada tahun 1998 iaitu RM281.18 sekilogram. Harga getah FOB bagi getah gred SMR20 juga mencapai tahap tertinggi RM358.99 sekilogram pada tahun 1995 dan mulai menurun pada tahun 1996. Harga getah FOB SMR20 pada 23 Mac 1999 adalah RM200.50 sekilogram berbanding pada harga pada tahun 1998 iaitu RM270.79 sekilogram. Harga petunjuk INRO telah pun memecah harga RM150.50 sekilogram pada 23 Mac 1999 iaitu lebih rendah daripada paras floor price iaitu RM157 sekilogram.

Penurunan harga getah yang berlaku sekarang, antara lain disebabkan oleh lebihan penawaran. Walau bagaimanapun, Malaysia telah mengurangkan pengeluarannya pada tahun-tahun kebelakangan ini.

Thailand dan Indonesia sebaliknya telah meningkatkan pengeluaran mereka. Pengeluaran Thailand telah meningkat dari 1.94 juta tan metrik dalam tahun 1996 kepada 2.05 juta metrik dalam tahun 1998, dan dianggarkan mencecah 2.15 juta tan metrik tahun 1999. Indonesia pula telah meningkatkan pengeluaran daripada 1.54 juta tan metrik dalam tahun 1996 kepada 1.57 juta tan metrik dalam tahun 1998 dan dianggarkan mencecah sehingga 1.73 juta tan metrik pada tahun 1999.

Oleh kerana itu kerajaan sekarang sedang bergiat dan mencuba sedaya upaya untuk membantu pekebun-pekebun kecil dengan membeli susu getah dan getah sekerap secara bersendirian.

Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Ismail juga menanyakan juga tentang bentuk tugas yang dijalankan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia semasa operasi JE dan apakah sumbangan yang akan diperolehi? Tugas-tugas yang dijalankan oleh Bomba ialah mengepam air dari lubang yang digali untuk ditanam babi, membuat kerja-kerja nyahcemar kepada semua petugas JE yang keluar daripada tempat operasi begitu juga kenderaan, membuat semburan bahan racun serangga melalui udara menggunakan helikopter pada hari pertama operasi, membantu Jabatan kesihatan di dalam membuat semburan bahan kimia 'lysoi' pada kandang-kandang yang telah ditinggalkan.

Dan tarikh bermula operasi JE Bukit Pelandok ialah pada 23.3.1999 dan berakhir pada 19.4.1999, anggota dan pegawai bomba yang terlibat ialah sebanyak 290 orang. Operasi di Perak, Johor dan Melaka masih berjalan pada masa ini dan sumbangan yang diperolehi dari kerajaan adalah sebanyak RM50.00-RM55.00 seorang bagi setiap hari bertugas. Kelulusan hanya untuk operasi di Bukit Pelandok sahaja.

Untuk operasi kemarau di Sabah dan Sarawak tahun 1998 yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Tuan Abdillah, penghantaran permulaan pegawai dan anggota Airbond ke Miri Sarawak seramai 20 orang berakhir pada 20.2.1998. Tambahan penghantaran pegawai dan anggota dilakukan seramai 750 orang bertarikh 13.3.1998 hingga 22.3.1998, pada pecahan negeri Sabah 330 orang, negeri Sarawak 440 orang. Penghantaran ketiga dilakukan bagi pertukaran pegawai dan anggota bomba pada penghantaran pertama dan kedua seramai 750 orang pada tarikh 13.4.1998 hingga 17.4.1998 seperti negeri Sabah 320 orang, dan negeri Sarawak, Miri 430 orang. Tarikh akhir pulang pegawai dan anggota bomba dari negeri Sabah dan negeri Sarawak bermula dari 22.5.1998 hingga 28.5.1998 jumlah keseluruhan anggota yang bertugas di negeri Sabah, negeri Sarawak sepanjang operasi berjalan adalah berjumlah 1,520 orang.

Cadangan juga dibuat oleh Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Ismail mengenai penubuhan agensi pusat untuk menyelaraskan program atau keputusan supaya keputusan yang tepat dapat dibuat. Yang Berhormat juga mencadangkan supaya keputusan agensi tersebut hendaklah dipatuhi oleh agensi-agensi terbabit. Sesungguhnya kita ada Unit Penyelarasan Pelaksanaan JPM telah ditubuhkan untuk mengkoordinasikan sebarang permasalahan pelaksanaan dan sekarang kita sedang mengadakan mesyuarat dua kali seminggu untuk menyelaraskan kerja-kerja pembangunan.

Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin telah membincangkan dengan panjang lebar dan meminta diplomat-diplomat negara yang sedang berkhidmat sekarang mempunyai kualiti-kualiti proaktif bukan sahaja dalam memelihara kepentingan negara tapi juga bagi menghadapi apa-apa sahaja krisis. Ini kita sanjungi dengan pandangan ini dan Kementerian Luar Negeri sentiasa memelihara kualiti ini bagi menghadapi cabaran baru dan alaf baru misalnya mereka akan diberi maklumat terkini mengenai krisis yang dihadapi oleh negara ketika ini.

Yang Berhormat Datuk Zainudin juga meminta supaya dilantik di kalangan ahli politik yang sesuai sebagai pesuruhjaya duta dan sebagainya, ahli diplomat kita di luar negara. Kerajaan sememangnya ada melantik ketua-ketua atau perwakilan kita di luar negara dari kalangan ahli politik seperti Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di New Zealand, Utusan Malaysia di PBB New York dan Presiden Pusat Persahabatan dan Perdagangan Malaysia di Taiwan. Saya yakin memang ada ahli-ahli politik yang layak dilantik sebagai duta besar, pesuruhjaya tinggi dan hal ini akan diteliti dari masa ke semasa.

Yang Berhormat Datuk Zainudin juga meminta supaya perlantikan ketua-ketua perwakilan di luar negara ini mesti mendapat persetujuan political masters dahulu supaya mereka sesama mereka membuat percaturan masing-masing. Perlantikan seseorang ketua perwakilan diplomat adalah berlandaskan pada kesesuaian dan kepakaran dalam bidang-bidang yang tertentu serta yang terkini yang difikirkan sesuai bagi negara-negara yang berkenaan. Perlantikan para diplomat ini juga sudah semestinya mendapat pertimbangan dan kelulusan pihak political masters yang dikatakan.

Sekarang ini untuk perhatian Yang Berhormat, latihan sentiasa diberi kepada pegawai-pegawai kita di Kementerian Luar Negeri, diplomat diberi latihan sebelum berkhidmat dalam perkhidmatan dari masa ke semasa dengan tumpuan kepada semua aspek diplomasi dan kita telahpun menubuhkan Institut Diplomasi di Petaling Jaya iaitu bangunan lama Institut Tadbiran Awam Negara itu dan semua pegawai yang akan berkhidmat, yang telah berkhidmat dan memberi informasi yang terkini terpaksa datang ke institut latihan ini untuk diberi sendiri oleh diplomat-diplomat yang lain. Cadangan supaya diplomat-diplomat ini berkhidmat di universiti dan sebagainya ini satu cadangan yang bagus kerana diplomat-diplomat ini merupakan 'hands-on' bagaimana kemahiran negotiation yang kerap dilakukan secara case study dan apa yang dilakukan sekarang oleh institut latihan ini ialah memanggil diplomat-diplomat yang berkenaan untuk memberikan syarahan-syarahan kepada bakal-bakal diplomat.

Kalau di luar negara selalunya diplomat-diplomat ini sebelum mereka bersara atau selepas mereka bersara, mereka akan menulis 'memoir' mereka dan ini kita galakkan dan kerajaan menggalakkan supaya bukan sahaja diplomat tetapi semua pegawai kerajaan selepas mereka bersara mereka sepatutnya menulis 'memoir' mereka. Tetapi untuk menulis memo mereka ini pula kita kena latih anak-anak kita daripada kecil tiap-tiap hari dia mesti tulis diari dia, apa perasaan dia, apa yang berlaku dan sebagainya tiap-tiap hari sebelum mereka tidur. Inilah budaya di negara Barat di mana tiap-tiap orang sebelum mereka tidur, mereka akan menulis perasaan mereka pada hari itu dan aktiviti-aktiviti mereka pada hari itu. Oleh kerana itu apabila mereka pencek mereka dapat menulis 'memoir' mereka dengan lebih tepat, dengan lebih penuh perasaan, kerana memoir-memoir ini menunjukkan bagaimana cara mereka mengatasi masalah-masalah yang tidak didapati di dalam buku.

Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin telahpun menanyakan mengenai kenapa Pasukan Bomba Sukarela hanya merupakan kebanyakannya mereka daripada kaum Cina. Jabatan Bomba dan Penyelamat pada dasarnya amat menggalakkan pertubuhan Pasukan Bomba Sukarela di seluruh negara terutamanya bagi membantu jabatan semasa ada kebakaran. Pada masa ini

semua Pasukan Bomba Sukarela adalah bergantung kepada usaha dan inisiatif masyarakat setempat. Jadi kalau di Selangor kita ada Pulau Ketam, di Pulau Ketam ini dihuni oleh semua kaum Cina kebanyakannya lebih kurang 99%, jadi pasukan bomba di sana terdiri daripada orang-orang Cina dan mereka ini aktif dan jabatan berharap kaum-kaum lain di negara ini akan mengikuti langkah-langkah ini supaya usaha kita untuk membasmi kebakaran dapat kita lakukan.

Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin pun telah menanyakan tentang lembaran imbangan negara pada 31 Disember 1998, saya ada lembaran ini. Aset kita wang tunai ialah sebanyak RM26,264,496,645; pelaburan kita ialah sebanyak RM12,777,062,237; akaun hasil disatukan RM11,863,127,086 akaun amanah yang disatukan sebanyak RM23,838,337,038 dan akaun pinjaman yang disatukan sebanyak RM3,290,094,368. Jadi, jumlah Kumpulan Wang Yang Disatukan dicampur wang tunai, dicampur pelaburan, dicampur Akaun Hasil Disatukan, dicampur Akaun Amanah Disatukan dan dicampur juga Akaun Pinjaman Disatukan menjadikan RM78,991,598,882. Jadi kalau Yang Berhormat Puan Mastika hendak melihat kita punya lembaran, bolehlah saya beri kemudian.

Yang Berhormat Dato' Ghazi dan juga Yang Berhormat Puan Mastika telah membangkitkan mengenai peruntukan bagi Kumpulan Wang Pembayaran RM9 bilion iaitu sebagai satu jumlah yang besar dan wajar sekali kita melihat bagaimana hakikat pengurusan kumpulan wang pembangunan ini dan sepertimana yang saya katakan tadi bahawa kerajaan secara total bukan memotong belanjawan untuk menyekat aktiviti kementerian atau jabatan kerajaan, ianya adalah alat untuk mengawal perbelanjaan.

Agensi adalah diminta untuk mengesahkan semula keperluan masing-masing jika ia benar-benar perlu, Perbendaharaan akan menimbang semula keperluan tersebut. Jadi, kita punya potongan 18%, 20% on the Board itu berdasarkan kepada peruntukan yang telah kita beri sebelum ini yang tidak habis.

Oleh kerana itu kalau kita potong 18%, kita percaya bahawa peruntukan itu tidak habis tetapi kalau misalnya ada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang memerlukan peruntukan yang lebih, kita akan beri, umpamanya Jabatan Polis,

Jabatan Kastam yang memerlukan patrol untuk meronda pantai kita daripada dimasuki oleh pendatang asing dan mereka menyatakan, mereka tidak cukup peruntukan, kita beri ya. Jadi, terpulanglah kepada controlling officer, jabatan-jabatan yang berkenaan untuk menyatakan sama ada mereka cukup atau tidak dan kita mempunyai polisi yang baru iaitu dengan izin, let the manager managed. Jadi, kita serahkan peruntukan itu kepada kementerian dan kementerian berkenaan akan menjalankan urusannya.

Mengenai pengagihan peruntukan yang dikatakan tadi tidak tepat masa dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah melaksanakan sistem belanjawan yang baru, bermakna kementerian, jabatan kerajaan yang dipanggil iaitu pegawai pengawal (controlling officer) mempunyai kuasa yang lebih besar daripada sebelumnya. Jadi, Perbendaharaan akan menyalurkan waran am Belanja Mengurus dan waran am Belanja Pembangunan setiap tahun bagi tahun belanjawan. Terpulanglah kepada pegawai pengawal melaksanakan projek sebagaimana yang telah diluluskan. Hakikatnya bagi peruntukan tahun 1999, waran am telah dikeluarkan pada kementerian dan jabatan berkenaan pada 30 Disember 1998. Jadi, kalau kementerian-kementerian berkenaan mengatakan dia tidak ada waran lagi, tidaklah betul.

Yang Berhormat Dato' Zuki telah pun meminta supaya rakyat Malaysia bertugas diperwakilan Malaysia di luar negara sebagai kakitangan sambilan tempatan. Sekarang ini pegawai-pegawai rendah, kita ambil pegawai-pegawai tempatan, bukannya pegawai-pegawai daripada Malaysia dihantar ke sana.

Tadi, Yang Berhormat Dato' Zuki menyatakan, mengapa tidak pegawai-pegawai ini juga dibawa daripada Malaysia. Jika kerajaan menghantar rakyat Malaysia bekerja sebagai kakitangan sambilan tempatan, ini akan melibatkan kos operasi yang lebih tinggi seperti gaji, tempat tinggal, elaun perjalanan, perubatan dan lain-lain lagi. Di samping itu faktor-faktor lain perlu diambil kira seperti penguasaan bahasa tempatan dan undang-undang buruh negara berkaitan yang tidak membenarkan mereka bekerja sebagai kakitangan sambilan tempatan. Jadi, ada kategori-kategori kerja bawahan ini diperlukan orang tempatan dan bukan orang daripada negara kita. Jadi, ini adalah undang-undang buruh mereka.

Pewujudan balai bomba di kawasan Benta, Kuala Lipis yang dibangkitkan oleh Dato' Zuki tadi. Pewujudan balai bomba di serata kawasan adalah berlandaskan kepada pembangunan di kawasan itu, jumlah dan jenis risiko yang ada di kawasan berkenaan. Jarak dengan balai bomba terdekat, jumlah aktiviti manusia di satu kawasan itu. Oleh itu amatlah digalakkan, ditubuhkan Pasukan Bomba Sukarela dahulu sebelum kriteria-kriteria di Benta ini dapat memungkinkan pembinaan balai bomba didirikan.

Yang Berhormat Dato' Zuki dan juga Tuan Tee Thiong Hock telah pun menyatakan tentang modal asing tadi, memasuki negara. Perlu saya jelaskan di sini ialah sejumlah sebanyak RM1.436 bilion modal bersih asing yang baru telah mengalir masuk ke dalam negara pada 12 Mei lalu. Ia merupakan kemasukan modal yang besar berbanding aliran bersih sebanyak RM18.5 juta pada 10 Mac yang lalu. Jadi, jumlah modal bersih itu tidak termasuk pelaburan terus asing (FDI) dan mencatatkan setelah mengambil kira aliran keluar modal. Kemasukan modal itu yang menggalakkan adalah ekoran perubahan dalam kawalan modal berpilih dengan memperkenalkan cukai keluar dalam bentuk pengenaan levi yang telah pun saya jelaskan tempoh hari.

Sejumlah 6,000 akaun baru telah diwujudkan bagi modal yang memasuki negara ini selepas 15 Februari 1999. Ini menunjukkan kembalinya keyakinan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur yang telah menunjukkan prestasi yang menggalakkan pada ketika ini.

Yang Berhormat Tuan Tee juga telah menyatakan tiadanya biasiswa yang diberikan oleh JPA bagi tujuan melanjutkan pelajaran di luar negara. Saya menyambut baik cadangan Yang Berhormat tadi mengenai institusi-institusi ternama seperti Oxford, Cambridge, Harvard dan satu institusi Yang Berhormat datang telah pelajari.

Sebenarnya kerajaan masih lagi menyediakan biasiswa keluar negara bagi bidang-bidang tertentu dan terpilih di institusi-institusi tertentu dan institusi-institusi terpilih. Kerajaan juga mempunyai modus operandi untuk membantu pelajar melalui tabung pendidikan nasional yang telah pun saya katakan tadi. Jadi,

ktia berharap pelajar-pelajar cemerlang yang dapat mendaftar di institusi-institusi cemerlang kita akan terus menghantarnya.

Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar telah menanyakan tentang B.29 – Anggaran Penggunaan LPG. Dimaklumkan bahawa berikutan kepada kajian harga barangan-barangan petroleum bulan Disember 1998, kerajaan telah memutuskan supaya kadar subsidi LPG yang diberi kepada syarikat-syarikat minyak di seluruh negara untuk bulan Februari 1999 dinaikkan kepada RM80 kepada RM0.06 sen satu kilogram. Bagi Semenanjung Malaysia RM74.38 sen satu kilogram bagi Sabah dan RM74.94 satu kilogram bagi Sarawak.

LPG ini adalah tong gas masak di rumah, bukannya gas di tempat yang lain. Anggaran penggunaan LPG kilogram di Semenanjung ialah RM81,130,000, di Sabah RM5,400,000, Sarawak RM6,290,000 dan kadar subsidi yang saya katakan tadi ialah Semenanjung RM80.06, Sabah RM74.38 dan Sarawak RM74.94. Jadi, oleh kerana itu tiap-tiap tahun kita minta peruntukan tambahan untuk mengatasi masalah ini.

Mengenai peralatan tanpa latihan, ini merupakan satu pembaziran yang disuarakan oleh Tuan Haji Abu Bakar tadi. Pada masa ini memang telah wujud sebuah akademik bomba di Kuala Kubu Bharu yang menawarkan latihan dalam pelbagai disiplin termasuk pemadam kebakaran dan penyelamat dan kita berasa bangga kerana Indonesia juga negara-negara lain turut menghantar ahli-ahli bomba mereka berlatih di tempat kita. Kita juga akan melatih mereka di tempat mereka sendiri dan dengan adanya MOU yang telah kita tandatangani di antara Indonesia dan juga Malaysia, kita harap teething problem, dengan izin, pada masa-masa yang lampau tidak akan timbul lagi.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1998 dan 1999 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun-tahun itu telah dipersetujui tanpa pindaan.

Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 53(2) Peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Negara, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (1998 dan 1999) 1999 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan

RANG UNDANG-UNDANG PELESENAN KENDERAAN PELANCONGAN 1999

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

5.23ptg.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Teng Gaik Kwan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang bernama suatu Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Dato' Teng Gaik Kwan: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mempunyai matlamat untuk mencapai kedatangan pelancong asing seramai 7.6 juta orang pada tahun 2000 dengan harapan untuk memperolehi pendapatan pertukaran asing darinya sebanyak RM15.7 bilion. Berbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan secara berterusan untuk mencapai matlamat ini. Di antara usaha-usaha tersebut termasuklah membangunkan produk dan aktiviti pelancongan, membangkitkan pelancongan domestik, promosi dan pemasaran, membangunkan kemudahan asas infrastruktur dan accessibility pelancongan. Disebabkan negara dan serantau menghadapi berbagai masalah sejak tahun 1997 seperti masalah jerebu, penyakit coxsackie dan taun, kekurangan air, kegawatan ekonomi, masalah perhubungan dengan Singapura, laporan negatif media asing, demonstrasi kecil Kuala Lumpur baru-baru ini, wabak penyakit virus JE, Hendra dan Nipah maka kedatangan pelancong pada tahun 1998 telah merosot sebanyak 11.3% iaitu dari sejumlah 6.2 juta orang pada tahun 1997 kepada 5.5 juta orang pada tahun 1998.

Kemerosotan kedatangan pelancong ini diikuti dengan kemerosotan pendapatan pertukaran asing darinya sebanyak 11.2% pada tahun 1998 iaitu dari RM10,509.8 juta pada tahun 1997 kepada RM9,334.2 juta. Jumlah pendapatan pertukaran asing yang diperolehi pada tahun 1998 itu adalah daripada perbelanjaan yang dilakukan oleh pelancong sebanyak 34.2% atau RM3,192.3 juta untuk penginapan; 18.5% atau RM1,726.8 juta untuk makanan dan minuman; 21.7% atau RM 2,025.5 juta untuk membeli-belah; 4.4% atau RM410.7 juta untuk lawatan yang diatur; 8.4% atau RM784.1 juta untuk pengangkutan tempatan; 3.8% atau RM354.7 juta untuk penerbangan domestik; 3.4% atau RM317.4 juta untuk hiburan dan 5.6% atau RM522.7 juta untuk perbelanjaan lain.

Daripada aktiviti perbelanjaan pelancongan ini, maka didapati hanya RM1,138.8 juta atau 12.2% sahaja yang dibelanjakan untuk pengangkutan. Jumlah

perbelanjaan untuk aktiviti ini adalah kecil dan oleh kerana itu Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sedang berusaha untuk mempertingkatkan pendapatan pertukaran asing pelancongan daripada aktiviti pengangkutan kerana aktiviti ini merupakan pelengkap kepada aktiviti pelancongan yang lain dan mempunyai potensi untuk dibangunkan.

Di antara usaha-usaha tersebut termasuklah menggubal Akta Kenderaan Pelancongan 1999 yang khusus kepada pengangkutan bas persiaran dan kereta sewa - pandu. Melalui pelaksanaan akta ini maka kementerian akan dapat memastikan untuk mempermudah dan mempertingkatkan keberkesanan penyelarasan pengawalseliaan dan pemantauan aktiviti pengangkutan pelancongan supaya ianya membangun dan tumbuh secara berterusan menjadi lengkap kepada aktiviti pelancongan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 dan dengan demikian pengurusannya dapat dilaksanakan secara bersepadu di bawah satu agensi pelaksana yang menguruskan hal ehwal pelancongan. Ini akan menjimatkan kos dan usaha serta dapat mewujudkan persaingan yang sihat, dapat mempertingkatkan kualiti kemudahan dan perkhidmatan kepada pelancong dari segi keselamatan, kesihatan dan keselesaan.

Ini akan dapat menggalakkan kedatangan pelancong berulang, dapat memperkukuhkan lagi pakej-pakej lawatan melalui program-program bersepadu seperti Fly Dry Tourism dan time sharing kenderaan dengan menggunakan kemudahan infrastruktur yang ada seperti Lebuhraya Utara Selatan. Ini akan mewujudkan satu pakej yang menarik yang mempunyai value-for-money travel dan value-added dan dengan demikian ianya akan menjadi produk yang kompetitif dan dapat mempertingkatkan pendapatan dalam aktiviti pengangkutan pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-Undang Akta Kenderaan Pelancongan 1999 (Bas Persiaran dan Kereta Sewa Pandu) ini mengandungi aspek yang berkaitan dengan pelesenan dan pengawalseliaan kenderaan pelancongan yang sebelum ini dilakukan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Pelancongan melalui Akta Lembaga Kenderaan Perdagangan 1987 Akta 334. Pada amnya, peruntukan-peruntukan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 Akta 334 yang berkaitan dengan Kenderaan Pelancongan (Bas Persiaran Dan Kereta Sewa Pandu)

adalah dikekalkan dan dimasukkan ke dalam Akta Kenderaan Pelancongan 1999. Walau bagaimanapun, beberapa pengubahsuaian telah dibuat untuk memenuhi keperluan industri pelancongan supaya selaras dengan peruntukan di dalam Akta Industri Pelancongan 1982.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Kenderaan Pelancongan 1999 mengandungi lima bahagian dan perkara-perkara seperti berikut:

Timbalan Yang di-Pertua : Yang Berhormat panjang lagikah.

Dato' Teng Gaik Kwang: Ada lagi, panjang juga.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau panjang lagi, kita tangguhkan.

Dato' Teng Gaik Kwang: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi hari Isnin 24 Mei 1999.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.